

**KEPENGARANGAN PENULIS “MUKHTAR
MUSTAFA” DALAM KUMPULAN CERPEN
CAHAYA DARI PERABUNG MELALUI
TEORI TEKSDEALISME**

**PUTRI NUR SHAFNIE ANURA BINTI MD. RIZZALI
C22A0505**

**IJAZAH SARJANA MUDA PENGAJIAN WARISAN
DENGAN KEPUJIAN**

2025



**KEPENGARANGAN PENULIS “MUKHTAR
MUSTAFA” DALAM KUMPULAN CERPEN
CAHAYA DARI PERABUNG MELALUI
TEORI TEKSDEALISME**

**PUTRI NUR SHAFNIE ANURA BINTI MD. RIZZALI
C22A0505**

**Tesis yang dikemukakan untuk memenuhi sebahagian
daripada syarat memperolehi Ijazah Sarjana Muda
Pengajian Warisan dengan Kepujian
(Kesusasteraan Warisan)**

**Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan
Universiti Malaysia Kelantan**

2025

PERAKUAN TESIS

Saya dengan ini mengesahkan bahawa kerja yang terkandung dalam tesis ini adalah hasil penyelidikan yang asli dan tidak pernah dikemukakan untuk ijazah tinggi kepada mana-mana universiti atau institusi.



TERBUKA

Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskhah keras atau akses terbuka dalam talian (teks penuh)



SEKATAN

Saya bersetuju bahawa tesis ini boleh didapati sebagai naskhah keras atau dalam teks (teks penuh) bagi tempoh yang diluluskan oleh Jawatankuasa Pengajian Siswazah

Dari tarikh.....sehingga.....



SULIT

(Mengandungi maklumat sulit di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972)



TERHAD

(Mengandungi maklumat terhad yang ditetapkan oleh organisasi di mana penyelidikan dijalankan)

Saya mengakui bahawa Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak berikut. Tesis adalah milik Universiti Malaysia Kelantan. Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak untuk membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian.

Tandatangan
Putri Nur Shafnie Anura
binti Md. Rizzali
C22A0505

Tarikh: 4/1/2026

Tandatangan Penyelia
Dr. Nordiana binti Ab.
Jabar

Tarikh: 4/1/2026

PENGHARGAAN

Dengan penuh rasa rendah diri, saya ingin mengucapkan Setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya, saya dapat menyiapkan kajian ini bagi projek penyelidikan yang merupakan sebahagian daripada syarat untuk memperolehi Izajah Sarjana Muda Pengajian Warisan dengan kepujian di Universiti Malaysia Kelantan. Walaupun berdepan dengan pelbagai cabaran dan kekangan sepanjang tempoh penghasilan kajian ini, saya tetap berusaha dengan penuh ketekunan dan kesabaran untuk menyiapkannya dengan sebaik mungkin, diiringi dengan doa yang dipanjatkan kepada Yang Maha Berkuasa agar dapat memberikan idea, ilmu dan kesabaran dalam menyiapkan kajian ini.

Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada penyelia saya, Dr. Nordiana binti Ab. Jabar atas bimbingan, tunjuk ajar, sokongan dan nasihat yang tidak putus-putus sepanjang proses penyelidikan ini berjalan. Tanpa bimbingan beliau, saya tidak akan mampu menyempurnakan tugas penyelidikan ini dengan baik. Beliau juga telah berkorban masa dan tenaga serta memberikan sokongan moral yang tidak terhitung memastikan saya untuk terus bersemangat dalam menyiapkan kajian ini. Kata-kata semangat dan nasihat yang dicurahkan oleh beliau tidak akan saya lupakan dan akan sentiasa saya ingati.

Selain itu, saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada kedua ibu bapa dan ahli keluarga saya yang banyak memberikan sokongan dan kata-kata semangat untuk saya terus cecak dalam meneruskan perjuangan ini hingga ke tahap ini. Sekalung penghargaan ditujukan kepada rakan-rakan seperjuangan saya yang turut sama berjuang dalam menyiapkan kajian projek penyelidikan ini, memberi sokongan, bantuan dan dorongan tanpa jemu, walaupun mereka juga menghadapi cabaran yang sama.

Akhir sekali, ribuan penghargaan diucapkan kepada semua pihak yang terlibat lebih-lebih lagi informan yang merupakan penulis Kumpulan Cerpen Cahaya Dari Perabung iaitu Mukhtar Mustafa yang turut berkerjasama dalam sesi temubual. Setinggi-tinggi penghargaan juga kepada pihak Universiti Malaysia Kelantan dan pihak institusi pendidikan lain yang menyediakan bahan bacaan secara langsung dan tidak langsung.

Sekian, terima kasih sehingga bertemu lagi.

Putri Nur Shafnie Anura binti Md. Rizzali
No. 20, Jalan Tasek 19,
Bandar Seri Alam,
81750, Masai, Johor.
No. Tel: 018-2261710

ISI KANDUNGAN

KANDUNGAN	HALAMAN
PENGAKUAN TESIS	I
PENGHARGAAN	II
ISI KANDUNGAN	III
SENARAI JADUAL	VII
SENARAI RAJAH	VII
ABSTRAK	VIII
ABSTRACT	IX
 BAB 1 PENDAHULUAN	
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar Belakang	5
1.2.1 Definisi Konsep	7
1.2.1.1 Cerpen	7
1.2.1.2 Kepengarangan	8
1.2.1.3 Teori Teksdealisme	11
1.3 Permasalahan Kajian	12
1.4 Persoalan Kajian	14
1.5 Objektif Kajian	15
1.6 Batasan Kajian	16
1.7 Kepentingan Kajian	17
1.7.1 Individu	17
1.7.2 Masyarakat	18
1.7.3 Negara	18
1.8 Kesimpulan	19
 BAB 2 SOROTAN KAJIAN LEPAS	
2.1 Pengenalan	21
2.2 Kajian Mengenai Kepengarangan	22

2.2.1 Tesis	22
2.2.3 Artikel Jurnal	24
2.2.4 Lain-lain (Keratan Akhbar / Laman Sesawang)	26
2.3 Kajian Mengenai Kumpulan Cerpen Mukhtar Mustafa	27
2.3.1 Tesis	27
2.3.2 Buku	28
2.3.3 Artikel Jurnal	29
2.4 Kajian Mengenai Teori Teksdealisme	32
2.4.1 Tesis	32
2.4.2 Artikel Jurnal	33
2.4.3 Lain-Lain (Laman Sesawang)	36
2.5 Kesimpulan	37
BAB 3 METODOLOGI KAJIAN	
3.1 Pengenalan	39
3.2 Reka Bentuk Kajian	40
3.2.1 Dokumentasi	41
3.3 Kaedah Pengumpulan Data	43
3.3.1 Kaedah Kepustakaan	44
3.3.2 Analisis Dokumen	44
3.3.2.1 Kaedah Analisis Teks	45
3.3.2.2 Kaedah Internet	47
3.3.2.3 Artikel, Jurnal dan Buku	47
3.3.2.4 Temu Bual	48
3.3.3 Analisis Tematik	49
3.4 Penerapan Teori	51
3.4.1 Pengenalan	51
3.4.2 Teori Teksdealisme	52
3.4.3 Prinsip-prinsip Teori Teksdealisme	54
3.4.3.1 Prinsip Kehadiran	54

3.4.3.2 Prinsip Pelanggaran	56
3.4.3.3 Prinsip Pengukuhan	57
3.4.3.4 Prinsip Individualisme	58
3.4.4 Kerangka Teori	61
3.5 Kesimpulan	62
BAB 4 ANALISIS DAN DAPATAN KAJIAN	
4.1 Pengenalan	63
4.2 Pemikiran Mukhtar Mustafa dalam Kumpulan Cerpen Cahaya Dari Perabung	65
4.2.1 Tema Satira	66
4.2.2 Tema Perpisahan dan Harapan	68
4.2.3 Tema Pengorbanan	72
4.2.4 Tema Percintaan	75
4.2.5 Tema Isu Semasa	78
4.2.6 Tema Politik	82
4.2.7 Tema Kearifan Tempatan	88
4.2.8 Tema Keinsafan	93
4.2.9 Tema Baik Hati	97
4.2.10 Tema Kedukaan	102
4.3 Idea Melalui Latar Kumpulan Cerpen Cahaya Dari Perabung	106
4.3.1 Latar Tempat	107
4.3.1.1 Rumah	107
4.3.1.2 Sungai	109
4.3.1.3 Bandar	110
4.3.2 Latar Masa	112
4.3.2.1 Musim Kemarau	112
4.3.2.2 Waktu Subuh dan Tengah Malam	113
4.3.3 Latar Masyarakat	115
4.3.3.1 Masyarakat yang Arif tentang Alam Semulajadi	115

4.3.3.2 Masyarakat yang Menjalankan Pertanian dan Penternakan	116
4.3.3.3 Masyarakat yang Pemurah	118
4.4 Pengalaman Mukhtar Mustafa dalam Menulis Kumpulan Cerpen <i>Cahaya Dari Perabung</i>	120
4.4.1 Gaya Penulisan Mukhtar Mustafa	122
4.4.2 Keperibadian Mukhtar Mustafa	124
4.4.3 Mesej Pengarang melalui Kumpulan Cerpen <i>Cahaya Dari Perabung</i>	127
4.5 Kesimpulan	130
BAB 5 RUMUSAN	
5.1 Pendahuluan	131
5.2 Rumusan	132
5.3 Implikasi Kajian	134
5.4 Cadangan Kajian	135
5.4.1 Penghasilan Jurnal Analisis Pengalaman Pengarang	136
5.4.2 Mengaplikasikan Teori Teksdealisme dalam Analisis Sastera	137
5.4.3 Memperbanyakkan Kajian mengenai Penulis	138
5.4.4 Perbandingan Kepengarangan Mukhtar Mustafa dengan Penulis lain	139
5.5 Kesimpulan	141
RUJUKAN	142
LAMPIRAN	147

SENARAI JADUAL

Jadual 3.1 Senarai Kumpulan <i>Cerpen Cahaya Dari Perabung</i>	43
Jadual 3.3 Teori Teksdealisme	53
Jadual 3.4 Kerangka Konseptual	61
Jadual 4.1 Kriteria Prinsip Individualisme	64
Jadual 4.2 Jadual Rumusan Kumpulan Cerpen <i>Cahaya Dari Perabung</i>	105

SENARAI RAJAH

Rajah 3.1 Kumpulan Cerpen <i>Cahaya Dari Perabung</i>	46
---	----

**KEPENGARANGAN PENULIS “MUKHTAR MUSTAFA” DALAM
KUMPULAN CERPEN CAHAYA DARI PERABUNG MELALUI TEORI
TEKSDEALISME**

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan menganalisis aspek kepengarangan Mukhtar Mustafa dalam Kumpulan Cerpen *Cahaya Dari Perabung* dengan mengaplikasikan Teori Teksdealisme melalui prinsip pengukuhan, kehadiran dan individualisme bagi meneliti pemikiran, cara penyampaian idea serta mesej dalam cerpen-cerpen terpilih. Kajian ini menggunakan reka bentuk kualitatif dengan kaedah analisis dokumen, kepustakaan dan temu bual sebagai sumber utama pengumpulan data. Dapatan kajian menunjukkan bahawa pengalaman hidup, latar belakang serta pengalaman pembacaan Mukhtar Mustafa memberi pengaruh yang signifikan terhadap pembentukan naratif, pemilihan tema dan pembangunan konflik. Pengarang banyak mengangkat isu kritikan sosial, politik dan kemasyarakatan melalui pendekatan satira sebagai medium sindiran terhadap realiti kehidupan masyarakat masa kini. Prinsip pengukuhan dalam Teori Teksdealisme membuktikan bahawa pengulangan konflik, simbol dan peristiwa berakar daripada realiti kehidupan pengarang berfungsi mengukuhkan tema dan mesej kepada pembaca. Selain itu, cerpen-cerpen beliau turut menegaskan kepentingan pemeliharaan identiti masyarakat, nilai budaya dan jati diri komuniti sebagai benteng terhadap tekanan pembangunan dan pengaruh luar. Implikasi kajian ini bukan sahaja memperkaya wacana kepengarangan dalam kesusasteraan Melayu kontemporari, malah memberi sumbangan kepada bidang pendidikan melalui potensi penggunaan cerpen ini sebagai bahan pengajaran yang mampu membentuk pemikiran kritis dan kesedaran sosial dalam kalangan pelajar, sekali gus membuktikan bahawa Teori Teksdealisme merupakan pendekatan yang berkesan dalam menganalisis hubungan antara kepengarangan dan pembentukan naratif dalam karya sastera Melayu.

Kata Kunci: Teksdealisme, Kepengarangan, Mukhtar Mustafa, Cerpen.

The Authorship of "Mukhtar Mustafa" in the Collection of Short Stories *Cahaya dari Perabung* Using Textualism Theory

ABSTRACT

This study aims to analyse the aspect of authoriality of Mukhtar Mustafa in the short story collection *Cahaya Dari Perabung* by applying the Theory of Textdealisme through the principles of reinforcement, presence, and individualism in order to examine the author's thinking, modes of idea presentation, and the messages conveyed in selected short stories. This study employs a qualitative research design using document analysis, library research, and interviews as the main data collection methods. The findings reveal that Mukhtar Mustafa's life experiences, background, and reading experiences significantly influence the construction of narrative, the selection of themes, and the development of conflicts in his works. The author frequently highlights issues of social, political, and communal criticism through a satirical approach as a medium of indirect commentary on contemporary societal realities. The principle of reinforcement in the Theory of Textdealisme demonstrates that the repetition of conflicts, symbols, and events rooted in the author's lived realities functions to strengthen the themes and messages delivered to readers. Furthermore, his short stories emphasize the importance of preserving social identity, cultural values, and communal integrity as a safeguard against developmental pressures and external influences. The implications of this study not only enrich the discourse of authorial studies in contemporary Malay literature but also contribute to the field of education through the potential use of these short stories as teaching materials capable of fostering critical thinking and social awareness among students, thereby proving that the Theory of Textdealisme is an effective approach for analysing the relationship between authoriality and narrative construction in Malay literary works.

Keywords: Textdealisme, Authoriality, Mukhtar Mustafa, Short Stories.

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Istilah kesusasteraan yang digunakan pada masa kini untuk karya seni yang berdasarkan bahasa yang sudah hampir 100 tahun usianya dalam gelanggang sastra Indonesia dan Malaysia. Bukan itu sahaja, istilah ini juga muncul, berkembang dan seterusnya membawa makna yang semakin tajam. Oleh itu demikian, perkembangan daerah makna juga mempunyai sejarahnya yang tersendiri dan mempunyai beberapa fasa yang tertentu. Seterusnya, kita juga boleh mengkaji perkembangan sastra di Eropah dan Asia, istilah sastra yang digunakan sebagai contoh dan bandingan untuk kita meneliti situasi di Melayu – Nusantara. Lagipun maksud beberapa istilah kita juga dipengaruhi oleh makna yang dipinjam daripada sastra Eropah dan Asia kerana banyak daripada pengalamannya telah masuk dan mempengaruhi cara kita melihat sastra kita sendiri. Selain itu, kita harus dengan perlahan merungkaikan yang asli daripada pengaruhnya.

Menurut A. Halim Ali (2015), beliau menyatakan bahawa karya kesusasteraan Melayu adalah warisan peradaban yang menawarkan pencernaan nilai kemanusiaan serta kemasyarakatan, nilai murni dan falsafah hidup. Sehubungan dengan itu, karya sastra berfungsi sebagai alat hiburan dan pengajaran. Hal ini kerana, sastra telah mendidik khalayak untuk kearah kehidupan yang berlandaskan nilai-nilai murni. Karya Sastra juga mempengaruhi masyarakat agar menjalin hubungan yang harmoni antara satu sama lain. Nasihat dan pengajaran serta pedoman yang terkandung di dalam karya sastra mampu membina masyarakat yang berjaya. Segala pengajaran yang ada telah menerbitkan ilmu itu sendiri.

Makna sesebuah istilah itu boleh berubah mengikut masa, maka pengkaji juga harus perlu menggalurkan perubahan tersebut. Menurut Eagleton (1983) beliau telah menyatakan bahawa bukan sahaja terjadi pada sastera kita sahaja tetapi berlaku pada sastera Inggeris juga. Dalam istilah Melayu, “kesusasteraan” atau “sastera”, dapat dikesan sebagai bahasa yang berasal dari Sanskrit, iaitu “shastera”. Oleh itu, sastera dari segi etimologi dalam bahasa Sanskrit membawa maksud sebagai kata-kata. Menurut Harun (2006), beliau menyatakan bahawa sastera berasal daripada perkataan castra iaitu kitab suci. Sastera dalam bahasa laton iaitu “Littera” (letters) yang membawa maksud sebagai bertulis atau bercetak. Oleh itu, Su ditakrifkan sebagai seni sastera atau seni bahasa dan persuratan. Menurut Ali Ahmad (1994), beliau menyatakan “Ke-an” pula membawa makna sebagai sastera menjadi sebagai kesenian persuratan yang bersifat halus, indah dan kata-kata suci. Secara dasarnya sastera adalah penglahiran kata-kata yang suci. Sementara itu, sastera juga mempunyai motif, cerita, gaya naratif, bentuk rima dan cara menyampaikan puisi yang lebih berbentuk sejagat. Menurut Usman Awang (1992), beliau menyatakan bahawa istilah kesusasteraan ini telah masuk ke Tanah Melayu pada tahun 1947 hingga tahun 1949 iaitu selepas Perang Dunia Kedua serta setelah hubungan perdagangan antara Indonesia dengan Singapura atau Tanah Melayu kembali aktif. Oleh itu, istilah yang kerap digunakan adalah “persuratan”, yang terkenal dengan pemikiran Za’ba dan buku-buku bahasanya yang ditulis di Maktab Perguruan Sultan Idris. “Persuratan” itu lebih asli sifatnya dan digunakan oleh penulis yang ingin supaya istilah Melayu yang sudah cukup kukuh itu dikekalkan. Oleh itu, kesusasteraan terbahagi kepada dua bahagian antaranya adalah kesusasteraan tradisional dan kesusasteraan moden. Kesusasteraan tradisional terbahagia kepada beberapa bahagian antaranya adalah sastera lisan, sastera tulisan, syair, gurindam, nazam, seloka dan hikayat-hikayat Melayu klasik manakala, kesusasteraan moden pula terbahagi kepada tiga jenis antaranya adalah

puisi moden (sajak), novel dan cerpen. Dalam kajian ini, pengkaji telah menggunakan teks cerpen yang berjudul *Cahaya Dari Perabung* karya Mukhtar Mustafa.

Cerpen tidak bermula dan tumbuh di bumi kita ini. Oleh itu, cerpen berasal dari Eropah ataupun Barat dan terdapat beberapa tokoh yang berwibawa antaranya adalah Edgar Allan Poe, Nikolai Gogol, Guy de Maupassant dan Anton Chekhov. Mereka telah meletakkan asas konkrit, terutamanya yang berhubungan dengan definisi dan ciri-ciri yang harus ada dalam sesebuah cerpen. Asas yang diletakkan itu, kemudian tersebar dengan lebih luas menjadi amalan serta pegangan para pengarang cerpen lebih-lebih lagi dalam penciptaan cerpen yang berbentuk konvensional yang mengutamakan unsur dalaman.

Namun demikian, kesusasteraan lisan yang terdapat di seluruh daerah tanah air kita memang wujud tradisi bercerita antaranya adalah cerita rakyat, cerita binatang dan cerita penglipur lara yang bertujuan untuk menghiburkan para pendengar bukan itu sahaja, ia juga dapat memberi pengajaran kepada para pendengar. Oleh itu, cerpen adalah hasil ciptaan sastera yang kreatif serta mengabungkan fakta, imaginasi dan sebagai suatu bentuk cerita. Tambahan pula, cerpen juga mempunyai satu tradisi dan sejarahnya tersendiri dalam peta Kesusasteraan Melayu. Dibandingkan dengan bentuk sastera kreatif yang lain seperti novel, sajak dan drama dan ternyata cerpen muncul dengan lebih awal lagi iaitu pada tahun 1920 dalam majalah *Pengasuh* yang menyiarkan cerpen "*Kecelakaan Pemalas*" oleh pengarang yang bernama Nor Ibrahim Madrasi.

Istilah cereka atau cerita pendek merupakan istilah yang belum muncul lagi pada masa itu malah dari segi struktur atau bentuk dalaman, karya yang dihasilkan belum lagi menepati konsep dan definisi cerpen seperti yang mula dikenali di Eropah atau di Barat. Oleh itu, istilah yang wujud pada masa itu adalah 'cerita' atau 'cetera' ataupun 'ceritera'. Menurut Othman Puteh (1999), beliau menyatakan bahawa mustahil bahawa pengarang

seperti Nor Ibrahim Madrasi tidak sedar bahawa beliau telah mencipta sesuatu karya yang bermakna dan bernilai untuk kesusasteraan bangsa kita. Kemudiannya, mungkin motif penulisannya adalah untuk bercerita secara jujur untuk menghibur dengan usik-usikan tajam yang berbentuk sindiran. Pada tahun 1950-an, tertubuhnya Angkatan Sasterawan 50 yang dikenali juga sebagai ASAS 50 dan Keris Mas sebagai salah satu penggerakannya. Pada masa itu, cerpen telah mendapat perhatian dan menjadi bentuk sastra yang sering digarap untuk para pengarang melahirkan pengucapan fikiran, emosidan visi dalam usaha mencapai misi mereka. Oleh itu, wujudnya karya cerpen yang lantang dan tegas dalam mengemukakan semangat kebangsaan, menuntut kemerdekaan serta kritik sosial tentang kesenjangan yang wujud dalam masyarakat pada zaman penjajah. Setelah tamat tahun 1950-an, cerpen di tangan Keris Mas menjadi semakin mantap bentuknya buktinya melalui karya cerpennya yang bertajuk *“Salah pimpin”*, *“Menjelang Merdeka”* dan *“Mereka Tidak Mengerti”*.

Pada negara kita berkembang mengisi makna kemerdekaan, muncul beberapa cerpenis yang cukup berkualiti dan berpotensi dan telah menjajikan untuk mewujudkan bentuk cerpen yang lebih mantap dan berkualiti antaranya adalah Shahnnon Ahmad, A. Samad Said, Arena Wati dan Mana Sikana. Mereka telah berusaha untuk mencari sesuatu yang baru dalam memilih sesuatu tema serta teknik, di samping mereka juga cuba untuk menyimpang daripada bentuk konvensional yang selama ini begitu dominan dan seimbang.

Menurut Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka (2010), cerpen adalah cerita yang berdasarkan fakta yang sudah bercampur dengan imaginasi. Oleh itu, cerpen atau cerita pendek merupakan sebuah cerita yang pendek. Sebagai cerita yang pendek ia mempunyai beberapa plot, watak, latar, sudut pandangan dan gaya bahasa yang sesuai dengan konsep

dan makna cerita yang pendek. Cerita yang pendek itulah cerita yang perlu mempunyai kesan kesatuan, lengkap dan berupaya menyampaikan sesuatu mesej kepada pembaca.

Sehubungan dengan itu, dalam kajian ini pengkaji akan mengkaji tentang kepengaruhan penulis dalam menghasilkan kumpulan cerpen dengan menggunakan Teori Teksdealisme. Oleh itu, pengkaji telah memilih karya Kumpulan Cerpen *Cahaya Dari Perabung* yang dihasilkan oleh Mukhtar Mustafa yang diterbitkan oleh Persatuan Penulis Nasional Malaysia (PENA). Bagi menjelaskan lagi bab satu ini terbahagi kepada beberapa bahagian antaranya adalah pengenalan, latar belakang, permasalahan kajian, persoalan kajian, objektif kajian, batasan kajian, kepentingan kajian dan kesimpulan.

1.2 LATAR BELAKANG KAJIAN

Kesusasteraan merupakan platform yang memainkan peranan yang sangat penting dalam menyampaikan nilai, pemikiran dan ideologi masyarakat. Dalam pada masa yang sama, karya kreatif terutamanya penulisan cerpen. Hal ini kerana, penulis perlu berusaha penulis karya cerpen yang berkualiti sehingga boleh menarik ramai minat pembaca. Bukan itu sahaja, penulis juga perlulah memainkan peranan dalam menyampaikan makna yang sering berkait dengan latar sosial, budaya dan falsafah peribadinya. Hal ini jelas menunjukkan bahawa, aspek kepengarangan perlu diberi perhatian sepenuhnya dalam analisis teks sastra hal ini kerana, ia mampu merungkai hubungan antara teks, pengarang dan konteks penghasilan karya.

Kajian ini memfokuskan tentang aspek kepengarangan “Mukhtar Mustafa” yang merupakan penulis bagi Kumpulan Cerpen *Cahaya Dari Perabung*. Mukhtar Mustafa dilahirkan pada 10 Disember 1955 yang merupakan anak jati Kelantan iaitu di Kampung Bakat, Gual Periol. Pasir Mas, Kelantan. Beliau bukan sahaja bergiat aktif dalam

penulisan cerpen malah drama radio, penulisan sonian atas bimbingan Soni Farid Maulana dan Latty Latisa Awal 2019. Bukan itu sahaja, beliau mula menulis pada tahun 1975 dan karya pertama yang beliau telah hasilkan adalah Antologi Cerpen *Wau Bulan Teraju Tiga* terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka pada tahun 1980. Mukhtar Mustafa juga telah menghasilkan lebih 50 buah drama radio yang tersiar di stesen-stesen RTM Kuala Lumpur, Kota Bharu, Terengganu dan Kuantan. Beliau juga telah melibatkan diri dalam penulisan puisi dan beliau telah menghasilkan 30 Antologi Puisi sejak tahun 1975 hingga 2020. Akhir sekali, beliau pernah berkhidmat sebagai pembaca berita di Pertubuhan Nasional Malaysia (BERNAMA) dan akhbar rasmi Kerajaan Negeri, Sinar Kelantan sekitar tahun 1978 – 1990.

Kajian ini bertajuk kepengaruhan penulis Mukhtar Mustafa dalam Kumpulan Cerpen *Cahaya Dari Perabung* melalui Teori Teksdealisme. Kajian ini dijalankan untuk mengkaji apakah pemikiran yang digunakan oleh penulis iaitu Mukhtar Mustafa. Beliau menghasilkan buku Kumpulan Cerpen *Cahaya Dari Perabung* yang mempunyai tiga belas buah cerpen yang mencangkupi pelbagai tema. Namun demikian, dalam setiap cerpen yang dihasilkan mempunyai watak secara terperinci dalam kehidupan “makhluk” ciptaan tuhan yang lain di muka bumi ini. Tambahan pula, cerpen dengan pelbagai jenis tema ini yang terdapat dalam buku kumpulan Cerpen *Cahaya Dari Perabung* ini akan memberi kepuasan kepada para pembaca. Hal ini demikian kerana, sebahagian daripada pengakhiran cerita ini adalah dalam bentuk kesedihan dan penuh dengan pelbagai persoalan. Pengkaji telah menjalankan kajian ini dengan memilih beberapa cerpen dalam Kumpulan Cerpen *Cahaya Dari Perabung* dengan menggunakan Teori Teksdealisme.

1.2.1 Definisi Konsep

1.2.1.1 Cerpen

Menurut Nuryatin (2010), cerpen dapat disusun berdasarkan fakta dalam masa yang sama cerpen juga mengandung pengalaman pengarangnya. Oleh itu, cerita pendek adalah sebuah kisah pendek yang membawa maksud hingga mampu memberikan kesan yang dominan kepada para pembaca. Cerpen yang disingkatkan daripada perkataan “cerita pendek” yang membawa maksud sebagai kisah yang direka secara relatif pendek dan dihasilkan dalam bentuk prosa yang berfungsi sebagai memberi satu kesan yang sangat efektif kepada pembaca yang mengandungi unsur dramatic (Rahman Shaari, 2001; I. Reid, 1991). Cerpen atau sebelumnya dikenali sebagai atau singkatannya daripada perkataan cerita pendek adalah cerita rekaan atau cereka dalam bentuk prosa relatif pendek. Kita seharusnya dapat membezakan antara cereka dengan bentuk-bentuk tulisan yang lain seperti laporan, berita ataupun wawancara.

Menurut Nor Azah Abd Azizi (2018), beliau menyatakan bahawa cerpen adalah sebuah bentuk prosa moden yang 1`popular dalam sastera berbanding dengan novel atau drama. Tambahan pula, istilah “cerpen” merupakan akronim bagi rangkai kata “cerita pendek” iaitu cer-pen. Hal ini juga merupakan salah satu daripada ragam kesusasteraan iaitu karya fiksiyen atau cereka yang menggunakan wahana bahasa yang kreatif untuk menghantar pengucapan pengarangnya kepada masyarakat (Othman Puteh, 2001). Cerita atau cerita rekaan itu sesungguhnya bukanlah kisah yang benar-benar pernah terjadi, tetapi ia juga bukanlah khayalan semata-mata. Lebih jelas lagi, cereka bukanlah seratus peratus benar, akan tetapi ia merupakan campuran antara fakta dan imaginasi yang ada dalam fikiran penulis atau pengarang.

Menurut Siti Aisah Murat (2009), cerpen diberi definisi ringkas sebagai ciptaan seni yang indah, disampaikan melalui bahasa, latar, plot, sudut pandangan dan watak terpilih. Selain bentuknya yang pendek dan padat itu, cerpen cuba mengisi pelbagai persoalan dalam kehidupan manusia. Cerpen mempunyai perbezaan daripada sketsa dan anekdot yang menggunakan satu perkembangan yang berbentuk jelas dan susunannya lebih tersusun. Tambahan pula, persekitaran makhluk lain misalnya binatang sebagai perbandingan hidup dengan pelbagai fenomena dalam alam raya ini dengan pengamatan dan visi yang mendalam.

1.2.1.2 Kepengarangan

Pengarang adalah insan yang berusaha keras dalam menghasilkan karya sastera yang baik dan bermutu. Bukan itu sahaja, ia juga menggunakan akal budi serta kepekaan yang pelbagai bagi memanifestasikan pemikirannya melalui perkara yang pernah didengar dan pemerhatiannya terhadap alam serta peristiwa yang berlaku di persekitannya. Dalam pada masa yang sama, pengarang juga harus memikirkan tentang bentuk yang sesuai dan terbaik untuk menyampaikan mesejnya kepada masyarakat, sama ada kepada masyarakat pada waktu itu atau pada masa akan datang.

Menurut Kamus Dewan Edisi ketiga (2002), pengarang adalah seseorang yang mengarang cerita misalnya, lagu, sajak, novel dan sebagainya. Menurut Za'ba (2002), perkataan “karang” itu sendiri merujuk kepada benda yang berbunga, iaitu mempunyai cabang atau tatatertib yang indah misalnya batu karang. Istilah itu kemudiannya, merujuk kepada pekerjaan yang berkaitan dengan sesuatu perkara yang baru atau cantik iaitu yang datangnya daripada ilham seperti mengubah bunga. Karang akhirnya dikembang dengan penggunaannya bagi bidang penulisan atau pekerjaan yang seperti menyusun perkataan agar dapat menghasilkan pemikiran yang indah melalui cerita yang mudah untuk difahami

oleh khalayak. Oleh itu, kepengarangan pula merupakan perihal yang berkaitan dengan pengarang yang menghasilkan sesebuah teks karya. Kepengarangan merupakan perkara yang ada dalam bidang kesusasteraan lebih-lebih lagi dalam menghasilkan karya. Dalam tajuk kajian yang dijalankan oleh pengkaji adalah kepengarangan penulis Mukhtar Mustafa dalam Kumpulan Cerpen *Cahaya Dari Perabung* melalui Teori Teksdealisme. Seterusnya, kepengarangan juga merupakan salah satu cara pengarang mendapatkan idea, pemikiran dalam sesebuah karya sastera sebagai contoh, sajak melalui bahasa dan mempunyai nilai keindahannya yang tersendiri. Oleh itu, kajian ini mengutamakan pemikiran yang digunakan oleh pengarang dalam menghasilkan kumpulan cerpen yang mengandungi 13 buah cerpen yang mempunyai tema yang berbeza. Tambahan pula, pengkaji juga mahu mengkaji cara pengarang menyampaikan idea kepada para pembaca serta apakah idea yang digunakan untuk menyampaikan mesej kepada khalayak pembaca.

Menurut Harun (1994), kepengarangan seseorang pengarang bukan sahaja dilihat dari segi karyanya, tetapi juga dari segi pengarang itu secara keseluruhan. Hal ini harus meliputi objektif pengarang, latar kehidupannya, jumlah, judul dan nilai karya serta perkembangan penghasilan karyanya juga. Kepengarangan juga dapat dimaksudkan sebagai sesuatu yang telah ada dalam diri pengarang atau penulis misalnya asal-usul, ketokohan dan pencapaian serta karya-karya yang telah dihasilkan. Menurut Mortan Kaplan dan Robert Klos (1973), beliau menyatakan bahawa sesebuah karya juga tercipta daripada luahan yang berbentuk imajinasi dan fantasi pengarang yang telah dipendam dan apabila ia menulis akan menjadi lebih indah berkualiti sehingga mampu membanggakan bahasa sebagai bait-bait yang membentuk manfaat kepada khalayak. Oleh itu, pengalaman yang dialami oleh pengarang itu sendiri yang mampu menghasilkan jalan cerita yang menarik dan buka itu sahaja, seorang pengarang juga dapat dibezakan

melalui pengalaman mereka tersendiri. Hal ini kerana, perbezaan dari segi aspek tempat, latar dan masa yang berlainan.

Konsep kepengarangan meneliti mekanisme seseorang pengarang yang menghasilkan sesebuah teks kepada masyarakat. Mekanisme penciptaan dipengaruhi oleh objektif seseorang pengarang, peranan karya yang dihasilkan dan sasaran masyarakat. Oleh itu, ketiga-tiga aspek utama ini berkait rapat dan saling mempengaruhi antara satu sama lain. Menurut Raja Ali Haji (2017), beliau menyatakan bahawa kebijaksanaan pengarang memilih bentuk genre teks yang hendak ditulis sangatlah dituntut agar mampu memenuhi segala peranannya terhadap khalayak yang menjadi sasaran. Hal ini kerana, ia melibatkan penggunaan bahasa, stail, serta ciri-ciri estetik yang terkandung dalam teks yang dihasilkan. Oleh sebab itu, pengarang perlulah memahami kemampuan masyarakat serta latar sosial yang ada, agar fungsinya sebagai pengarang dapat menjamin peranan teks yang dihasilkan.

Kumpulan Cerpen *Cahaya Dari Perabung* yang dihasilkan oleh Mukhtar Mustafa ini mempunyai 14 buah cerpen yang pelbagai jenis tema dan pengkaji juga telah memilih tujuh saja cerpen yang terdapat dalam kumpulan cerpen tersebut. Oleh itu, pengkaji akan mengupas untuk mendapatkan apakah pemikiran yang digunakan oleh Mukhtar Mustafa. Bukan itu sahaja, pengkaji juga akan merungkai segala persoalan dalam tujuh cerpen yang yang dipilih oleh pengkaji.

Mukhtar Mustafa yang merupakan pengarang bagi buku Kumpulan Cerpen *Cahaya Dari Perabung* ini telah lahir pada 10 Disember 1955 di Kampung Bakat Gual Periok di Pasir Mas, Kelantan. Beliau telah bergiat aktif dalam bidang penulisan bergenre puisi, cerpen dan Drama Radio pada tahun 1975. Selain itu, beliau juga merupakan

pemenang Hadiah Sastera dan Bitara Kelantan pada tahun 2023 yang dianjurkan oleh DBP dan Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayun Kelantan.

1.2.1.3 Teori Teksdealisme

Teori Teksdealisme diasaskan oleh Sasterawan Perak iaitu Abdul Rahman Napiah. Falsafah Teori Teksdealisme ini berasaskan kepada setiap pengarang itu mempunyai harapan untuk meletakkan teksnya untuk mencapai suatu tahap yang unggul. Oleh itu, untuk mencapai ke sebuah teks yang unggul pengarang perlu ada sifat keberanian dalam mengemukakan sesuatu idea dan kebijaksanaan dalam merealisasikan pembaharuan dan inovasi. Teori Teksdealisme atau boleh dipanggil sebagai teori keunggulan dapat didefinisikan teks sebagai susunan idea dan pengalaman yang mengandungi makna yang berlapis-lapis. Tambahan pula, setiap teks juga mempunyai sifat-sifat keunggulannya yang tersendiri. Teksdealisme merupakan rangkuman daripada dua kosa kata ‘teks’ dan ‘idealisme’ yang menjadi kepada ‘teksdealisme’.

Teori Teksdealisme ini mempunyai empat prinsip antaranya adalah kehadiran, pelanggaran, pengukuhan dan yang terakhir adalah individualisme. Oleh itu, dalam tajuk kajian ini pengkaji hanya menggunakan tiga prinsip sahaja antaranya adalah prinsip kehadiran untuk mengetahui apakah pemikiran yang digunakan oleh pengarang dalam menghasilkan cerpen. Seterusnya, adalah prinsip pengukuhan untuk mengetahui bagaimana pengarang menyampaikan idea kepada khalayak pembaca dan yang terakhir adalah prinsip individual iaitu untuk mengetahui idea pengarang dalam menyampaikan mesej kepada para pembaca dan ini akan dijalankan secara temubual bersama pengarang.

1.3 Permasalahan Kajian

Kepengarangan merupakan elemen yang utama dalam bidang kesusasteraan bagi setiap pengarang dalam membentuk serta menyampaikan sesebuah teks karya sastera yang bermakna serta berkualiti. Berdasarkan Kumpulan cerpen *Cahaya Dari Perabung* karya Mukhtar Mustafa ini mempunyai pelbagai tema yang berbeza bagi setiap cerpen antaranya adalah pengorbanan hidup atau pendek kata adalah nilai tentang kemasyarakatan yang menyentuh hati, mencabar pemikiran pembaca serta mampu meninggalkan kesan yang mendalam terhadap pembaca. Kepengarangan telah menjadi perkara yang perlu dirahsiakan dan jarang untuk dikaji. Oleh itu, permasalahan kajian yang berkait rapat dengan kajian ini adalah tentang kekurangan kajian tentang kepengarangan penulis Kumpulan Cerpen *Cahaya Dari Perabung* iaitu Mukhtar Mustafa. Oleh itu, terdapat beberapa penelitian dari beberapa sorotan kajian lepas yang masih lagi tidak jelas serta mempunyai permasalahan kajian yang tertentu.

Kajian yang ingin dibincangkan oleh pengkaji juga turut mempunyai permasalahan kajian tentang pemikiran yang digunakan oleh Mukhtar Mustafa dalam karyanya Kumpulan Cerpen *Cahaya Dari Perabung*. Menurut Kartini Anwar (2017), dalam bukunya *Pemikiran dan Gaya Mengarang Raja Ali Haji* beliau telah menyatakan bahawa dalam bidang mengarang bukan sahaja hanya kegiatan untuk menghasilkan karya malah kegiatan intelektual yang berpandukan kepada usaha pemerolehan pengetahuan dalam menghasilkan karya yang efektif serta dapat menyampaikan nilai-nilai murni kepada para khalayak. Jelaslah bahawa, pengkaji mahu mengetahui dengan secara terperinci tentang pemikiran yang digunakan oleh Mukhtar Mustafa dalam menghasilkan cerpen-cerpen beliau. Kita dapat lihat bahawa aspek pemikiran pengarang adalah penting dalam menghasilkan sesuatu karya sastera yang bermutu tinggi.

Justeru itu, kurangnya mengetahui latar dalam penghasilan sesuatu teks. Menurut Kartini Anwar (2017), beliau telah menyatakan bahawa latar merupakan kunci utama dalam penulisan teks. Hal ini demikian kerana, latar adalah berbeza mengikut konteks budaya, tamadun bangsa, serta keluasan wilayah masyarakatnya. Teks yang dihasilkan dalam sebuah masyarakat yang mementingkan budaya ilmu pasti berbeza dengan masyarakat yang mengutamakan kedaulatan pembesar negara; begitu juga dengan teks yang dihasilkan untuk masyarakat luar bandar dan masyarakat yang lahir di kota yang progresif. Oleh itu, ini sudah terbukti bahawa dalam kajian ini perlu menganalisis bagaimana pengarang menyampaikan idea kepada khalayak masyarakat.

Tambahan pula, kajian ini ingin menunjukkan idea pengarang dalam menyampaikan mesej yang terkandung dalam cerpen kepada khalayak pembaca. Menurut Rahimah A. Samad (2017), beliau menyatakan bahawa kepengarangan amatlah penting bagi membolehkan pembaca mengetahui tujuan dan kepentingan kepada penghasilan sesuatu proses kreatif dan pembaca berjaya memahami mesej karyanya kerana kepengarangan Anwar Ridhwan yang efektif. Oleh itu, dalam kajian ini pengkaji akan menemu bual Mukhtar Mustafa untuk mengumpulkan lebih banyak maklumat tentang kepengarangan dan pemikiran yang digunakan oleh beliau.

1.4 Persoalan Kajian

Kajian ini telah memberi tiga persoalan yang berkaitan dengan kajian yang ingin dijalankan oleh pengkaji serta jelas melalui tujuh teks cerpen yang dipilih. Berikut merupakan persoalan kajian yang dikemukakan oleh pengkaji adalah:

- 1.4.1 Apakah pemikiran Mukhtar Mustafa dalam karya Kumpulan Cerpen *Cahaya dari Perabung?*
- 1.4.2 Bagaimanakah pengarang menyampaikan idea kepada khalayak pembaca?
- 1.4.3 Apakah idea pengarang dalam menyampaikan mesej kepada khalayak pembaca?

1.5 Objektif Kajian

Berdasarkan kajian yang dijalankan ini terdapat tiga objektif kajian yang digunakan oleh pengkaji sebagai rujukan dalam menjalankan kajian ini. Objektif kajian ini merupakan kunci utama untuk dijadikan sebagai panduan agar mempunyai hala tuju dalam menyelesaikan kajian ini. Oleh itu, terdapat objektif kajian yang didapati, antaranya adalah:

1.5.1 Menganalisis pemikiran Mukhtar Mustafa dalam karya Kumpulan Cerpen

Cahaya dari Perabung berdasarkan Teori Teksdealisme melalui prinsip pengukuhan.

1.5.2 Mengenalpasti cara pengarang menyampaikan idea kepada khalayak pembaca berdasarkan Teori Teksdealisme melalui prinsip kehadiran.

1.5.3 Menganalisis idea pengarang dalam menyampaikan mesej kepada khalayak Pembaca berdasarkan Teori Teksdealisme melalui prinsip individualisme.

1.6 Batasan Kajian

1.6.1 Teks Kumpulan Cerpen *Cahaya Dari Perabung* ini mempunyai 14 cerpen yang berbeza dari segi temanya. Walaubagaimanapun, pengkaji akan berfokuskan kepada tujuh cerpen sahaja.

1.6.2 Kajian ini menggunakan Teori Teksdealisme yang diasaskan oleh tokoh sasterawan negara iaitu Mana Sikana atau nama sebenarnya adalah Abdul Rahman bin Napihah. Dalam Teori Teksdealisme ini terkandung empat prinsip antaranya adalah prinsip kehadiran, prinsip pelanggaran, prinsip pengukuhan dan individualisme. Namun demikian, dalam kajian ini pengkaji hanya menggunakan 3 prinsip sahaja antaranya adalah prinsip kehadiran, pengukuhan dan individualisme.

1.6.3 Lokasi yang dipilih oleh pengkaji untuk mendapatkan lebih banyak maklumat berkaitan dengan kajian ini belum ditetapkan lagi. Hal ini kerana, pengkaji akan menjalankan sesi temu bual dengan penulis karya Kumpulan Cerpen *Cahaya Dari Perabung*.

1.7 Kepentingan Kajian

Kajian yang dijalankan oleh pengkaji adalah sangat penting untuk khalayak ramai untuk dijadikan sebagai rujukan dalam kehidupan seseorang individu. Bukan itu sahaja, kajian ini juga mampu meningkatkan kefahaman tentang pemikiran penulis Kumpulan Cerpen *Cahaya Dari Perabung* dalam menyampaikan mesej terhadap pembaca. Oleh itu, pengkaji telah menggariskan tiga kepentingan kajian yang terbahagi kepada tiga iaitu individu, masyarakat dan negara, antaranya adalah:

1.7.1 Individu

Kajian ini mampu membantu setiap individu terutamanya kepada pembaca yang mempunyai cinta yang sangat kuat terhadap sastera serta pembaca juga dapat memahami dan mengetahui pemikiran yang diaplikasikan atau digunakan dalam cerpen-cerpennya. Hal ini juga, mampu memperkayakan dan meluaskan lagi pemikiran setiap pembaca dalam menghargai nilai-nilai kemanusiaan, moral serta sosial yang dititikberatkan oleh pengarang. Tambahan pula, kajian ini juga membuka peluang kepada pembaca untuk menilai pandangan hidup mereka melalui penilaian mereka sendiri. Oleh itu, nilai-nilai yang terkandung di dalam Kumpulan Cerpen *Cahaya Dari Perabung* misalnya pengorbanan, kesetiaan serta ketabahan amat relevan untuk dijadikan sebagai pedoman, dalam pada yang sama juga cerpen-cerpen yang dihasilkan oleh Mukhtar Mustafa dapat membentuk sahsiah setiap pembaca dengan lebih baik.

1.7.2 Masyarakat

Daripada sudut masyarakat, kajian ini juga berperanan dalam membina kesedaran secara kolektif tentang isu-isu yang diketengahkan oleh Mukhtar Mustafa dalam karya cerpennya iaitu Kumpulan Cerpen *Cahaya Dari Perabung* seperti pengorbanan, kemiskinan, perjuangan hidup serta semangat kemasyarakatan yang semakin terhakis. Analisis yang terdapat di dalam kajian ini dapat menjadi panduan kepada masyarakat terhadap realiti sosial yang berlaku dalam masyarakat. Bukan itu sahaja, kajian ini juga dapat membantu masyarakat untuk lebih prihatin terhadap isu-isu semasa. Seterusnya, kajian ini juga dapat meningkatkan lagi perasaan cinta yang mendalam tentang bidang sastera tempatan yang kaya dengan kandungan pendidikan moral. Akhir sekali, dapat melahirkan masyarakat yang berilmu serta kaya dengan adab. Hal ini jelaslah menunjukkan bahawa, usaha yang dilakukan ini dapat mengekalkan keharmonian dan kesejahteraan masyarakat majmuk.

1.7.3 Negara

Dari sudut pandangan negara, kajian ini mampu memberikan sumbangan yang sangat berharga dalam bidang kesusasteraan negara. Oleh itu, dengan menganalisis pemikiran Mukhtar Mustafa kajian ini dapat meningkatkan lagi dokumentasi dan rujukan akademik yang berkaitan dengan sastera Melayu moden. Bukan itu sahaja, ia juga turut menyumbang kepada kesinambungan tradisi penulisan karya sastera tempatan dan memperkukuhkan lagi identiti serta jati diri negara. Dalam pada masa yang sama, kajian ini juga boleh dijadikan rujukan kepada institusi pendidikan dan dasar kebudayaan negara.

1.8 Kesimpulan

Secara keseluruhannya, Kumpulan Cerpen *Cahaya Dari Perabung* yang dihasilkan oleh Mukhtar Mustafa ini adalah sesuatu jalan cerita yang diambil dari kisah benar. Hal ini kerana, tanpa ilmu, hobi dan keangkuhan serta perkara yang dilakukan oleh mereka yang berpengalaman berupaya menjadi tragedi di dalam cerpen *Cahaya Dari Perabung* yang dipilih sebagai tajuk kumpulan cerpen ini. Dalam kajian ini, aspek utama yang diketengahkan adalah aspek kepengarangan.

Kepengarangan Mukhtar Mustafa dalam Kumpulan Cerpen *Cahaya Dari Perabung* ini ingin mencapai nilai pengorbanan, nilai pencintaan dan nilai moral kehidupan masyarakat pada masa kini. Oleh itu, cerpen-cerpen yang dihasilkan oleh Mukhtar Mustafa ini bukanlah berdasarkan imaginasi semata-mata akan tetapi kandungan di dalam cerpen ini juga turut dipengaruhi oleh pengalaman hidup pengarang, latar belakang budaya dan tidak lupa juga dari pandangan penulis tentang isu-isu sosial dan kemanusiaan. Tambahan pula, gaya penyampaian Mukhtar Mustafa dalam mengarang Kumpulan Cerpen *Cahaya Dari Perabung* ini berbentuk bersahaja tetapi tajam maknanya dan penulisannya berjaya menyampaikan gaya pemikirannya secara jelas kepada pembaca.

Sejurus itu, kajian ini menggunakan Teori Teksdealisme yang terbahagi kepada empat prinsip iaitu kehadiran, pelanggaran, pengukuhan dan individualisme. Dalam kajian ini, pengkaji hanya menggunakan tiga prinsip sahaja antaranya adalah kehadiran, pengukuhan dan individualisme. Selain itu, setiap pengarang mempunyai pandangan dan pendapat yang berbeza serta gaya penyampaian juga turut berbeza oleh itu, pastinya karya yang dihasilkan akan mrngikut keselesaan pengarang untuk mengaplikasikan nilai-nilai untuk dijadikan pengajaran dan panduan dalam kehidupan seharian kerana Kumpula

Cerpen *Cahaya Dari Perabung* ini berkait rapat dengan kehidupan masyarakat pada masa kini.

Seterusnya, pengkaji telah memilih tujuh tajuk cerpen yang terkandung di dalam Kumpulan Cerpen *Cahaya Dari Perabung* yang dihasilkan oleh Mukhtar Mustafa sebagai perkara yang hendak dikaji dan diteliti iaitu tentang Kepengarangan Penulis Mukhtar Mustafa dalam Kumpulan Cerpen *Cahaya Dari Perabung* Melalui Teori Tekdealisme. Pada bab ini, kajian dimulakan berdasarkan elemen asas iaitu persoalan, objektif, permasalahan, kepentingan dan banyak lagi. Hal ini kerana, pengkaji ingin memebri gambaran awal tentang kajian yang ingin dibincangkan.

Akhir sekali, sudah jelas terbukti bahawa aspek kepengarangan dalam menghasilkan karya merupakan kunci utama untuk menghasilkan karya yang kaya dengan makna serta berkualiti hingga mampu memberi kesan terhadap emosi pembaca. Bukan itu sahaja, karya teks yang dihasilkan juga dikira berkualiti jika mampu mengubah cara dan budaya sesuatu masyarakat menjadi lebih baik dan positif.

BAB 2

KAJIAN LEPAS

2.0 Pengenalan

Bab ini akan membincangkan tentang beberapa sorotan kajian atau kajian lepas yang telah dijalankan oleh pengkaji lain untuk memperkukuhkan lagi kajian ini. Dalam pada masa yang sama, kajian-kajian lepas yang dijalankan oleh para pengkaji lain yang terdiri dari para sarjana mengenai bidang sastera lebih-lebih lagi tentang kepengarangan, kumpulan cerpen dan kajian lepas yang menggunakan Teori Teksdealisme. Sorotan kajian merupakan komponen yang penting dalam sesuatu kajian yang dijalankan. Hal ini kerana, sorotan kajian dapat memberikan landasan yang jelas kepada sesebuah kajian kerana ia dapat membantu pengkaji mengenal pasti perkembangan tentang kajian yang dijalankan, memahami pendekatan yang digunakan serta dapat meneroka tentang perkara yang belum lagi diteroka oleh kajian-kajian lepas.

Sehubungan dengan itu, dalam kajian ini akan memberi keutamaan tentang aspek kepengarangan, kumpulan cerpen Mukhtar Mustafa dan Teori Teksdealisme. Kajian-kajian lepas yang dijalankan oleh para pengkaji dapat memberi kefahaman yang lebih kukuh kepada pengkaji dan dapat membuka pemahaman yang luas untuk membina kerangka kajian. Dalam pada masa yang sama, kajian lepas juga dapat menjadi peranan kepada pengkaji untuk menyumbang sesuatu perkara yang baru dalam bidang kesusasteraan lebih-lebih lagi tentang kumpulan cerpen dan aspek kepengarangan. Oleh

itu, pengkaji akan mengumpul sebanyak 30 sorotan kajian yang terdiri daripada kajian mengenai Kepengarangan, Kumpulan Cerpen Mukhtar Mustafa dan Teori Teksdealisme.

2.2 Kajian Lepas Mengenai Kepengarangan

Seterusnya, pengkaji akan mencari kajian lepas yang berkaitan dengan kepengarangan. Oleh itu, aspek kepengarangan akan memberi sepenuh tumpuan terhadap latar belakang pengkarya dan pendekatan yang digunakan oleh pengkaji. Dengan adanya kajian lepas tentang kepengarangan pengkaji dapat membezakan cara setiap pengarang dalam mengarang karya yang dihasilkan adalah berbeza.

2.2.1 Tesis

Berdasarkan tesis yang bertajuk Keunggulan Kepengarangan dalam Novel *Aku Bukan Raja* Karya Raja Abdul Rahman Raja Basok Menerusi Teori Teksdealisme yang dihasilkan oleh Nurain Adha (2024). Dalam tesis yang dihasilkan oleh pengkaji tersebut telah memfokuskan tentang aspek kepengarangan berdasarkan Teori Teksdealisme. Seterusnya, kajian ini juga menggunakan kaedah kualitatif bagi memperolehi kajian yang sistematik serta keistimewaan kepengarangan dalam pengolahan latar masyarakat serta pemikiran seseorang pengarang. Oleh itu, dengan kaedah pengaplikasian Teori Teksdealisme pengarang telah memaparkan keunggulan dari segi teknik naratif, kehalusan bahasa serta menunjukkan sosial secara berperingkat. Jelaslah bahawa, tesis ini memperkuat kefahaman tentang nilai kepengarangan dalam sesebuah teks melalui kerangka teori yang lebih teratur dan lebih bersifat ilmiah.

Selain itu, tesis yang bertajuk *Keunggulan Pengarang dalam Mengangkat Unsur Pendidikan Sastera Menerusi Koleksi Cerpen Terpilih Komsas: Satu Penelitian Teksdealisme*. Menurut Nur Hamizah (2024), tesis ini telah memfokuskan pada bahagian keunggulan pengarang dalam memartabatkan nilai pendidikan dalam bidang sastera melalui KOMSAS tingkatan 4 dan tingkatan 5. Berdasarkan tesis ini terbukti bahawa, penghasilan karya KOMSAS ini kaya dengan pelbagai nasihat, dakwah serta pengajaran yang boleh diteladani oleh para pelajar. Dalam pada masa yang sama, tesis ini juga dapat membantu para pengkaji baru untuk menghasilkan kajian tentang aspek kepengarangan dan pemikiran pengarang.

Menurut Rahayu (2021), dalam tesis yang bertajuk *Kepengarangan dan Individualiti Rahman Shaari dalam Puisi Berdasarkan Teori Teksdealisme dan Stilistik yang mengkaji tentang aspek kepengarangan dan individuality penyair Rahman Shaari dalam sajak-sajak yang telah dipiih oleh pengkaji*. Oleh itu, dalam analisis ini memfokuskan tentang tema dan persoalan, kepengarangan dan individualiti. Oleh itu, dalam tesis ini kita dapat lihat bahawa tema dan persoalan yang dihasilkan oleh Rahman Shaari bersifat berubah-ubah secara berperingkat dari segi gaya bahasa iaitu gaya bahasa sinis dan kaedah penyampaian sajak secara kreatif. Analisis ini juga telah menunjukkan bahawa kepengarangan yang dihasilkan oleh Rahman Shaari mahir tentang gaya sinikal.

Sejurus itu, tesis yang bertajuk *Teknik Kepengarangan Baha Zain dalam Puisi Kemanusiaan Terpilih Berdasarkan Teori Teksdealisme yang dihasilkan oleh Mohd Faradi (2022)*. Tesis ini memfokuskan tentang keunggulan pengarang dari segi penggunaan tema, bentuk dan gaya bahasa yang diaplikasikan oleh Baha

Zain. Dalam pada masa yang sama, tesis ini juga mengentegahkan aspek idealisme kemanusiaan secara terus menerus dalam karya-karya beliau. Walaubagaimanapun, teknik kepengarangan yang dijalankan oleh pengarang mengikut peredaran zaman. Hal ini jelalsah bahawa, Baha Zain seorang pengarang yang menmghasilkan penulisan yang bermutu serta unik dan berani dalam menyuarakan tentang hak rakyat.

2.2.3 Artikel Jurnal

Menurut Mohamad Rosmizi Mahamad dan Ghazali Chad (2020), Keunggulan Kepengarangan Novel-Novel Terpilih Anwar Ridhwan. Dalam kajian lepas ini, pengkaji memfokuskan kepada aspek kepengarangan dalam kajian lepas tersebut. Oleh itu, kajian lepas itu menggunakan dua karya yang dihasilkan oleh Anwar Ridhwan yang merupakan tokoh Sasterawan Negara ke- 10 iaitu *Novel Ogonshoto* dan *Novel Penyeberang Sempadan*. Sorotan kajian ini, dapat memaparkan keunggulan baru kepengarangan Anwar Ridhwan iaitu Citra Keunggulan Insan yang menggunakan tiga prinsip antaranya adalah prinsip Hijrah, prinsip Jati Diri dan prinsip Insaniah. Dalam kajian ini, dapat memberikan kefahaman tentang cara proses kepengarangan dihasilkan dan dapat membantu pembaca dalam memilih karya yang unggul serta tidak lupa juga, pengarang dapat meneruskan lagi menghasilkan lebih banyak karya yang unggul dan bermutu.

Menurut Hashim Awang dan Hahim Ismail (2016), dalam kajiannya yang bertajuk *Minda Pengarang Melayu: Melestarikan Hubungan antar- budaya Melayu – Jawa Sulalat al- Salatin* telah memaparkan jati diri yang menggunakan teks tradisional Melayu. Oleh itu, dalam kajian lepas ini juga telah menumpukan

kepada usaha mengenal pasti jati diri kepengarangan Melayu dalam *Sulalat al-Salatin* menerusi bentuk dan puitika pemikiran pengarang dalam memperkukuhkan hubungan budaya. Secara amnya, kajian ini lebih menumpukan kepada hubungan antar- budaya melalui teks *Sulalat al-Salatin*. Sorotan kajian ini dapat membuktikan bahawa kepengarangan seseorang penulis juga boleh dipengaruhi oleh hubungan antar-budaya.

Seterusnya, artikel yang bertajuk Keberanian dan Proses Kreatif dalam Kepengarangan Osman Ayob Menerusi *Novel Empangan Tugal* yang dihasilkan oleh Nurul Husna (2020). Artikel yang dihasilkan oleh pengkaji ini telah memaparkan aspek kepengarangan dari segi nilai keberanian serta proses dalam penghasilan karya. Artikel ini telah menggunakan Teori Rasa-Fenomenologi yang dihasilkan oleh Abdul Aziz. Oleh itu, artikel ini telah meneliti pengalaman dan kesedaran yang ada pada pengarang berdasarkan nilai-nilai keberanian yang terdapat dalam teks. Artikel ini jelas menunjukkan bahawa, menyumbang kepada dokumentasi ilmiah berkenaan proses kepengarangan yang berani dan berkesan dalam sastera kontemporari.

Menurut Norazimah Zakaria (2014), jurnal yang bertajuk Konsep Kepengarangan Melayu Tradisional dan Perana Penceritaan yang menganalisis secara terperinci tentang istilah yang terperinci tentang kepengarangan hal ini kerana, kepengarangan dalam dunia sastera moden adalah berbeza. Dalam jurnal ini juga telah menyatakan bahawa, pengarang perlu ada peranan dalam penceritaan di mana setiap karya yang dihasilkan mestilah berdasarkan kepada sistem sastera Melayu sastera. Dalam pada masa yang sama, pengarang sastera tradisi mampu menghasilkan karya yang bertemakan kepada meleakakan, melalikan, menghiburkan mahupun, mendidik akal "*beneficial text*".

2.2.4 Lain-lain (Keratan Akhbar / Laman Sesawang)

Berdasarkan akhbar yang ditulis oleh Mana Sikana (2024) yang bertajuk Belajar Menulis Genre Baharu, beliau telah memaparkan beberapa pengarang tersohor di luar negara misalnya Balzac, Zola, Sartre, Camus dan Beckett yang telah menghasilkan banyak karya yang berkualiti serta menarik banyak perhatian khalayak ramai. Bukan itu sahaja, pengarang barat ini juga telah membuat struktur dan falsafah kepengarangan sebelum menghasilkan karya yang kreatif dan bermutu. Mereka menulis esei atau teks falsafah terlebih dahulu seperti *La Transcendence de l'Ego* dan *Le Mythe de Sisyphe* yang menjadi asas karya agung masing-masing. Hal ini jelas memaparkan, dalam menghasilkan karya memerlukan asas kepengarangan dan pemikiran yang utuh. Oleh itu, penulis tempatan juga perlu mempunyai aspek kepengarangan yang kuat untuk menghasilkan karya yang kreatif serta bermutu.

Seterusnya, menurut Abu Hassan Morad (2022) di pautan blog Dewan Sastera yang bertajuk Nazel Hashim Mohamad Bukan Pengarang Sembarangan <https://dewansastera.jendeladbp.my/2022/05/17/3653/>. Dalam laman web tersebut, menjelaskan tentang aspek kepengarangan yang dihasilkan oleh Nazel Hashim yang merupakan seorang penulis yang berjaya menghasilkan sebanyak 130 buah karya yang terdiri daripada novel kanak-kanak dan remaja, karya terjemahan, cerpen dan banyak lagi. Oleh itu, aspek kepengarangan yang dipaparkan oleh Nazel Hashim adalah beliau tinggal di kawasan yang mempunyai pelabuhan, hutan paya, kawasan bendang dan banyak lagi bukan itu sahaja, dari sejak kecil lagi beliau simpan gambar-gambar yang menarik misalnya perjalanan dan foto-foto indah dan mempunyai simpanan buku Tafsir al-Quran dalam

pelbagai bahasa. Hal ini jelaslah bahawa, kepengarangan yang dilakukan oleh pengarang adalah berdasarkan pengalaman hidup penulis itu sendiri dan ia memberi pengaruh yang sangat ketara.

2.3 Kajian Lepas mengenai Kumpulan Cerpen Mukhtar Mustafa

Pada bahagian sorotan kajian mengenai Kumpulan Cerpen Mukhtar Mustafa pengkaji masih lagi tidak menjumpai sorotan kajian tentang fokus tersebut. Oleh itu, pengkaji telah meluaskan pencarian dengan memfokuskan pada semua kumpulan cerpen dari pengarang lain.

2.3.1 Tesis

Menurut Mohd Sarji dan Kasmaizun Enuni (2018), dalam tesis yang bertajuk *Unsur Alam dalam Kumpulan Cerpen Pilihan Siti Zainon Ismail* telah memaparkan analisis unsur alam dalam tiga kumpulan cerpen karya Siti Zainon Ismail, iaitu *Jurai Palma* (2001), *Piazza Di Spagna* (2005) dan *Rindu Pala Muda* (2006). Oleh itu, dalam kumpulan cerpen ini banyak menggunakan unsur-unsur alam seperti flora, fauna, binatang dan sebagainya. Seterusnya, hasil cerpen itu menjadi lebih kreatif dan lebih unik kerana mengaplikasikan unsur alam dalam karya. Jelaslah bahawa, tesis ini turut mengaitkan konsepsi pengarang terhadap alam dengan faktor latar belakang keluarga, pendidikan, pekerjaan, hobi, pengalaman dan pengembaraan, sekali gus memperlihatkan keupayaan Siti Zainon Ismail meletakkan unsur alam sebagai medium renungan dan penyampaian nilai kehidupan.

Seterusnya. Tesis yang bertajuk Cerpen-Cerpen WADAH (1986 – 2013): Satu Analisis Struktural yang dihasilkan oleh Norsuhaila (2016). Dalam tesis ini, pengkaji telah memaparkan cerpen-cerpen yang terkandung di dalam WADAH yang bertemakan kepada mendominasi WADAH. Oleh itu, terdapat 31 buah cerpen di dalamnya yang memenuhi kesemua kajian cerpen di Sabah. Bukan itu sahaja, karya ini juga telah berjaya memberi segala maklumat kepada pihak DBPCS supaya mampu memilih cerpen yang berkualiti untuk pembaca. Dengan adanya tesis ini mampu memberi panduan kepada penulis-penulis di Sabah untuk menghasilkan lebih banyak karya cerpen yang bermutu tinggi.

Sorotan kajian yang seterusnya adalah tesis yang bertajuk Analisis Cerpen-Cerpen Terpilih di dalam Kumpulan Cerpen *Bidadari Burung* dengan menggunakan Teori Pengkaedahan Melayu yang dihasilkan oleh Wan Khairul Faiz & Wan Kamarull Ariffin (2019). Dalam tesis tersebut telah memfokuskan tentang masalah-masalah yang dihadapi oleh masyarakat berdasarkan cerpencerpen yang pengkaji pilih serta yang berkaitan dengan tema keadaan masyarakat yang hidup dalam kemungkaran serta keganasan. Oleh itu, dalam cerpen ini juga telah memaparkan bahawa pendekatan masyarakat yang dapat memahami, mengenalpasti serta sedar akan faktor atau punca berlakunya sesuatu masalah dan cadangan untuk menyelesaikan permasalahan yang sedang berlaku.

2.3.2 Buku

Menurut Lai Choy (1998), dalam kajiannya yang bertajuk Menyelusuri Budaya Masyarakat Cina dalam Kumpulan Cerpen *Migrasi ke Selatan* beliau mengutamakan tentang hasil karya cerpennya yang berjudul *Migrasi ke Selatan* yang ditulis dalam bahasa ibundanya iaitu Bahasa Cina dan ia bertepatan dengan penguasaan ilmu, pengalaman dan sasaran pembacanya dalam bahasa tersebut.

Bukan itu sahaja, dengan adanya karya sastra berbahasa Cina dapat memberi ilmu pengetahuan yang luas tentang budaya masyarakat Cina serta dapat meleluaskan kesusasteraan Melayu yang kini semakin terpinggir audiens dan kedudukannya.

2.3.3 Artikel Jurnal

Berdasarkan kajian lepas yang bertajuk Cerpen-Cerpen Terpilih Rejab F.I dalam Perspektif Teori Pengkaedahan Melayu yang dijalankan oleh Osman bin Ayob (2022). Pengkaji telah memfokuskan elemen dakwah, kemasyarakatan dan moral dengan memilih cerpen-cerpen karya terpilih Rejab F.I. Oleh itu, cerpencerpen yang terkandung dalam kumpulan tersebut memaparkan hal yang berkait rapat dengan kehidupan masyarakat Melayu lebih-lebih lagi tentang aspek keagamaan, budaya dan nilai sosial.

Menurut Ghazali Din (2019), dalam kajiannya yang bertajuk Naluri Kemasyarakatan dalam Penciptaan Kumpulan Cerpen Song of September Karya Malim Ghozali Pk. Kajian lepas ini mengetengahkan tentang pengalaman yang dirasai sendiri oleh penulis iaitu Malim Ghozali Pk misalnya beliau mengembara di luar negara. Kajian lepas ini bukan sahaja menggambarkan tentang aspek emosi dan pengalaman peribadi pengarang tetapi ia juga menekankan aspek sosial dan budaya dalam bentuk naratif. Secara khususnya, dalam kajian ini menjelaskan penulis iaitu Malim Ghozali ini menghasilkan kumpulan-kumpulan cerpen yang mempunyai 20 buah cerpen ini berdasarkan kisah benar iaitu pengalaman pengarang semasa di luar negara. Tambahan pula, karya beliau kurang dianalisis oleh mana-mana pengkaji.

Selain itu, menurut Asmiaty Amat & Roziah Adama (2021) artikel yang bertajuk *Dunia Hampir Bergabung dalam Kumpulan Cerpen Laron* oleh Jasni Matlani: Satu Bacaan Realisme Magis. Artikel ini memfokuskan tentang kewujudan unsur-unsur realisme yang bergabung dengan dunia magis yang terkandung dalam *Kumpulan Cerpen Laron* karya Jasni Matlani (2010) yang mempunyai 30 buah cerpen sahaja. Oleh itu, kajian ini meneliti dengan terperinci pada aspek dunia realiti dan dunia lain iaitu dunia magis dalam cerpen-cerpen yang dikaji. Oleh itu, kita dapat mengetahui bahawa kumpulan cerpen juga boleh dijadikan dalam pelbagai jenis tema seperti magis dan realisme.

Menurut Normaizatul & Halis Zahan (2019), tesis yang bertajuk *Pemikiran Islam Dalam Konteks Sosioekonomi Dalam Kumpulan Cerpen Cahaya Pelita Nurani*. Berdasarkan artikel tersebut, pengkaji telah mengutamakan tentang aspek sosioekonomi yang terdapat dalam *Kumpulan Cerpen Cahaya Pelita Nurani* (2015) yang dihasilkan oleh Nazri Hussein. Oleh itu, cerpen ini banyak menggunakan tema yang berkaitan dengan keagamaan, pengajaran dan nilai yang telah dituntut oleh agama Islam. Bukan itu sahaja, kumpulan cerpen ini juga mempunyai unsur penindasan, kemiskinan, hak, pekerjaan dan banyak lagi. Jelaslah bahawa, kesemua tema yang terdapat dalam kumpulan cerpen ini mempunyai kaitan yang sangat akrab dengan kemasyarakatan.

Artikel yang bertajuk *Perpaduan dalam Perbandingan Cerpen Remaja* Tulisan Nazel Hashim dan Ismail Sarbini. Zul Fadli Mohd Kamal dan Shaiful Bahri Md Radzi (2019) telah membincangkan nilai perpaduan dalam cerpen remaja tulisan Nazel Hashim dan Ismail Sarbini. Kajian tersebut menekankan peranan dua penulis yang juga merupakan pendidik dalam menerapkan nilai perpaduan melalui naratif yang berfokus kepada tema keharmonian kaum,

persahabatan, pengembaraan dan penyiasatan. Mereka menjadikan Rukun Negara khususnya prinsip ‘Kesopanan dan Kesusilaan’ yang menjadi asas dalam membentuk mesej perpaduan yang berkesan kepada golongan remaja. Kajian ini turut memperlihatkan bagaimana kepengarangan kedua-dua penulis menyahut seruan kerajaan dalam membentuk masyarakat majmuk yang bersatu padu melalui karya sastera.

Akhir sekali, tesis yang berjudul Kedudukan Watak-Watak Wanita dalam Kumpulan Cerpen ‘*AMMAVUKU*’, Menerusi Kajian Subaltern. Menurut S. Vinesh Rajj dan Manonmani Devi M.A.R Annamalai (2020), artikel ini menjelaskan tentang perhatian kepada penindasan terhadap wanita dalam sistem patriarki khususnya dalam konteks institusi kekeluargaan. Watak wanita sebagai ibu, isteri dan anak diteliti bagi mengenal pasti bentuk penindasan yang dialami serta hak-hak mereka yang dinafikan. Melalui pendekatan kualitatif dan kaedah kepustakaan, kajian ini menyerlahkan suara wanita subaltern yang sering terpinggir dalam masyarakat, serta mengangkat kesedaran tentang ketidakseimbangan gender yang berlaku dalam struktur sosial tradisional.

2.4 Kajian Mengenai Teori Teksdealisme

Sejurus itu, pengkaji telah memilih Teori Teksdealisme untuk meneliti tentang aspek kepengarangan yang digunakan oleh seseorang pengarang. Namun demikian, dalam Teori Teksdealisme terkandung 4 prinsip yang terdiri daripada prinsip kehadiran, prinsip pelanggaran, prinsip pengukuhan dan prinsip individualisme. Oleh itu, dalam kajian ini pengkaji hanya menggunakan 3 sahaja prinsip iaitu kehadiran, pengukuhan dan individualisme.

2.4.1 Tesis

Menurut Ku Nur Asmida binti Ku Mohd Shahabudin (2018), dalam kajian beliau yang bertajuk *Transkripsi Keupayaan Teksdealisme dalam Mengangkat Keunggulan Karya-Karya Thriller Ramlee Awang Mursyid* dalam sorotan kajian ini pengkaji telah menunjukkan keunggulan kepengarangan Ramlee Awang Mursyid yang menonjol melalui penerapan prinsip Teori Teksdealisme, iaitu prinsip kehadiran yang telah mengeluarkan pengalaman masyarakat dan pengembaraan dalam karta. Prinsip pelanggaran pula jelas dilihat melalui nilai keberanian beliau dalam menampilkan tema, persoalan serta watak yang menyimpang daripada kebiasaan. Sejurus itu, telah menghadirkan pembaharuan idea. Hal ini jelas menyatakan bahawa, kajian ini telah memberi kesan terhadap kefahaman proses kepengarangan serta panduan dalam memilih karya yang unggul.

Selain itu, berdasarkan kajian yang bertajuk *Pendekatan Teksdealisme dalam Kepengarangan Muzaf Ahmad Terhadap Kumpulan Puisi Sepasang Sayap di Bahu* (Nurin Nadhirah binti Ahmad Zaki, 2024). Kajian ini memaparkan tentang penerapan Teori Teksdealisme terutamanya prinsip kehadiran yang

mempamerkan pengalaman pengembaraan dan isu semasa sebagai asas pemikiran dalam puisinya. Oleh itu, prinsip pengukuhan pula dilihat melalui penyampaian nilai-nilai yang membina kesedaran tentang realiti sosial. Seterusnya, prinsipnya individualisme menonjolkan gaya penulisan peribadi Muzaf Ahmad yang dipengaruhi oleh pengalaman dan pandangan dunia yang unik. Jelaslah bahawa, menghasilkan karya yang bersifat reflektif, kritikal dan dapat membuka minda pembaca.

2.4.2 Artikel Jurnal

Berdasarkan tajuk kajian yang bertajuk Keunggulan Drama *Renjong* berasaskan Prinsip Kehadiran Teori Teksdealisme yang dihasilkan oleh Mohd Fazil bin Musa (2024). Kajian ini telah meneliti Teori Teksdealisme yang dipelopori oleh Profesor Madya Dr. Abdul Rahman Napiah (Mana Sikana) dan berperanan sebagai asas dalam mengkaji teks-teks sastera misalnya drama, novel dan cerpen. Walaubagaimanapun, sorotan kajian ini akan memfokuskan tentang prinsip kehadiran dalam Teori Teksdealisme lebih-lebih lagi, dalam konteks penganalisisan teks Kumpulan Drama *Renjong*. Secara tidaklangsung, kita dapat lihat kajian-kajian lepas telah membuktikan bahawa prinsip ini mampu membantu mengenal pasti unsur patriotisme dalam sesebuah karya, malah turut mendedahkan pemikiran dan keunikan penulisan pengarang. Justeru, Teori Teksdealisme dilihat berperanan penting dalam memberi panduan bagi penulis yang baru sahaja berkecimpung dalam penghasilan karya yang bermutu tinggi.

Seterusnya, penelitian daripada Mohd Saipuddin Suliman, Shahrin Nizal Mohd Nor, Nordiana Ab Jabar, Norazimah Zakaria, Lim Ying Xuan dan Afidatul Syazwani Afandi yang bertajuk *Pembinaan Teori Teksdealisme dan Penelitian Terhadap Karya Puisi Konkrit*. Sorotan kajian ini mengetengahkan tentang usaha yang dilakukan dalam pembinaan Teori Teksdealisme dengan menelusuri aspek-aspek yang asas sebagai contoh dasar pembentukan teori, rangka konsep serta aplikasinya terhadap teks sastra. Penelitian para pengkaji terhadap puisi konkrit Tri-v (Verbal-vokal-visual) yang dicipta oleh Abdul Ghafar Ibrahim (AGI) dan telah mendapati bahawa prinsip-prinsip yang terkandung dalam teori ini berupaya memaparkan keunggulan karya serta ketokohan penyair. Bukan itu sahaja, sorotan kajian ini juga telah menonjolkan usaha keluar daripada konvensi puisi tradisional melalui inovasi kreatif yang segar, sekali gus membuktikan keberkesanan Teori Teksdealisme sebagai instrumen kritikan sastra moden. Sorotan kajian ini mempunyai potensi menjadi rujukan yang sangat penting dalam pembangunan teori sastra tempatan.

Menurut Ruziwati binti Abu Samah (2019), kajian beliau yang bertajuk *Gaya Keibubapaan dalam Novel Komsas Sukar Membawa Tuah dan Merenang Gelora Berdasarkan Analisis Teksdealisme*. Sorotan kajian ini memaparkan cara atau gaya keibubapaan yang terkandung di dalam Novel Komsas sebagai satu cara untuk mendidik yang efektif serta mampu mempengaruhi pembentukan sahsiah remaja. Dalam pada masa yang sama, Novel *Sukar Membawa Tuah* dan *Merenang Gelora* dijadikan sebagai panduan. Seterusnya, sorotan kajian ini telah mengaplikasikan Teori Teksdealisme yang mementingkan kesemua prinsip antaranya adalah prinsip kehadiran, pelanggaran, pengukuhan serta keunggulan.

Jelaslah bahawa, kajian ini dapat membantu pengkaji untuk menghasilkan kajian yang menggunakan Teori Teksdealisme serta mampu memilih karya yang unggul.

Menurut Sara Beden (2019), dalam kajian beliau yang bertajuk Prinsip Kehadiran dalam Novel-Novel Jong Chian Lai: Analisis Teksdealisme. Sorotan kajian ini lebih mengutamakan elemen penting dalam usaha memperkuat lagi tentang aspek kepengarangan. Sorotan kajian ini juga, telah mendapati bahawa prinsip kehadiran yang terdapat dalam Teori Teksdealisme yang digunakan untuk menganalisis tiga novel karya Jong Chian Lai iaitu *Gugurnya Langit Hijau Nanga Tiga* (1986). *Pemberontakan* (1994) dan *Ensera Marga Timur dari St Anthony* (2009). Dalam sorotan kajian ini, telah membuktikan bahawa pengarang bijak dalam mengeluarkan idea baharu, struktur dan jalan penceritaan dalam pada masa yang sama, citra kepengarangan yang unggul ini dapat memberi inspirasi kepada penulis lain untuk terus menghasilkan karya yang bermutu.

Menurut Abdul Halim Ali (2011), dalam artikel yang bertajuk Proses Kreativiti A. Samad Said Berasaskan Teori Teksdealisme. Berdasarkan artikel ini, pengkaji telah memfokuskan pada aspek penggunaan teori yang digunakan oleh A. Samad Said. Namun demikian, kajian ini berusaha untuk memahami proses dalam memahami Teorin Tekdealisme oleh A. Samad Said. Bukan itu sahaja, proses kepengarangan beliau selaras dengan empat peringkat utama yang dicadangkan dalam teori tersebut, iaitu kehadiran, pelanggaran, pengukuhan, dan individualiti. Kajian ini turut menekankan bahawa latar belakang kehidupan A. Samad Said—daripada pengalaman zaman perang, penceritaan lisan dan minat membaca hingga penglibatan aktif dalam penulisan pelbagai genre sastera memberi sumbangan besar dalam membentuk identiti kreatif beliau sebagai seorang Sasterawan Negara.

Artikel yang bertajuk Novel-Novel Faisal Tehrani dari Perspektif Teksdealisme yang ditulis oleh Tengku Intan Marlina, Madiawati Mamat dan Fauzi Hasan (2017), yang memaparkan 3 buah buku novel karya Faisal Tehrani yang kaya dengan tema sejarah, sosiobudaya serta tidak lupa juga tentang keagamaan. Oleh itu, artikel ini telah mengaplikasikan Teori Teksdealisme yang dipelopori oleh Mana Sikana dan beliau juga menyatakan bahawa semua pengarang mestilah menyimpan harapan untuk menghasilkan karya yang unggul serta bijak dan berani dalam membuat sesuatu jawapan. Hal ini jelalash bahawa, Teori Teksdealisme merupakan teori tempatan yang kerap digunakan oleh para pengkritik untuk membaik pulih sesuatu karya yang kurang bermutu.

2.4.4 Lain-lain (Laman Sesawang).

Menurut Mohd Saipuddin Suliman (2023), melalui pautan Dewan Sastera yang bertajuk Menelaah Fikrah Sastera Berdasarkan Horizon Teksdealisme <https://dewansastera.jendeladbp.my/2023/01/17/7611/>. Oleh itu, dalam pautan tersebut pengkaji telah memfokuskan tentang pengaplikasian Teori Teksdealisme dalam Fikrah Sastera karya Nizal Mohd Nor yang terdiri daripada 4 prinsip antaranya adalah kehadiran, pengukuhan, pelanggaran dan individualisme. Namun demikian, keunggulan seseorang penulis terletak pada penggunaan kata, latar belakang, pengalaman dalam kehidupan, pembacaan dan banyak lagi. Jelaslah bahawa, untuk mengutuhkan lagi sesuatu krtikan, penguasaan teori juga perlulah mantap tidak kira teori barat mahupun tempatan.

Melalui pautan Dewan Sastera yang ditulis oleh Hidayah AT Mizi (2023, Jun 27) yang bertajuk Ke Mana Hala Perbincangan Mana Sikana Tentang Lambakan Puisi? <https://dewansastera.jendeladbp.my/2023/06/27/9749/>. Dalam

laman tersebut, Mana Sikana ada memtik tentang Teori Teksdealisme hal ini kerana terlalu banyak lambakan karya yang tidak mempunyai kualiti. Oleh itu, pengaplikasian teori diperlukan supaya dapat memperbaiki karya yang kurang bermutu. Jelalslah bahawa, Teori Teksdealisme ini bersesuaian untuk meningkatkan lagi keunggulan sesuatu karya yang dihasilkan oleh seseorang pengarang.

2.5 KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, bab 2 pada kajian ini mengemukakan 30 sorotan kajian yang terdiri daripada sumber tesis, buku, akhbar dan lain-lain. Tambahan pula, sorotan kajian ini juga telah memfokuskan kepada 3 bahagian antaranya adalah aspek kepengarangan, kumpulan cerpen dan Teori Teksdealisme. Dalam pada masa yang sama, Sorotan ini memperlihatkan betapa pentingnya kajian lepas sebagai landasan kukuh dalam membina kerangka kajian yang mantap serta memperluas pemahaman pengkaji terhadap bidang yang diteliti.

Sejurus itu, beberapa pengkaji telah berjaya mengaitkan kepengarangan dengan pendekatan teori tertentu seperti Teori Teksdealisme dan teori lain yang bersesuaian, sekali gus menunjukkan bahawa kajian aspek ini mampu mendedahkan nilai dan keunikan pemikiran seseorang pengarang. Tambahan pula, sorotan tentang kumpulan cerpen, meskipun tiada kajian yang secara khusus membincangkan tentang Kumpulan Cerpen Mukhtar Mustafa, namun kajian terhadap kumpulan cerpen oleh pengarang lain telah memberi gambaran awal tentang pelbagai tema, pendekatan dan nilai yang boleh diketengahkan. Analisis terhadap unsur alam, isu sosial, nilai keagamaan, realisme magis dan peranan wanita membuktikan bahawa kumpulan cerpen memainkan peranan penting dalam merakamkan realiti masyarakat dan pemikiran pengarang.

Secara keseluruhannya, sorotan kajian ini bukan sahaja mengukuhkan justifikasi kajian yang dijalankan, tetapi juga membuka ruang untuk menyumbang kajian baharu khususnya dalam aspek kepengarangan Mukhtar Mustafa, di samping menerapkan Teori Teksdealisme secara lebih sistematik dan ilmiah. Maka, kajian ini dijangka dapat menambah khazanah ilmu dalam bidang kesusasteraan Melayu, khususnya dalam kajian kumpulan cerpen dan kepengarangan.



BAB 3

Metodologi Kajian

3.1 Pengenalan

Metodologi merupakan kaedah yang diaplikasikan oleh pengkaji untuk mengumpul atau mengutip maklumat berdasarkan cara-cara yang berkesan untuk memberi jawapan pada bahagian permasalahan kajian. Oleh itu, metodologi kajian mempunyai tiga peringkat antaranya adalah proses perancangan, proses aplikasi dan yang terakhir adalah proses analisis (Ang Kean Hua, 2016). Menurut Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka Edisi Keempat (2010), metodologi membawa maksud sebagai sistem yang meliputi kaedah dan prinsip yang diaplikasikan dalam sesuatu aktiviti atau sebagainya. Bukan itu sahaja, metodologi juga menggambarkan kepada tatacara dalam menjalankan kajian yang dikaji untuk mengumpulkan maklumat untuk mencapai objektif kajian. Menurut Ahmad Mahdzan Ayob (1993), metodologi membawa maksud kesemua langkah atau prosedur bagi mencapai sesuatu objektif kajian yang dijalankan mengikut kaedah sains.

Sejurus itu, metodologi merupakan peranan yang sangat penting dalam sesuatu analisis atau kajian yang ingin dijalankan. Hal ini kerana, metodologi kajian memerlukan beberapa perkara penting antaranya adalah pengumpulan data yang betul dan tepat. Dalam pada masa yang sama, ia juga berkait dengan pembentukan hipotesis dan pemilihan reka bentuk, pemilihan sampel, ujian rintis serta analisis. Namun demikian, dalam bab 3 ini pengkaji akan membincangkan tentang proses pencarian data bagi kajian ini serta kegunaan data untuk menyimpulkan seluruh hasil kajian yang dijalankan dan menganalisis tentang Kepengajaran penulis “Mukhtar Mustafa” dalam Kumpulan

Cerpen *Cahaya Dari Perabung* melalui Teori Teksdealisme untuk mendapatkan hasil kajian yang dijalankan. Akhir sekali, kaedah ini juga digunakan untuk menganalisis dan terdapat beberapa langkah antaranya adalah pengkaji perlu melaksanakan pembacaan data berpandukan cerpen yang dipilih melalui Kumpulan Cerpen *Cahaya Dari Perabung* karya Mukhtar Mustafa. Kemudian, pemilihan data akan dinilai mengikut kesesuaian objektif kajian yang telah ditetapkan oleh pengkaji. Namun begitu, pengkaji telah menggunakan Teori Teksdealisme untuk meneliti kepengarangan yang digunakan oleh pengarang dalam kumpulan cerpennya.

3.2 Reka Bentuk Kajian

Reka bentuk kajian merupakan perkara yang sangat penting untuk pengkaji dalam menjalankan sesuatu kajian yang akan memudahkan segala proses pengumpulan data dan maklumat bagi sesuatu kajian yang dijalankan serta mudah dalam menjalankan proses penganalisan. Reka bentuk kajian juga dapat berperanan untuk menentukan cara atau kaedah untuk mendapatkan data dengan lebih jelas. Bukan itu sahaja, dalam kajian ini pengkaji telah memilih reka bentuk kajian kualitatif yang merupakan asas untuk mengumpul kesemua analisis dan data kajian.

Kaedah kualitatif dapat membawa maksud sebagai kaedah atau langkah-langkah untuk meneliti data-data deksriptif yang berbentuk kata-kata lisan dan tulisan sama ada dari tingkah laku yang didapati dari persekitarannya (Bogdan & Taylor, 2004). Reka bentuk kualitatif pula merupakan reka bentuk kajian yang merujuk kepada satu pendekatan kajian yang akan berfokuskan kepada pemahaman yang terperinci tentang pengalaman, pandangan dan interpretasi manusia terhadap sesuatu kejadian dalam

konteks kehidupan yang sebenar. Oleh itu, reka bentuk kualitatif ini akan menggunakan naratif, temubual, pemerhatian, teks dan sebagainya.

Reka bentuk kajian ini merupakan perkara yang memainkan peranan yang sangat utama untuk memudahkan pengkaji untuk mendapatkan maklumat serta dapat memudahkan dalam proses pengumpulan data dan maklumat. Melalui reka bentuk kajian ini, pengkaji dapat menggambarkan bagaimana untuk mendapatkan maklumat dengan lebih jelas. Namun demikian, reka bentuk kajian kualitatif adalah asas bagi pengumpulan dan analisis data kajian.

Berdasarkan kajian ini, pengkaji akan memilih kaedah reka bentuk kajian kualitatif. Hal ini demikian kerana, pengkaji akan menganalisis kandungan teks di dalam Kumpulan Cerpen *Cahaya Dari Perabung* karya Mukhtar Mustafa untuk mendapatkan kepengarangan pengarang yang diaplikasikan dalam karya cerpennya. Menurut Creswell, kajian kualitatif sangat penting dalam memahami fenomena sosial dari perspektif individu yang mengalaminya. Oleh itu, kajian kualitatif juga telah memberi penekanan tentang makna yang diberikan oleh pengkaji terhadap pengalaman mereka sendiri (Sidek Mohd. Noah, 2010). Di dalam reka bentuk kajian terdapat lagi beberapa bahagian lagi yang digunakan oleh pengkaji antaranya adalah kaedah pengumpulan data, kaedah kepustakaan dan kaedah analisis teks, kaedah internet serta mengaplikasikan Teori Teksdealisme.

3.2.1 Dokumentasi

Kajian ini memberi fokus kepada kepengarangan penulis “Mukhtar Mustafa” dalam terhadap teks Kumpulan Cerpen *Cahaya Dari Perabung*. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif iaitu dengan menjalankan beberapa kaedah bagi pelaksanaan kajian dan kaedah menganalisis teks

menerusi Kumpulan Cerpen *Cahaya Dari Perabung* karya Mukhtar Mustafa dan mendapatkan maklumat melalui kaedah kepustakaan serta berpandukan teks untuk mendapatkan lagi maklumat serta data-data yang berkait rapat dengan kajian penyelidikan ini. Oleh itu, kaedah yang diperolehi data melalui tesis, jurnal, buku, artikel dan banyak lagi untuk mengembangkan lagi kajian ini dengan baik.

Kaedah dokumentasi ini merupakan kaedah kajian yang berbentuk bahan-bahan yang bertulis atau dokumen sebagai sumber utama dalam sesuatu kajian yang dihasilkan oleh pengkaji. Oleh itu, kaedah ini digunakan untuk meneliti dan menganalisis isi kandungan yang terdapat dalam dokumen secara sistematik untuk memudahkan lagi dalam proses pencarian maklumat, memahami sesuatu kejadian itu berlaku, kriteria analisis serta proses dalam pengkodan data. Secara umumnya, kaedah ini bersesuaian diaplikasikan dalam bidang pendidikan, sejarah dan sastera. Hal ini kerana, kaedah dokumentasi ini dapat memberi peluang kepada pengkaji dalam meneroka dengan lebih teliti tentang sesuatu bahan bertulis untuk memahami isu atau persoalan kajian secara mendalam dan kontekstual.

Sejurus itu, kaedah ini merupakan satu pendekatan yang berkaitan dengan analisis dokumen-dokumen yang berhubung dengan perkara yang dinyatakan pada bahagian kajian yang dijalankan untuk mengetahui kepengarangan penulis dalam Kumpulan Cerpen *Cahaya Dari Perabung*. Oleh itu, dalam kumpulan cerpen ini terdapat 14 cerpen yang terkandung di dalam Kumpulan Cerpen *Cahaya Dari Perabung*

karya Mukhtar Mustafa, tetapi hanya 7 sahaja yang dipilih untuk dikaji, antaranya adalah:

BIL.	TAJUK KUMPULAN CERPEN	HALAMAN
1.	Banjir Air Mata	1 – 9
2.	Buldozer	11 – 16
3.	Ara	17 – 24
4.	Gadis Phatthalung	25 – 34
5.	Rumah Kami	35 – 42
6.	Cahaya Dari Perabung	43 – 51
7.	Hotel	69 – 76

Rajah 3.1: Senarai Kumpulan Cerpen Cahaya Dari Perabung

3.3 Kaedah Pengumpulan Data

Kaedah pengumpulan data adalah kaedah yang diaplikasikan dalam kajian ini untuk mengumpul kesemua data dan maklumat yang betul dan berkaitan dengan kajian yang dijalankan oleh pengkaji. Tambahan pula, kaedah ini boleh didapati melalui hasil penelitian berdasarkan Kumpulan Cerpen *Cahaya Dari Perabung* karya Mukhtar Mustafa. Selain itu, kaedah pengumpulan data juga boleh didapati melalui bahan-bahan dari kepustakaan misalnya seperti buku, tesis, majalah, buku dan sebagainya. Bukan itu sahaja, Teori Teksdealisme juga dikaji dan juga aspek kepengarangan yang digunakan oleh Mukhtar Mustafa. Di samping itu, data kajian ini juga turut dicari melalui internet. Hal ini kerana, terdapat beberapa kaedah pengumpulan data yang dijalankan oleh pengkaji dan segala maklumat yang berhubung kait dengan kajian bagi mencapai objektif kajian.

3.3.1 Kaedah Kepustakaan

Kaedah kepustakaan merupakan pendekatan yang dijalankan melalui kajian terhadap bahan bacaan yang berkaitan dengan topik penyelidikan. Kajian ini pengkaji menggunakan bahan-bahan berbentuk ilmiah seperti buku, jurnal, majalah, dan dokumen lain yang relevan dengan tajuk kajian sebagai rujukan utama. Oleh itu, Semua bahan ilmiah tersebut diperoleh oleh pengkaji melalui Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan serta Dewan Bahasa dan Pustaka dengan bantuan pustakawan. Dalam pada masa yang sama, pengkaji telah mengumpulkan pelbagai sumber untuk memudahkan proses kajian yang dijalankan. Justeru itu, semua bahan bacaan yang diperoleh digunakan sepenuhnya oleh pengkaji bagi menyokong bukti-bukti dalam kajian serta dapat memudahkan pengumpulan data melalui sumber kepustakaan.

3.3.2 Analisis Dokumen

Seterusnya, analisis dokumen pula berperanan untuk mencari dan menyelidik secara terperinci tentang segala maklumat dan data yang berkait rapat dengan dengan tajuk kajian yang dijalankan. Oleh itu, dokumen yang dianalisis boleh terdiri daripada analisis teks dari sumber internet, artikel jurnal, buku, tesis dan sumber internet. Melalui kaedah ini, pengkaji dapat mengenal pasti tema, pola, nilai dan fakta penting yang berkaitan dengan tajuk kajian yang dijalankan, malah ia juga dapat membantu dan menyokong pengkaji dalam memperkukuhkan lagi

dapatan yang diperolehi melalui kaedah lain antaranya adalah temubual atau pemerhatian. Tambahan pula, kaedah ini bukan sahaja dapat memudahkan pengkaji dalam mencari segala maklumat yang berkaitan, malah kaedah ini juga hanya menggunakan data yang telah sedia ada dan dapat menjimatkan kos dan masa. Walaubagaimanapun, pemilihan dokumen yang relevan dan bersesuaian sangatlah penting untuk memastikan kebenaran dan ketepatan data yang telah dikumpulkan.

3.3.2.1 Kaedah Analisis Teks

Berdasarkan kaedah analisis teks, pengkaji telah memilih teks yang bertajuk Kumpulan Cerpen *Cahaya Dari Perabung* karya Mukhtar Mustafa yang ingin dikaji dan ini merupakan sumber utama rujukan bagi kajian ini. Hal ini kerana, pengkaji akan meneliti aspek kepengarangan penulis iaitu Mukhtar Mustafa dalam Kumpulan Cerpen *Cahaya Dari Perabung*. Kumpulan cerpen ini telah diterbitkan oleh Persatuan Penulis Nasional Malaysia (PENA) pada tahun 2025. Kumpulan Cerpen *Cahaya Dari Perabung* ini mempunyai 14 buah cerpen yang telah dihasilkan oleh Mukhtar Mustafa. Oleh itu, kumpulan cerpen ini mempunyai tema yang berbeza tetapi masih lagi dalam skop kehidupan manusia dan kehidupan makhluk ciptaan tuhan antaranya adalah pengakhiran kisah yang penuh dengan persoalan dan kesedihan.

Berdasarkan kajian yang dijalankan oleh pengkaji, kajian ini akan berfokus kepada kepengarangan penulis Kumpulan Cerpen *Cahaya Dari Perabung* iaitu Mukhtar Mustafa. Namun demikian, pengkaji tidak meneliti kesemua cerpen yang terkandung di dalam kumpulan cerpen tersebut, antara tajuk cerpen yang dikaji adalah Banjir Air Mata, Buldozer, Ara, Gadis Phatthalung, Rumah Kami, Cahaya Dari Perabung dan Hotel. Kesemua cerpen yang telah dipilih oleh pengkaji telah diteliti isi kandungannya yang berkaitan dengan aspek kepengarangan Mukhtar Mustafa. Oleh itu, melalui kajian ini juga pengkaji akan melihat Mukhtar Mustafa dalam kepengarangannya dengan mengaplikasikan Teori Teksdealisme dalam kajian yang dilakukan.



Rajah 3.1: Kumpulan Cerpen *Cahaya Dari Perabung*

3.3.2.2 Kaedah Internet

Dalam menjalankan kajian ini, pengkaji turut memanfaatkan kaedah internet bagi memperoleh maklumat dan data yang berkaitan dengan aspek kepengarangan. Oleh itu, terdapat beberapa laman web yang relevan dengan tajuk kajian telah dikenal pasti dan digunakan sebagai sumber rujukan. Antara laman web yang dijadikan panduan termasuklah laman web rasmi Dewan Bahasa dan Pustaka, Google Scholar, artikel dalam talian, serta pelbagai laman web lain yang berkaitan. Dalam pada masa yang sama, kaedah ini bukan sahaja membantu mengukuhkan kandungan kajian, malah turut menyumbang kepada penemuan maklumat dan idea baharu yang berguna kepada pengkaji dalam memperluas skop kajian yang dihasilkan.

3.3.2.3 Artikel, Jurnal dan Buku

Dalam usaha menjalankan kajian ini, pengkaji juga telah menggunakan pelbagai sumber rujukan seperti artikel, jurnal dan buku sebagai panduan utama untuk menyokong dan memperkukuh hujahan kajian yang dijalankan. Oleh itu, bahan-bahan ilmiah ini bukan sahaja memberikan asas teori yang kukuh, malah membantu pengkaji memahami pelbagai perspektif daripada tokoh-tokoh yang lebih pakar dalam bidang yang dikaji. Melalui analisis terhadap penulisan dalam artikel dan jurnal terdahulu, pengkaji dapat meneliti dapatan kajian lepas yang berkaitan serta mengenal pasti jurang atau permasalahan yang masih belum dibincangkan secara mendalam. Di samping itu, penggunaan sumber

seperti buku turut membolehkan pengkaji merujuk konsep-konsep penting dan teori yang relevan dengan objektif penyelidikan. Tidak lupa juga, kaedah ini bukan sahaja membantu dalam memperkukuh kandungan kajian, malah memainkan peranan penting dalam membentuk kerangka teori dan metodologi yang sesuai dengan topik yang dikaji. Penggunaan sumber ilmiah yang pelbagai juga menjadikan kajian ini lebih menyeluruh dan mempunyai nilai akademik yang tinggi.

3.3.2.4 Temu bual

Bagi menjalankan kajian ini, pengkaji telah memilih kaedah temu bual sebagai salah satu sumber rujukan dalam pengumpulan data. Kaedah ini dianggap penting kerana ia membolehkan pengkaji memperoleh maklumat secara langsung daripada individu yang terlibat dalam penghasilan karya yang dikaji. Justeru itu, pengkaji akan menjalankan sesi temu bual bersama penulis *Kumpulan Cerpen Cahaya Dari Perabung*, iaitu Mukhtar Mustafa, bagi mendapatkan pandangan serta penjelasan berkaitan aspek kepengarangan dalam karya beliau. Melalui kaedah ini, pengkaji berpeluang memahami dengan lebih mendalam berkaitan dengan proses penulisan kreatif dan latar pemikiran penulis semasa menghasilkan cerpen-cerpen tersebut. Di samping itu, kaedah temu bual juga memberi ruang kepada pengkaji untuk mengemukakan soalan-soalan khusus yang berkaitan dengan objektif kajian. Segala maklumat yang diperoleh daripada temu bual ini akan direkod, didokumentasikan dan dijadikan sebagai bahan bukti serta sokongan

dalam penulisan kajian serta dapat memperkukuh dapatan kajian yang dijalankan.

3.3.3 Analisis Tematik

Analisis tematik adalah proses yang berlaku untuk mengenal pasti pola atau corak dan membina tema berdasarkan pembacaan secara menyeluruh terhadap sesebuah kajian yang dijalankan. Oleh itu, kaedah ini sesuai diterapkan dalam pelbagai jenis kajian yang menggunakan kaedah kualitatif. Justeru itu, analisis ini bersesuaian dengan kajian yang melibatkan pengalaman, pendapat dan makna yang diberikan oleh seseorang individu terhadap sesuatu kejadian yang berlaku (Clarke & Braun, 2013). Walaubagaimanapun, analisis tematik oleh Clarke & Braun ini mempunyai enam langkah yang terdiri daripada menganalisis data, menjana kod awal, mencari tema, menyemak tema, menentukan dan menamakan serta langkah yang terakhir adalah penghasilan laporan. Hal ini jelaslah bahawa, analisis ini sesuai untuk menjalankan kajian untuk memahami data kualitatif yang dihasilkan seperti analisis naratif, pengalaman individu atau pandangan masyarakat.

Melalui kajian yang dijalankan oleh pengkaji ini, analisis tematik ini bersesuaian dengan kajian yang dijalankan. Hal ini kerana, kajian ini menggunakan kaedah kajian kualitatif untuk mengumpulkan kesemua maklumat dan data. Dalam pada masa yang sama, analisis tematik membolehkan pengkaji mengenal pasti makna tersembunyi dan corak yang berulang dalam teks sekali gus, dapat memudahkan pembentukan tema berdasarkan aspek kepengarangan dalam cerpen. Tambahan pula, ia juga memberi kebebasan kepada pengkaji untuk menyesuaikan analisis dengan konteks budaya dan subjektiviti penulis. Oleh itu,

analisis tematik ini terdiri daripada 6 proses yang perlu dijalankan, antaranya adalah:

- a. **Transkripsi** - Proses ini pengkaji perlu menjalankan temu bual bersama penulis, maka proses transkripsi ini akan dijalankan terlebih dahulu secara manual. Oleh itu, proses ini dapat membantu pengkaji untuk memahami kandungan temu bual serta mengenal pasti aspek-apsek penting dalam perbualan tersebut.
- b. **Pengekodan** - merupakan proses penting yang melibatkan terhadap maklumat dan data yang signifikan dalam data temu bual serta teks kumpulan cerpen yang dikaji. Proses ini membantu pengkaji mengatur data secara sistematik dan mengenal pasti corak pemikiran serta nilai yang ingin disampaikan oleh penulis. Pengekodan bukan sahaja berfungsi untuk mengorganisasi maklumat, malah menjadi asas penting dalam pembentukan tema yang dapat menjawab objektif kajian dengan lebih jelas dan bermakna.
- c. **Tema** - Tema merujuk kepada idea utama atau makna yang berulang yang dikenal pasti daripada proses pengkodan data. Tema merupakan hasil analisis yang mewakili corak tertentu dalam data dan berkait rapat dengan persoalan serta objektif kajian.
- d. **Menyusun Tema** - Proses menyusun dan mengelompokkan tema-tema yang telah dikenal pasti secara sistematik supaya ia dapat menyampaikan dapatan kajian secara jelas, logik dan tersusun. Proses ini dilakukan selepas semua kod awal dianalisis dan tema utama dibentuk.

- e. **Membuat Laporan** - Proses membuat laporan dalam analisis tematik merupakan fasa terakhir yang sangat penting kerana ia melibatkan penyusunan semua dapatan kajian secara sistematik dan akademik untuk disampaikan dalam bentuk penulisan. Dalam fasa ini, pengkaji menghuraikan setiap tema yang telah dikenal pasti, disusun, dan ditakrifkan berdasarkan data yang telah dianalisis.
- f. **Triangulasi** - Triangulasi merupakan satu proses penting dalam penyelidikan kualitatif yang bertujuan untuk memastikan ketepatan dapatan kajian. Dalam konteks kajian ini, triangulasi dilakukan dengan menggabungkan beberapa sumber data seperti temu bual, analisis dokumen dan rujukan kepustakaan bagi menyokong hasil dapatan yang diperolehi.

3.4 Penerapan Teori

3.4.1 Pengenalan

Menurut Kerlinger (1973), teori adalah suatu himpunan konsep, definisi dan saranan yang berkaitan antara satu sama lain. Teori kesusasteraan membawa maksud prinsip asas yang menjadi dasar kepada pengetahuan dan perkembangan sesuatu kejadian (ciptaan seni) melalui penggunaan bahasa untuk mengutarakan sesuatu yang berguna kepada masyarakat. Penerapan teori merujuk kepada proses menggunakan sesuatu teori sebagai kerangka atau asas dalam memahami, menganalisis dan mentafsir sesuatu isu, teks atau fenomena yang dikaji. Dalam konteks penyelidikan, teori digunakan bagi memberi arah dan panduan terhadap cara penyelidik melihat data atau bahan kajian. Penerapan ini membantu dalam menjelaskan sesuatu dapatan secara lebih sistematik serta menghubungkannya dengan konsep-konsep atau prinsip-prinsip yang telah diperkenalkan oleh tokoh atau aliran pemikiran tertentu. Perkataan teori berasal daripada perkataan Yunani

yang membawa maksud sebagai berfikir secara dalam. Teori adalah sudut yang berbentuk terhad sebagai andaian tentang hubungan antara konsep (Rudner, 1966). Walaubagaimanapun, teori ini berasal dari seorang tokoh.


Sejurus itu, penggunaan teori yang tepat dalam sesuatu kajian mampu menghasilkan penerangan kajian yang jelas dan benar. Bukan itu sahaja, teori ini merupakan asas yang paling penting kepada pembentukan sesuatu cabang ilmu pengetahuan. Menurut Kerlinger (Ahmad Mahdzan, 1983: 11) yang dikatakan teori ini mampu menerangkan tentang aspek kepengarangan yang mencerminkan aspek keperibadian penulis.

3.4.2 Teori Teksdealisme

Teori Teksdealisme merupakan teori yang sangat bersesuaian untuk mengkaji aspek kepengarangan penulis dalam Kumpulan Cerpen *Cahaya Dari Perabung* dan teori ini juga telah banyak membantu pengkaji dalam menjayakan untuk mencapai objektif kajian ini. Teori Teksdealisme ini diasaskan oleh Mana Sikana atau nama sebenar beliau adalah Abdul Rahman Napiah yang merupakan Sasterawan Negara yang sangat terkenal.

Seterusnya, Teori Teksdealisme didasarkan pada setiap pengarang dan mempunyai hasrat untuk meletakkan teks pada suatu tahap yang unggul. Menurut Abdul Halim (2013), beliau telah menyatakan bahawa Teori Teksdealisme dipercayai bahawa penulis atau pengarang mempunyai keunikan kepengarangan yang akan mendorong seseorang pengarang berusaha untuk meningkatkan diri dengan menghasilkan karya-karya yang bermutu tinggi. Walaubagaimanapun,

untuk mencapai suatu teks yang unggul penulis perlu ada nilai keberanian dalam diri dan kebijaksanaan. Hal ini kerana, penulis perlu berani untuk mengemukakan idea dan sesuatu pemikiran yang baharu dan sentiasa bersedia melakukan inovasi yang baharu. Oleh itu, tanpa sifat keberanian dan kebijaksanaan dalam diri penulis maka, tidak tercapailah teks yang unggul. Teori teksdealisme atau teori keunggulan mendefinisikan teks sebagai susunan idea dan pengalaman yang mengandung makna berlapis-lapis dengan mempunyai sifat-sifat keunggulannya. Keunggulan bererti teks mempunyai nilai dan mutu yang tinggi. Setiap teks juga mempunyai sifat-sifat keunggulannya yang tersendiri. Teksdealisme ialah rangkuman daripada dua kosa kata 'teks' dan 'idealisme' menjadi 'teksdealisme'. Dalam teori ini, terdapat empat prinsip antaranya adalah prinsip kehadiran, prinsip pelanggaran, prinsip pengukuhan dan yang terakhir adalah individualisme.



Rajah 3.3: Teori Teksdealisme

3.4.3 Prinsip-Prinsip Teori Teksdealisme

Dalam teori ini Mana Sikana telah mewujudkan 4 prinsip namun, dalam kajian ini, pengkaji hanya menggunakan tiga prinsip sahaja antaranya adalah prinsip kehadiran, prinsip pengukuhan dan prinsip individualisme. Walaubagaimanapun, pengkaji akan menerangkan tentang kesemua prinsip yang terkandung di dalam Teori Teksdealisme.

3.4.3.1 Prinsip Kehadiran

Prinsip kehadiran merupakan prinsip yang memainkan peranan yang sangat penting dalam teori ini. Hal ini kerana, prinsip ini bukan sahaja sebagai garis panduan malah ia juga berperanan sebagai penyediaan penulis untuk mencapai teks yang unggul. Kehadiran memperlihatkan bagaimana pengarang memilih dan mengangkat bahan-bahan-daripadaidea dan pengalaman. Sebuah karya yang kukuh dan berestetik ialah yang datangnya daripada pengalaman yang mengandung makna yang kuat dan kukuh. Seterusnya, makna yang kuat bererti karya yang memiliki dasar pemaknaan dan signifikasi yang bermanfaat untuk khalayak. Dengan itu sesebuah teks mempunyai hubungan dengan perasaan, pemikiran dan intelektualisasi khalayak. Sastera yang kuat ialah yang membina makna teks yang disampaikan secara tersurat dan tersirat.

Terdapat dua perkara yang perlu ada dalam konteks pemilihan, pencernaan adalah keberanian dan kebijaksanaan. Walaubagaimanapun, penstrukturan naratifnya juga tidak terkecuali daripada kontekstualitinya iaitu hubungan, peranan dan fungsionalisasi teks kepada para pembaca.

Dalam teori ini, pengarang akan ditekankan tentang kebijaksanaan dalam

memilih, mengarap serta mengerjakan teks-teksnya supaya menjadi sebuah hasil teks yang unggul dan bermutu. Prinsip kehadiran ini terdapat dua bahagian yang terdapat dalam diri pengarang dan teks. Bahagian pertama, kehadiran adalah proses yang bersifat berterusan dan proses ini akan bermula dari pembentukan idea atau sebelum penulisan teks dan ketika proses penulisan iaitu sehingga teks itu selesai ditulis. Oleh itu, kehadiran dalam diri pengarang itu dapat dilihat melalui lintasan-lintasan idea dalam pemikirannya. Jelaslah bahawa, dari idea tersebut akan bermulalah pembentukan cerita untuk menuju ke penulisan teks. Kedua, kehadiran pengalaman yang berlaku secara sengaja dan juga tidak sengaja. Kehadiran yang berlaku secara tidak sengaja apabila pembentukan idea atau sebelum proses penulisan bermula dan kehadiran sengaja berlaku berlaku hanya setelah pembentukan idea dalam pemikiran pengarang

Menurut Mana Sikana (2005), beliau menyatakan bahawa dengan sifat memperbaharui dan memantapkan merupakan sesuatu usaha melahirkan teks yang moden dan sebagainya. Dalam mengaplikasikan prinsip kehadiran ini pengalaman ke dalam teks, terdapat beberapa proses yang harus dilakukann oleh pengarang, antaranya adalah proses pemilihan sebagai contoh semasa Usman Awang ingin menulis *Matinya Seorang Pahlawan* beliau telah menjalankan pemilihan keatas pengalaman yang beliau sendiri alami. Oleh itu, pengarang teklah memilih watak, peristiwa, latar gaya bahasa dan sebagainya serta bersesuaian dengan idea untuk pembinaan konsep wiranya. Dalam drama tersebut, pengarang lebih banyak menggunakan gaya bahasa yang sinis terehadak kepahlawanan Hang Tuah.

3.4.3.2 Prinsip Pelanggaran

Prinsip pelanggaran yang terkandung di dalam Teori Teksdealisme ini berperanan sebagai memperlihatkan nilai perimbangan sama ada mengekalkan dan mengubah sesuatu dalam usaha bagi mencapai tahap keunggulan bagi sesuatu teks. Menurut Mana Sikana (2006), beliau menyatakan bahawa prinsip ini merupakan sesuatu unsur yang berani kerana berani menghasilkan teks yang baharu untuk mengangkat sesuatu teks untuk menjadi lebih unggul. Oleh itu teori ini meletakkan prinsip pelanggaran sebagai suatu kaedah yang menganalisis sesuatu teks untuk menonjolkan keunggulannya. Tujuan utama prinsip pelanggaran untuk memberi kesedaran kepada pengarang dalam menciptakan karya-karya yang unggul dan dapat lihat taraf keunggulannya.

Seterusnya, prinsip pelanggaran ini mempunyai beberapa kaedah analisis, antaranya adalah:

1. Apakah aspek pengekalan dan perubahan yang dilakukan oleh pengarang?
2. Bagaimana prinsip pelanggaran itu dilakukan?
3. Apakah fungsi dan kesannya terhadap pembinaan teks tersebut?

Menurut Mana Sikana (2006), prinsip ini dapat dirujuk melalui analisis teks *Patriarch* oleh Shahnnon Ahmad. Hal ini kerana, dalam novel ini telah menonjolkan sifat-sifat pelanggaran lebih-lebih lagi dalam penghasilan novel baru. Hal ini jelas menunjukkan, sifat keberanian Shahnnon Ahmad sebagai seorang penulis yang sangat peka dengan alam

kontekstualnya. Teks ini juga telah disusuri daripada ikonisme dan petanda yang digunakan serta mempunyai unsur-unsur novel realisme magis.

3.4.3.3 Prinsip Pengukuhan

Prinsip pengukuhan ini membawa maksud suatu pematangan teks oleh, seorang pengarang demi menghasilkan teks yang terunggul. Pengukuhan ke atas teks ini dilakukan kerana adanya hasrat, harapan, keinginan dan cita-cita melahirkan karya yang unggul dan unik. Pendek kata karya tersebut semestinya jauh lebih baik dan berkesan daripada karya-karya yang telah dihasilkan sebelumnya, sama ada lebih baik daripada karya sendiri ataupun karya orang lain) Pengarang yang terlibat biasanya terdiri daripada orang-orang yang telah pernah menghasilkan sekurang-kurangnya sebuah karya.

Prinsip pengukuhan dalam Teori Teksdealisme merujuk kepada proses kematangan seorang pengarang dalam usaha menghasilkan karya yang lebih unggul, mantap, dan berkesan. Pengarang yang terlibat dalam proses ini lazimnya telah menghasilkan sekurang-kurangnya sebuah karya terdahulu, namun menyedari bahawa karya tersebut masih kurang menyerlah apabila dibandingkan sama ada dengan karya sendiri atau karya pengarang lain. Oleh itu, dorongan seperti cita-cita, hasrat, dan keinginan untuk melahirkan sebuah karya yang berkualiti dan unik menjadi pemacu utama dalam memperkukuh teks mereka. Seorang pengarang yang bercitacita tinggi dan berfikiran kritis tidak mudah berputus asa apabila

berhadapan dengan kegagalan awal, sebaliknya terus berkarya dan bertahan dalam dunia penulisan untuk jangka masa panjang. Proses ini menunjukkan wujudnya perkembangan pemikiran dan peningkatan estetika dalam hasil tulisan mereka. Menurut Abdul Halim Ali (2013), beliau menyatakan bahawa pengukuhan berlaku apabila seseorang penulis berusaha meningkatkan mutu teks melalui kesedaran sendiri terhadap kelemahan lalu serta keinginan untuk melangkaui batas pencapaian sebelumnya. Setelah beberapa lama, mereka dapati karya yang ditulis itu kurang menarik dan kurang mantap. Lebih-lebih lagi jika mereka membandingkan karya tersebut dengan karya pengarang-pengarang lain. Sebagai seorang pengarang yang bijak dan bercita-cita tinggi, beliau tidak mudah berputus asa jika gagal di awal percubaan beliau malah akan terus dan mampu bertahan untuk satu jangka masa panjang.

Pengarang merupakan seorang manusia yang penuh dengan aksi dan tindakan yang cukup prihatin dan *conscience* terhadap masa lampau dan pada masa akan datang. Hal ini telah menyebabkan, kesedaran batik kepengarangan ini menjadikannya selalu bersikap adil dan sensitif dan akan melakukan pengukuhan setiap kali ingin berkarya. Dalam konteks pengukuhan ini, karya yang akan dihasilkan akan menjadi lebih baik daripada teks yang ditulis sebelumnya malah ia lebih berkualiti dari segi kualitinya.

3.4.3.4 Prinsip Individualisme

Usaha untuk menghasilkan teks-teks yang idealistik atau unggul adalah iltizam utama teksdealisme, seiring dengan itu melahirkan manusia

pengarang yang idealistik dan khalayak yang sempurna, merupakan suatu proses yang terus menerus. Justeru itu, setiap pengarang dalam sepanjang zaman, mempunyai cita-cita dan berhasrat menghasilkan karya-karya yang luar biasa. Walaubagaimanapun, tidak semua akan mencapai apa yang dicita-citakan. Terdapat ramai para penulis yang terjebak ke dalam apa yang diistilahkan hanya menghasilkan teks-teks yang bersifat ideogramatik yang melangsungkan wacana apa yang pernah dihasilkan orang tanpa adanya unsur-unsur pembaharuan dalam penciptaan.


Seterusnya, ada juga karya-karya yang melakukan pembaharuan, seperti apa yang disebut oleh Brecht sebagai teks *apparatus* atau *Foucault* sebagai *dispositive*, tetapi sayangnya, yang terbayang hanyalah kontiguiti yang cuba mempertahankan kuasa bosi hegemoni teks. Teks-teks ideogramatik yang bergerak dalam formula yang stereotaip itu, tidak berjaya mengemukakan sesuatu yang memukau atau menggoda, sebaliknya meneruskan jejak-jejak kehampaan. Lantas meletakkan karya sastera itu, terasing dengan masalah penting masyarakat, lalu khalayaknya pun merasa dirinya sengaja dipinggirkan oleh teks-teks yang, sifatnya *aporia* dan *utopia* itu.

Prinsip individualisme ini mempunyai empat kriteria yang juga merupakan perkara yang utama dalam Teori Teksdealisme antaranya adalah stail individu, rekacipta individu, kendirian individu dan tindakan individu. Oleh itu, kesemua kriteria ini mempunyai peranan yang berbeza dalam prinsip ini. Gaya bahasa telah menjadi trade-mark kepada sasterawan (Shahnon Ahmad, 1994). Oleh itu, stail individu banyak merujuk kepada aspek bahasa yang digunakan oleh penulis sehingga ia

menjadi bahasa yang digunakan oleh mereka. Kelemahan yang ada pada pengarang adalah penggunaan bahasa itu sendiri jadi mereka perlu berusaha untuk mempertajamkan lagi daya kreativiti dan mempelajari dari seseorang yang mahir dalam bidang penulisan serta mereka perlu berani dalam mengolah gaya baru.

Seterunya, kriteria kedua adalah rekapipta individual. Stail individu berfokuskan kepada gaya bahasa yang digunakan oleh pengarang, malah rekapipta individu pula berfokuskan kepada teknik, metode dan mekanisme penciptaan. Hal ini jelas menyatakan bahawa, cara atau kaedah dalam penyusunan teks dapat menggambarkan peribadi seseorang penulis. Ketiga adalah kendirian individu yang akan berfokuskan kepada watak pengarang. Menurut Mana Sikana (2002), identiti penulis dapat dikenal pasti melalui kendirian individu yang membentuk wataknya. Setiap pengarang memiliki ciri dan cara tersendiri dalam pembinaan watak. Sebagai contoh dalam karya-karya Isa Kamari, beliau tidak menggunakan sudut pandangan orang pertama untuk menggambarkan pengalaman peribadi yang pernah dilaluinya. Sebaliknya, beliau lebih gemar memilih sudut pandangan orang ketiga sebagai medium penyampaian. Pengalaman semasa berbulan madu di India dan Kashmir, serta ketika menunaikan ibadah haji di Mekah, tidak disampaikan secara langsung, sebaliknya dirakamkan melalui watak Iryadi dalam novel *Kiswah*, yang menjadi perantara kepada refleksi pengalaman peribadinya. Kriteria yang terakhir pula adalah tindakan individu yang mengutamakan cara seseorang pengarang itu melakukan tindakan-tindalah dalam penulisan.

3.4.4 Kerangka Konseptual



3.5 Kesimpulan

Secara keseluruhannya, metodologi kajian ini merupakan kaedah kajian yang sangat penting untuk menjalankan kajian ini. Oleh itu, aspek-aspek yang terkandung di dalam kajian ini menjadi asas utama dalam kajian yang dijalankan. Walaubagaimanapun, ini merangkumi pelbagai pendekatan yang sistematik untuk mendapatkan dan menganalisis data berkaitan aspek kepengarangan Mukhtar Mustafa dalam *Kumpulan Cerpen Cahaya Dari Perabung*. Melalui reka bentuk kajian kualitatif, pengkaji menggunakan pelbagai kaedah seperti kaedah kepustakaan, temu bual, analisis dokumen, dan carian internet bagi mengumpul data yang relevan dan mendalam. Kaedah-kaedah ini telah membantu pengkaji meneliti kandungan cerpen dengan lebih teliti serta menyokong objektif kajian dari pelbagai sumber yang sahih dan berwibawa.


Akhir sekali, penerapan Teori Teksdealisme sebagai kerangka analisis membolehkan pengkaji menilai teks sastera dengan memberi penekanan terhadap aspek kehadiran, pengukuhan dan individualisme dalam setiap karya. Teori ini memberikan ruang kepada pengkaji untuk memahami keunikan dan keunggulan gaya penulisan Mukhtar Mustafa yang terserlah dalam cerpen-cerpen terpilih. Maka, metodologi kajian ini bukan sahaja menyusun langkah-langkah penyelidikan secara sistematik, malah memberikan asas yang kukuh dalam mencapai dapatan yang bermakna dan objektif yang ditetapkan.

BAB 4

ANALISIS DAN DAPATAN KAJIAN

4.1 Pengenalan

Dalam bab ini, pengkaji akan membincangkan analisis dan dapatan kajian secara terperinci. Oleh itu, dalam kajian ini pengkaji akan menggunakan Kumpulan Cerpen *Cahaya Dari Perabung* karya Mukhtar Mustafa melalui objektif kajian yang terbahagi kepada tiga antaranya adalah menganalisis pemikiran Mukhtar Mustafa dalam karya Kumpulan Cerpen *Cahaya Dari Perabung* berdasarkan Teori Teksdealisme melalui Prinsip Pengukuhan iaitu dengan mengeluarkan 10 tema dalam Kumpulan Cerpen *Cahaya Dari Perabung*. Objektif kedua pula, mengenalpasti pengarang menyampaikan idea kepada khalayak pembaca berdasarkan Teori Teksdealisme melalui prinsip kehadiran dengan mengeluarkan latar tempat, latar masa dan latar masyarakat yang terkandung dalam Kumpulan Cerpen *Cahaya Dari Perabung* karya Mukhtar Mustafa. Seterusnya, objektif terakhir iaitu menganalisis idea pengarang dalam menyampaikan mesej kepada khalayak pembaca berdasarkan Teori Teksdealisme melalui prinsip individualisme. Objektif terakhir ini, pengkaji akan menjalankan sesi temubual bersama pengarang yang menghasilkan Kumpulan Cerpen *Cahaya Dari Perabung* iaitu Mukhtar Mustafa. Oleh itu, pengkaji akan mengeluarkan beberapa soalan dari sepuluh cerpen yang dipilih oleh pengkaji antaranya adalah pengalaman pengarang ketika menulis Kumpulan Cerpen *Cahaya Dari Perabung*. Bukan itu sahaja, pengkaji juga perlu membincangkan kriteria yang terkandung di dalam prinsip individualisme antaranya adalah:



Jadual 4.1 Kriteria Prinsip Individualisme

Pengkaji perlu mengeluarkan soalan-soalan yang saling berkait dengan kriteria-kriteria yang terdapat dalam prinsip individualisme.

4.2 Pemikiran Mukhtar Mustafa dalam Kumpulan Cerpen *Cahaya Dari*

Perabung

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2005), karya merupakan hasil ciptaan atau buatan yang berkait rapat dengan gubahan, kesenian dan penulisan. Dalam pada masa yang sama, ia juga berfungsi sebagai kata nama yang sinonim dengan ciptaan seperti gubahan, karangan, rekaan, reka cipta dan sebagainya. Pemikiran merupakan idea cendekiawan yang dikeluarkan melalui penggunaan akal dalam memikirkan sesuatu jalan penyelesaian bagi sesuatu permasalahan yang berlaku terhadap diri dan masyarakat yang berbentuk sifat tanggapan dan tertib yang telah menjadi pegangan (Ezzah' Afifah dan Che Ibrahim, 2015). Hal ini jelaslah bahawa, setiap karya memerlukan seseorang yang mempunyai pemikiran yang tersendiri kerana setiap penghasilan karya adalah hasil daripada proses renungan, pengalaman dan tafsiran peribadi pengarang terhadap pengalaman yang dilalui oleh pengarang. Bukan itu sahaja, tanpa pemikiran dalam penghasilan sesuatu karya akan kehilangan keaslian dan identiti pengarangnya. Pemikiran juga adalah perkara dan kegiatan yang bertujuan untuk mencorak sistem tanggapan yang akan menjadi asas atau rangka cara masyarakat berfikir (Zainal Kling, 1989). Menurut Mukhtar Mustafa, temubual, (2025), beliau lebih cenderung menghasilkan pengakhiran sesebuah penceritaan dalam karya dengan kesedihan ataupun suspen hal ini kerana, ingin sebahagian besar untuk pembaca menilai misalnya dalam cerpen dan *Banjir Air Mata* (Rujuk Transkrip 3 di Bahagian Lampiran). Sejurus itu, melalui Teori Teksdealisme berdasarkan prinsip pengukuhan pengkaji akan mengukur pemikiran Mukhtar Mustafa melalui 10 cerpen yang dipilih oleh pengkaji serta mengeluarkan tema-tema yang berbeza bagi setiap tajuk.

4.2.1 Tema Satira

Satira adalah pendekatan yang diaplikasikan dalam medium penulisan karya dengan tujuan untuk mengkritik, mencela, mengejek dan menyindir bagi seseorang individu yang telah melakukan perkara tidak sepatutnya sehingga menunjukkan kelemahan diri serta memalukan diri sendiri. (Nurshazeera & Che Abdullah, 2017). Bukan itu sahaja, Satira juga sering disebut sebagai “kiasan” ataupun pertuturan secara tidak langsung yang ingin ditujukan kepada satu pihak yang tertentu dan pengarang juga sering menggunakan pendekatan satira ini sebagai alat untuk memberi iktibar kepada pembaca dan masyarakat supaya tidak melakukan kesalahan yang berulang. Pemikiran dan ideologi merupakan aspek yang paling utama bagi seseorang pengarang dalam mengkritik perkara negatif yang dilakukan oleh masyarakat lebih-lebih lagi mengenai politik, sosial dan ekonomi yang sejajar dengan isu semasa (Fatimah Busu, 1992). Oleh itu, Kumpulan Cerpen *Cahaya Dari Perabung* karya Mukhtar Mustafa terdapat satu cerpen yang membawa tema satira iaitu cerpen yang berjudul *Buldozer*.

Cerpen yang berjudul *Buldozer* ini mengisahkan tentang buldozer sebagai watak utama dalam cerpen ini yang kehidupannya sebelum ini hanya disimpan di dalam stor lama dan akan dibaiki sekiranya hendak digunakan bagi tujuan penggunaan projek pembinaan jalan raya. Selepas Buldozer selesai digunakan ia akan disimpan semula dalam stor dan tidak tau lagi apa akan jadi terhadap kehidupannya kelak. Oleh itu, ini bukanlah pertama kali ia merasai pengalaman ini malah ia pernah ditemani

Walaupun bagaimanapun, cerpen *Buldozer* ini Mukhtar Mustafa telah menyelitkan sedikit sindiran sinisnya, melalui petikan ini:

“Yang pastinya, harga hartanah akan melambung tinggi. Ramai pula orang kampung akan menjual tanah mereka dan tentunya orang kota akan merebut peluang untuk membelinya dan akan membina pusat-pusat pelancongan yang mewah. Akan bercambahlah nanti ladang durian Musang King di merata tempat.”

(*Buldozer*: 15, Mukhtar Mustafa: hlmn. 15).

Berdasarkan petikan di atas, pengkaji telah mendapati bahawa Mukhtar Mustafa telah memberi sedikit sindiran berbentuk sinis iaitu penduduk kampung tidak akan berfikir panjang untuk menjual tanah mereka kepada pelabur untuk membina pusat-pusat pelancongan yang mewah hal ini kerana, kadar harga hartanah akan meningkat. Jelaslah bahawa, sindiran yang diselitkan oleh pengarang adalah untuk memberi peringatan kepada masyarakat atau pembaca agar sentiasa berfikir panjang dalam melakukan sesuatu keputusan. Dalam pada masa yang sama, pengarang juga ingin mengingatkan bahawa sebagai masyarakat perlulah sentiasa menghargai warisan masyarakat asal.

Berdasarkan Teori Teksdealisme melalui prinsip pengukuhan, pengkaji telah mengukur pemikiran Mukhtar Mustafa melalui tema cerpen. Menurut Hashim Awang (1985), beliau menyatakan bahawa sastera adalah medium untuk menyampaikan sikap, pemikiran dan pendapat terhadap masyarakat dan kehidupan. Tema satira merupakan tema yang menunjukkan pengarang merupakan seseorang yang memelihara tanah warisan masyarakat kampung dan pengarang juga bimbang bahawa penduduk kampung akan kehilangan tanah mereka akibat dari tidak berfikir panjang dalam membuat sesuatu keputusan. Seterusnya, pengarang juga telah memaparkan kebimbangan bahawa penduduk kampung akan kehilangan tanah mereka dan ini telah mencerminkan kesedaran

pengarang tentang pentingnya tanah sebagai warisan generasi. Hal ini jelas menunjukkan bahawa, Muktar Mustafa berfikiran jauh dan prihatin terhadap masa depan masyarakat luar bandar.

4.2.2 Tema Perpisahan dan Harapan

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2005), perpisahan merujuk kepada peristiwa berpisah sama ada secara fizikal emosi iaitu putus hubungan atau situasi ia juga saling berkait dengan kesedihan, kerinduan dan perubahan dalam hubungan. Harapan adalah perasaan atau keyakinan terhadap sesuatu yang diinginkan akan berlaku pada masa akan datang. Hal ini juga berkait rapat dengan semangat, kepercayaan dan impian positif walaupun dalam keadaan yang sukar. Tema perpisahan dan harapan ini terdapat dalam Kumpulan Cerpen *Cahaya Dari Perabung* yang bertajuk *Ara*.

“Cerpen *Ara* ini, ketika bedah karya saya terlintas untuk buat *Ara 2*. Suatu hari, *Ara* ini dah balik kampung dan dah berkahwin dengan suaminya dan menjadi petani di pasar pagi dan dia nampak Munir, jadi dia balik tak tidur dalam ingatan tu tiba-tiba suami dia bawa van dan bawa balik Munir, rupa-rupanya Munir ni nak cari pekerja untuk bawa ke Malaysia.”

(Sumber: Temubual, Mukhtar Mustafa, 2025)

Dalam lempiran temubual perkara 2, petikan ini jelas menunjukkan bahawa cerpen *Ara* bukan sekadar sebuah naratif yang terhenti pada satu pengakhiran, sebaliknya memiliki potensi kesinambungan cerita yang berupaya memperluas dunia penceritaannya. Hasrat pengarang untuk menghasilkan *Ara 2* membuktikan bahawa cerpen ini mendapat perhatian yang signifikan, bukan sahaja dalam kalangan pembaca, malah dalam pemikiran pengarang sendiri untuk

dikembangkan sebagai naratif lanjutan. Perancangan ini memperlihatkan bahawa jalan cerita *Ara* mempunyai kekuatan plot dan daya tarikan emosi yang tinggi sehingga wujud keperluan untuk meneruskan kisah kehidupan watak utama selepas perpisahan yang dialaminya.

Kesinambungan yang dirancang oleh pengarang turut menampilkan perubahan status kehidupan *Ara* sebagai seorang wanita yang telah kembali ke kampung, berkahwin dan menjalani kehidupan sebagai petani. Perubahan ini mencerminkan transformasi watak yang bersifat realistik serta dekat dengan realiti sosial masyarakat. Pertemuan semula antara *Ara* dan *Munir* pula menghidupkan kembali konflik emosi dan kenangan silam, sekali gus mewujudkan ketegangan naratif yang mampu mengekalkan minat pembaca. Hal ini membuktikan bahawa cerpen *Ara* memiliki kekuatan penceritaan yang bukan sahaja menarik perhatian khalayak, malah berpotensi dikembangkan sebagai siri naratif yang berterusan, sekali gus mengukuhkan kedudukan cerpen ini sebagai karya yang bermakna dan relevan.

Cerpen yang bertajuk *Ara* ini mengisahkan seorang pembantu rumah yang diberi nama *Ara*. Beliau telah berkhidmat selama dua tahun dan kini beliau perlu pulang ke Bukit Tinggi, Sumatera Barat kerana tempoh kontrak pekerjaannya sudah tamat di rumah Datuk Talha dan Datin Maisarah. Mukhtar Mustafa telah menyatakan bahawa, watak *Ara* sedih dengan perpisahan ini lebih-lebih lagi hatinya sudah bertahta di hati *Munir* secara senyap yang merupakan anak sulung kepada Datuk Talha dan Datin Maisarah. Walaubagaimanapun, pemergiannya ke lapangan terbang dihantar oleh *Munir* dan setelah berada dalam penerbangan barulah *Ara* menyedari bahawa *Munir* turut menemaninya bersama.

Berdasarkan petikan di bawah, pengkaji mendapati bahawa terdapat tema perpisahan yang dipaparkan melalui watak Ara, iaitu:

“Banyak kenangan yang akan ditinggalkan di sini. Banyak kenangan yang akan diingati. Banyak kenangan yang akan dibawa balik ke Bukit Tinggi, Sumatera Barat. Dia bukan sahaja mengingati Datuk Talha dan Datin Maisarah, tetapi dia akan teringatkan Sofea – anak bongsu datuk dan datin.”

(Ara: 18, Mukhtar Mustafa: Hlmn. 18)

Petikan di atas telah jelas menunjukkan bahawa dalam watak Ara beliau sukar untuk meninggalkan tempat kerjanya kerana layanan majikan yang baik terhadapnya. Dalam pada masa yang sama, ia dapat menggambarkan bahawa watak Ara yang bukan sahaja meninggalkan tempat kerjanya malah, beliau juga telah meninggalkan kehidupan yang telah menjadi sebahagian daripada dirinya. Hal ini telah jelas menyatakan bahawa, keluarga majikannya memberi layanan yang baik terhadap Ara walaupun hanya berkerja sebagai pembantu rumah.

Seterusnya, dapatan kajian ini dikaitkan dengan Teori Teksdealisme melalui prinsip pengukuhan. Oleh itu, petikan tersebut mempunyai tema perpisahan melalui frasa “akan ditinggalkan” dan “akan diingati” telah membuktikan rasa kehilangan selepas berpisah dengan keluarga majikannya yang akan dirasai selepas pulang ke tanah airnya. Dalam pada masa yang sama, cerpen Ara ini jelas terpapar terdapat tema perpisahan iaitu peralihan dari satu situasi kepada situasi baharu yang turut diikuti dengan emosi sedih ataupun rindu.

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2005), harapan merupakan keyakinan serta keinginan terhadap sesuatu perkara yang telah lama diidamkan untuk menjadi kenyataan pada masa akan datang dan harapan juga dikaitkan

dengan perkara positif seperti impian dan cita-cita seseorang. Petikan seterusnya yang terdapat dalam cerpen *Ara* yang membawa kepada tema harapan adalah:

“Kita akan memulakan penerbangan sekejap lagi. Sila pakai tali pinggang keledar. Tegakkan tempat duduk.” Pengumuman daripada pramugari”

“Kerusinyaa seperti sedang ditegakkan. Ara terkejut matanya terbeliak.”

“Munir?”

“Betulkah Munir? Sejuta pertanyaan tiba-tiba datang. Munir mengangguk.”

(Ara: 24, Mukhtar Mutafa: Hlmn. 24)

Berdasarkan petikan diatas, watak Ara telah memaparkan emosi keliru, tidak percaya, teruja dan lega. Hal ini kerana, beliau tidak sangkan Munir akan turut menemani kerana dalam pada masa yang sama, Ara juga berharap agar Munir dapat menemaninya ke kampung halamannya di Sumatera Barat. Hal ini kerana, Munir yang merupakan anak sulung kepada Datuk Talha dan Datin Maisarah juga memberi layanan yang baik terhadap Ara antaranya Munir sering menolong Ara ke *money changer* untuk menguruskan penghantaran wang kepada keluarganya di Indonesia dan banyak lagi budi yang telah dilakukan oleh Munir terhadap Ara.

Tema harapan ini juga, telah menggunakan Teori Teksdealisme melalui prinsip pengukuhan dalam mengukuhkan pemikiran Mukhtar Mustafa. Tema yang terdapat dalam cerpen *Ara* telah jelas memaparkan Mukhtar Mustafa amat sensitif dengan perkara yang mempunyai kaitan dengan emosi. Dalam pada masa yang sama, Ara masih lagi berharap agar bekerja di rumah majikannya.

4.2.3 Tema Pengorbanan

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2005), Pengorbanan adalah perkara atau perbuatan yang memerlukan pengorbanan dari seseorang misalnya, tenaga, masa, harta, kepentingan diri dan banyak lagi dengan bertujuan atau kepentingan lain yang lebih besar. Oleh itu, pengorbanan bukan lah perkara remeh hal ini, melibatkan kesanggupan seseorang dalam melakukan sesuatu perkara. Dalam *Kumpulan Cerpen Cahaya Dari Perabung* yang berjudul *Banjir Air Mata* mempunyai tema pengorbanan yang terdapat pada watak Mat Seman yang menyelamatkan lembu peliharaannya agar tidak hanyut disebabkan banjir. Beliau juga mengambil langkah awal kerana tidak mahu peristiwa banjir pada tahun 2014 tidak berulang lagi kerana 30 ekor lembunya hilang kerana hanyut dan beliau telah mengalami kerugian besar yang berjumlah hampir sebanyak 100,000 ringgit. Pada kali ini, Mat Seman rela merisikokan diri beliau supaya lembu peliharaannya sebanyak 19 ekor tidak akan hanyut.

Berdasarkan petikan di bawah, pengkaji telah mendapati terdapat tema pengorbanan yang jelas terdapat melalui watak Mat Seman, iaitu:

“Waktu isyak telah lama berlalu. Ketika sampai di halaman rumah, air telah mencecah punggung. Enam ekor lembu hampir tenggelam. Mat Seman cepat-cepat mencapai tali. Lembu diheret keluar dari kandang.”

(*Banjir Air Mata*: 8, Mukhtar Mustafa: Hlmn.8)

Melalui petikan tersebut, Mukhtar Mustafa telah menyatakan watak Mat Seman yang sanggup berkorban untuk menyelamatkan lembu-lembu peliharaannya. Oleh itu, beliau tidak membuang masa dengan berfikir dalam

jangka masa yang panjang sewaktu kadar paras banjir sudah mencecah punggung. Beliau terus membawa kesemua lembunya keluar dari ladang.

Petikan di bawah ini juga, Mukhtar Mustafa telah memaparkan lagi pengorbanan yang dilakukan oleh Mat Seman ini telah menyebabkan beliau berkemungkinan hanyut kerana banjir, iaitu:

“Pasukan petugas banjir sedang mencari ayah,” jawab anak-anaknya. Mek Timah terkaku dan kelu. Pusat pemindahan sementara sedang banjir dengan air mata.”

(*Banjir Air Mata*: 9, Mukhtar Mustafa, Hlmn.9)

Seterusnya, petikan di atas membuktikan bahawa pengorbanan yang dilakukan oleh Mat Seman amatlah besar sehingga sanggup merisikokan dirinya sendiri. Mek Timah, turut berusaha mencari suaminya namun, beliau tidak berani berbuat demikian kerana paras air yang semakin meningkat dan arus yang deras. Setelah sedar, Mek Timah mendapati dirinya berada di pusat pemindahan sementara. Beliau kemudian bertanya kepada anak-anaknya tentang keadaan suaminya, namun Mat Seman masih belum ditemui. Hal ini menyebabkan Mek Timah kaku dan tidak mampu berkata apa-apa. Keadaan di pusat pemindahan sementara yang dipenuhi dengan tangisan mangsa banjir turut menambahkan rasa takut dan bimbang dalam diri Mek Timah terhadap kehilangan suaminya.

Habibah Alias dan Rahil Mahyudin (1990), mentakrifkan pemikiran adalah satu proses manusia memanipulasikan perkara-perkara yang berkaitan dengan persekitaran. Oleh itu, pengkaji menggunakan Teori Teksdealisme melalui Prinsip Pengukuhan bagi menganalisis pemikiran yang digunakan oleh Mukhtar Mustafa dalam cerpen *Banjir Air Mata* yang mengukuhkan tema pengorbanan. Cerpen yang berjudul *Banjir Air Mata* ini telah jelas membuktikan

bahawa nilai kemanusiaan yang sangat tinggi melalui watak Mat Seman yang segera mengheret lembunya ketika paras air yang telah mencecah paras punggung dan beliau tidak memikirkan risiko pada dirinya kerana keselamatan lembunya lebih diutamakan. Sejurus itu, nilai pengorbanan yang jelas memaparkan lagi apabila beliau tidak dapat dijumpai oleh petugas banjir selepas Mek Timah sedar hal ini disebabkan oleh, beliau telah mengorbankan diri beliau untuk menyelamatkan lembunya dari di bawa arus deras dan Mat Senin juga tidak mau peristiwa gelap yang berlaku pada tahun 2014 berulang kembali. Pengkaji telah mendapati bahawa, pengarang telah menonjolkan sifat tanggungjawab terhadap makhluk lain iatu haiwan walaupun dalam keadaan yang sangat berisiko. Bukan itu sahaja, tindakan yang dilakukan oleh Mat Senin juga telah menunjukkan bahawa beliau iklas dan berani dalam melakukan pengorbanan ini. Jelaslah bahawa, pemikiran ini sejajar dengan prinsip pengukuhan yang terkandung di dalam Teori Teksdealisme ini bertujuan untuk menegaskan nilai-nilai positif yang terkandung di dalam watak Mat Senin dan memperkukuhkan keunggulan watak dalam menyampaikan tema pengorbanan kepada pembaca.

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

4.2.4 Tema Percintaan

Menurut Yusmilayati (2020), beliau telah menyatakan bahawa cinta dapat ditakrifkan pelbagai jenis definisi dan kefahaman. Oleh itu, persoalan yang berkaitan dengan cinta boleh melibatkan semua golongan tidak kira dari sejak lahir mahupun sehingga seseorang itu meninggal dunia. Dalam pada masa yang sama, cinta juga mempunyai kaitan yang sangat akrab dengan perasaan kasih sayang yang merangkumi beberapa aspek antaranya adalah emosi, fizikal, spiritual, intelektual dan sosial. Cinta juga dapat dimaksudkan sebagai keasyikan, tarikan, kerinduan, kemahuan dan keresahan yang hadir dalam diri seseorang individu iaitu perasaan keterikatan kepada seseorang atau sesuatu (Chen Nan Fei dan Mawar Safei, 2017). Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2005), percintaan sebagai perkataan yang berasal dari kata dasar cinta yang membawa maksud sebagai keadaan atau hubungan kasih sayang yang melibatkan antara dua individu.

Kumpulan Cerpen *Cahaya Dari Perabung* mempunyai tajuk cerpen yang bertemakan percintaan iaitu *Gadis Phatthalung*. Secara ringkasnya, cerpen tersebut mengisahkan tentang percintaan antara seorang lelaki yang bernama Halim dan wanita yang berasal dari wilayah Phattalung, Thailand. Walaubagaimanapun, percintaan mereka tidak kekal lama hal ini kerana, Perintah Kawalan Pergerakan akan dilaksanakan kerana berlakunya serangan pandemik COVID-19 di seluruh dunia. Sebelum pandemik ini berlaku, Munirah berkerja di kedai borong pakaian yang dimiliki oleh Halim yang bertempat di Gua Musang. Sejak Munirah berkerja, Halim mula jatuh hati pada Munirah dan berniat untuk menikahi Munirah, bukan itu sahaja keluarga Halim juga telah memberi layanan yang baik terhadap Munirah iaitu selepas sebulan Munirah telah ditawarkan oleh

ibu Halim untuk tinggal di rumahnya dan tidak perlu berkerja lagi bukan itu sahaja, Munirah juga akan diberikan gaji yang lebih tinggi dan Munirah bersetuju dengan tawaran tersebut. Walaubagaimanapun, kebahagiaan itu tidak kekal lama hal ini disebabkan oleh, berlakunya pandemik COVID-19 dan Munirah memohon untuk pulang ke kampung halaman beliau di Phatthalung, Thailand.

Seterusnya, Halim sekeluarga telah mendapatkan suntikan vaksin sebanyak dua dos dan mereka sekeluarga telah nekad untuk ke Thailand untuk menjejaki dan mengahwini Munirah. Setelah itu, wajah Halim berubah sekejap mata selepas dia mengetahui bahawa Munirah telah berkahwin dengan seorang pemuda yang membantu beliau untuk pergi ke kampung halaman Munirah. Halim sekeluarga terus melangkah meninggalkan stesen tersebut dan ini membuatkan pemuda itu bertambah hairan dan pelik.

Berdasarkan petikan di bawah, pengkaji berjaya membuktikan bahawa tema cerpen yang berjudul *Gadis Phatthalung* ini adalah tema percintaan yang terdapat dalam watak Halim, antaranya adalah:

“Dua tahun hasratnya berkecai. Dua tahun dia sabar menunggu saat pintu sempadan dibuka. Apabila pintu sempadan telah dibuka dia akan terus ke Thailand dan akan menuju ke Wilayah Phatthalung. Dia akan menjejaki Munirah. Dia akan membawa ibu bapanya bersama. Dia akan meminang dan mengahwini Munirah. Munirah akan menjadi suri rumah tangganya penuh kebahagiaan”

(*Gadis Phattalung*: 26, Mukhtar Mustafa, Hlmn. 26)

Merujuk kepada petikan di atas, pengkaji dapat membuktikan cerpen yang bertajuk *Gadis Phatthalung* ini mempunyai tema percintaan yang sangat kukuh. Hal ini kerana, watak Halim yang sanggup setia menunggu kekasih hatinya

selama dua tahun akibat daripada berlakunya Pendamik COVID-19. Watak Halim terpaksa menanggung penantian yang terlalu lama akibat daripada pintu sempadan yang ditutup khususnya, untuk ke wilayah Phatthalung. Petikan di atas juga telah membuktikan bahawa, cerpen *Gadis Phatthalung* ini adalah betemakan tentang percintaan yang berlaku dalam watak Halim yang menunjukkan kesungguhan dalam menjejaki Munirah untuk membuktikan bahawa beliau benar-benar ingin membawa hubungan ini kearah yang lebih serius. Bukan itu sahaja, Halim juga telah merancang untuk berkahwin dengan Munirah dan tindakan akan membawa ibu bapanya untuk melamar Munirah juga telah jelas terbukti bahawa Halim benar-benar tulus terhadap Munirah. Oleh itu, cita-cita Halim dalam membina rumah tangganya bersama Munirah juga menonjolkan impian sebagai seorang lelaki yang ingin mempunyai kehidupan sebagai pasangan yang bahagia dan menginginkan Munirah menjadi suri rumah tangganya. Secara keseluruhannya, cerpen ini telah mempamerkan tema percintaan yang sangat jelas kepada pembaca.

Pemikiran merupakan alternatif atau kebolehan bagi seseorang untuk berhujah, menilai serta membuat keputusan tentang sesuatu perkara (Michael Abdullah, 1995). Pengkaji telah menggunakan Teori Teksdealisme melalui prinsip pengukuhan dalam menganalisis pemikiran Mukhtar Mustafa dalam cerpen *Gadis Phatthalung* yang mengukuhkan tema percintaan. Cerpen yang berjudul *Gadis Phatthalung* ini jelas menunjukkan nilai cinta yang terpapar pada watak Halim yang tulus mencintai Munirah dan masih setia menunggu dalam tempoh yang agak lama untuk menanti kepulangan Munirah. Bukan itu sahaja, beliau sendiri akan datang kepada Munirah yang berada di Thailand untuk meminang dan mengahwini Munirah untuk menjadi suri rumah tangganya yang

penyuh dengan kebahagiaan. Oleh itu, tindakan yang dilakukan oleh watak Halim ini sudah cukup jelas nilai cinta yang hadir dalam cerpen *Gadis Phattalung* ini. Jelaslah bahawa, watak dan dialog yang dihasilkan oleh pengarang sendiri dalam cerpen ini telah memperkukuhkan dan memperkuatkan tema percintaan. Bukan itu sahaja, perasaan yang hadir dalam watak Halim serta konflik yang dihadapi juga telah menguatkan mesej cinta yang ingin disampaikan oleh pengarang kepada para pembaca.

4.2.5 Tema Isu Semasa

Isu semasa lebih merujuk kepada persoalan atau permasalahan masyarakat secara kontemporari yang lebih diberi perhatian oleh pengarang kerana mereka akan menyuarakan melalui karya sastera. Menurut Rahimah Haji A. Hamid (2006), isu semasa juga dapat dikatakan sebagai gambaran realiti kehidupan masyarakat pada masa kini. Oleh itu, isu semasa dapat dijadikan sebagai perantaraan yang utama bagi pengarang dalam menyampaikan sebarang pandangan dan kritikan. Hal ini demikian kerana, isu semasa juga dapat berfungsi sebagai penghubung kepada karya sastera dengan denyut nadi kehidupan masyarakat pada zamannya.

Sementara itu, Kumpulan Cerpen Cahaya Dari Perabung juga mempunyai pelbagai tajuk cerpen yang mempunyai tema isu semasa antaranya adalah cerpen *Lilin Tidak Jadi Terbakar* karya Mukhtar Mustafa yang banyak mewujudkan persoalan-persoalan melalui konflik serta dialog yang berperanan dalam mengukuhkan tema dalam cerpen yang dipilih. Sejurus itu, cerpen *Lilin Tidak Jadi Terbakar* merupakan salah satu tajuk cerpen yang benar-benar mengupas tentang tema isu semasa iaitu masyarakat pada masa kini lebih mengutamakan

teknologi moden berbanding meluangkan masa dengan insan tercinta terutamanya ahli keluarga.

Cerpen *Lilin Tidak Jadi Terbakar* karya Mukhtar Mustafa merupakan cerpen yang mengisahkan sebuah keluarga yang besar ingin menyambut ulang tahun kelahiran ayahnya yang diberi nama sebagai Tuan Haji Mardi tetapi suasana telah berubah menjadi hingar bingar apabila Tuan Haji Mardi tidak memunculkan diri di majlis tersebut selepas namanya disebut beberapa kali. Oleh itu, majlis ulang tahun yang diadakan di sebuah Dewan Cemara hotel lima bintang dan kesemua ahli keluarga turut hadir untuk menyambut ulang tahun kelahiran Tuan Haji Mardi yang ke-60. Kamil yang merupakan anak sulung kepada Haji Mardi mengarahkan kesemua ahli keluarga mencari ayahnya di kesemua kawasan hotel tersebut akan tetapi masih gagal menemui Haji Mardi. Namun demikian, terdapat seorang penyambut tetamu hotel telah datang berjumpa dengan Murni yang merupakan isteri Kamil, beliau menyatakan terdapat seorang lelaki meminta tolong untuk memesan Grab tetapi beliau tidak pasti sama ada itu adalah Haji Mardi ataupun tidak. Sementara, keadaan menjadi lebih kucar-kacir Adam memerhati bahawa Alif juga tidak kelihatan dari tadi dan beliau terus memberitahu kepada ayahnya iaitu Kamil. Sejurus itu, Kamil mulam merasakan ayahnya tidak menghargai pengorbanan anak-anak, menantu dan cucu yang bertungkus-lumus untuk membuat persiapan bagi majlis ini. Hal ini kerana, beliau telah mengeluarkan jumlah perbelanjaan yang banyak serta membuat tempahan bilik hotel agar dapat hadir pada sambutan hari lahir ayahnya pada kali ini. Sejurus itu, Adam telah berlari dan memberikan telefon kepada bapanya dan kesemua ahli keluarga Haji Mardi mengerumuni Kamil untuk mengetahui cerita sebenar. Oleh itu, Alif terus memberitahu kepada ayahnya bahawa atuknya iaitu

Haji Mardi dan beliau berada di rumah lama kerana Haji Mardi merindui arwah isterinya. Bukan itu sahaja, Aliff juga memberitahu bahawa atuknya meninggalkan majlis tersebut atas sebab tiada sesiapa pun yang bertanya khabar tentang dirinya dan beliau sunyi. Alif juga turut memberitahu bahawa ketikan atuknya di dewan tiada siapa yang menghiraukan kewujudan atuknya kecuali dirinya sahaja. Tuan Mardi juga turut berkata, semua orang hanya bergambar dan hanya bercakap di telefon sahaja dan beliau juga merasakan seperti tunggul kayu sahaja. Oleh itu, Tuan Mardi mengajak cucunya iaitu Alif untuk pulang ke kampung.

Berdasarkan petikan di bawah, telah membuktikan bahawa cerpen *Lilin Tidak Jadi Terbakar* ini bertemakan isu semasa seperti yang ada di dalam watak Haji Mardi, antaranya adalah:

“Atuk kata majlis itu sia-sia sahaja, papa. Buat membazir wang sahaja. Malam tadi pun ketika dia tidur di bilik, tidak ada sesiapa pun yang jenguk dan bertanya khabar. Atuk kata dia sunyi. Dia tidak boleh tidur sehingga pagi. Matanya tidak boleh lelap.”

(*Lilin Tidak Jadi Terbakar*: 58, Mukhtar Mustafa, Hlmn. 58)

Menurut Hashim Awang (1993), setiap isu semasa yang terkandung di dalam sesebuah karya sastera berperanan dalam menggambarkan realiti gaya hidup masyarakat yang kini sedang berlaku dalam kehidupan sebenar. Dalam pada masa yang sama, pengarang pada kebiasaannya akan menyuarakan isu sosial misalnya perubahan nilai kekeluargaan, tekanan hidup dan kemerosotan hubungan antara generasi bagi menunjukkan perubahan sosial yang semakin ketara dalam masyarakat moden. Oleh itu, pendapat ini selari dengan cerpen yang

bertajuk Lilin Tidak Jadi Terbakar, menonjolkan bagaimana nilai kasih sayang semakin berkurang seperti yang dilihat dalam watak Haji Mardi bersama anak-anaknya dan beliau juga berasa sunyi dan dipinggirkan.

Sekali gus, petikan tersebut seolah suara hati Haji Mardi yang berasa dirinya dipinggirkan oleh ahli keluarganya sendiri malah, di dalam majlis yang meriah beliau masih lagi berasa sangat sunyi. Berdasarkan Dialog Alif yang menyatakan “Atuk kata majlis itu sia-sia...”, “...tidak ada sesiapa pun yang jenguk dan bertanya khabar.” dan “Atuk kata dia sunyi”. Ketiga-tiga dialog tersebut telah menggambarkan perasaan yang amat kecewa yang dirasakan oleh watak Haji Mardi terhadap ahli keluarganya sendiri dengan mengabaikan emosi serta perasaan sebagai orang tua. Oleh itu, kita dapat lihat bahawa situasi ini merupakan gambaran kepada kehidupan masyarakat pada masa kini yang semakin kurang dalam mengutamakan hubungan kekeluargaan lebih-lebih lagi dengan orang yang berusia.

Berdasarkan petikan tersebut, jelas memaparkan bahawa cerpen yang berjudul Lilin Tidak Jadi Terbakar telah mengetengahkan tema isu semasa, iaitu pengabaian warga emas dan keruntuhan nilai kekeluargaan. Oleh itu, pengarang juga menunjukkan bagaimana golongan tua sering diabaikan walaupun dalam suasana yang meriah tetapi masih lagi berasa sunyi. Dalam pada itu, sikap kurang prihatin dan mengambil berat serta kegagalan berkasih sayang dengan orang tua merupakan isu yang semakin ketara dalam kehidupan masyarakat pada masa kini. Hal ini terjadi kerana, kesibukan hidup dengan kerjaya dan perubahan gaya hidup seseorang. Oleh itu, melalui watak Haji Mardi ini pengarang telah memperkukuhkan mesej bahawa hubungan kekeluargaan kini semakin menjadi longgar dan memerlukan perhatian masyarakat.

Pengkaji telah menggunakan Teori Teksdealisme melalui prinsip pengukuhan untuk menganalisis pemikiran Mukhtar Mustafa dalam cerpennya yang bertajuk *Lilin Tidak Jadi Terbakar* dalam mengukuhkan tema isu semasa. Oleh itu, pengkaji telah meneliti bahawa cerpen ini dikukuhkan oleh pengarang melalui pemikirannya tentang isu keruntuhan sesebuah hubungan kekeluargaan dan kesunyian yang dirasakan sebagai orang tua walaupun berada di samping keluarga. Melalui watak Haji Mardi, pengarang telah memaparkan beberapa gambaran kesunyian, keterasingan dan perasaan tidak dihargai yang dirasakan oleh watak Haji Mardi untuk menegaskan bahawa kejadian ini merupakan masalah sosial yang semakin berleluasa. Oleh itu, potongan dialog seperti “Atuk kata majlis itu sia-sia”, “Tidak ada siapa pun yang jenguk” dan “Atuk kata dia sunyi” ketiga-tiga potongan dialog ini berperanan dalam pengukuhan yang jelas terhadap pemikiran pengarang dalam memikirkan nasib warga emas yang sering diabaikan oleh ahli keluarganya sendiri. Jelaslah bahawa, dengan pengukuhan ini pengarang berjaya menegaskan tema isu semasa secara terperinci sambil menunjukkan keprihatinan terhadap perubahan nilai sosial dalam kekeluargaan pada masa kini.

4.2.6 Tema Politik

Menurut Kamus Dewan Bahasa Edisi Keempat (2005) yang terkini, politik adalah perihal atau kegiatan yang mempunyai kaitan dengan dasar-dasar pemerintahan negara, pentadbiran. Berdasarkan definisi itu, politik juga dapat dikaitkan dengan tindakan, strategi dan kegiatan pihak yang ingin mendapatkan atau mengekalkan kuasa dalam sesebuah organisasi atau negara. Menurut Ahmad Nidzamuddin (2002), sistem politik boleh mengikut aturan sama seperti Malaysia dan Great Britain yang mengaplikasikan demokrasi berparlimen dalam sistem politik walaupun bagaimanapun, sistem politik ini sukar untuk dicontohi atau diikuti

kerana terdapat perbezaan dari segi aspek latar belakang, searah, tradisi, perasaan dan simbol. Budaya politik juga dilihat dari segi sikap atau tingkah laku sesuatu masyarakat secara bersama terhadap sistem politik dalam sesebuah negara (Zawiyah Mohd Zain, 2021).

Sejurus itu, Kumpulan Cerpen *Cahaya Dari Perabung* karya Mukhtar Mustafa mempunyai cerpen bertemakan politik yang bertajuk *Dun Kuala Sungai Tiga*. Oleh itu, cerpen ini jelas memaparkan tema politik yang berlaku di dalam watak Ahmad Safarman yang merupakan seorang anak muda yang baru sahaja berusia 28 tahun melibatkan diri dalam dunia politik. Datuk Abidin, ayahnya telah berpesan kepada Ahmad Safarman bahawa beliau masih lagi mentah dan tidak mengetahui lagi cabaran atau risiko yang perlu dihadapi pada masa akan datang. Walaubagaimanapun, Ahmad Safarman tidak menjadikan ingatan ayahnya sebagai penghalang namun, kata-kata itu tidak mematahkan semangat beliau untuk mencontohi jejak langkah ayahnya yang pernah menang wakil rakyat di DUN Kuala Sungai Tiga dalam usia yang masih lagi muda pada ketika itu. Datuk Abidin mula risau dengan anaknya iaitu Ahmad Safarman kerana pilihan raya pada zaman dia dan kini amatlah berbeza dan dulu ramai menolak untuk menjadi calon tapi kini ramai yang menawarkan diri untuk menjadi calon untuk bertanding dalam parti. Pendek kata, pada ketika dulu perjuangan lebih kepada mempertahankan maruah dan menegakkan keadilan dan kini lebih kepada mencari peluang untuk mendapatkan kuasa. Oleh itu, ketika keputusan Pilihan Raya Kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) N99 Kuala Sungai Tiga Ahmad Safarman melangkah longlai keluar dari Dewan Utama Majlis Perbandaran kerana beliau kalah dalam pilihan raya N99 Kuala Sungai Tiga dengan mendapat sebanyak 8,500 undian berbanding dengan Derosid Berdolah yang berjaya meraih

9,230 undian. Ahmad Safarman amat kecewa dengan kekalahan pilihan raya tersebut dan beliau telah mengimbau kembali ketika 15 hari beliau berkempen. Terdapat banyak perkara yang dilakukan oleh Ahmad Safarman, antaranya adalah jentera pilihan raya membawa beliau kehulur kehilir bermula dari subuh hingga tengah malam untuk berjumpa dengan pengundi. Beliau juga telah berjumpa dengan ibu tunggal dan berceramah di dalam surau bukan itu sahaja, beliau juga tidak ingkar segala program yang sudah diatur dan tidak ada satu pun program yang dibatalkan. Dalam pada masa yang sama, segala kempen yang dijalankan oleh beliau juga memerlukan pelaburan yang tinggi dari segi kewangan misalnya beliau perlu membayar kos peralatan sukan, minyak kenderaan untuk berkempen, sagu hati dan upah memasang poster kepada 10 orang pemuda. Beliau sikit pun tidak membantah walaupun wang tunai mengalir laju seperti air sungai. Oleh itu, Ahmad Safarman yakin bahawa beliau boleh menang dalam pilihan raya ini kerana beliau mempunyai kelulusan, dana, jentera yang lengkap serta parti juga turut memberi bantuan kepada beliau. Walaubagaimanapun hujah yang diperkatakan oleh Ahmad Safarman adalah palsu dan memakan dirinya sendiri kerana pengundi N99 tidak memilih kelulusan semata-mata dan lebih memilih Derosid Berdolah yang merupakan seorang pesara Jabatan Pertanian dan tidak mempunyai kelulusan tinggi. Ahmad Safarman masih lagi tidak berpuas hati dengan keputusan pilihan raya DUN Kuala Sungai Tiga hal ini demikian kerana, beliau telah membuat *post-mortem* di hadapan Datuk Abidin iaitu ayahnya. Setelah habis Ahmad Safarman membentangkan hujahannya, Datuk Abidin terus meneliti secara terperinci dan menyatakan bahawa pengundi N99 DUN Kuala Sungai Tiga ini terdiri daripada penduduk luar bandar dan mereka memerlukan wakil rakyat yang mereka kenali. Hal ini demikian kerana, Derosid Berdolah

merupakan anak tempatan yang pada asalnya memang lahir di Kampung Kuala Sungai Tiga dan membesar di kampung yang sama. Bukan itu sahaja, beliau sentiasa bersama dengan orang kampung malah, orang kampung yang ingin membeli baja pokok juga akan bertemu dengan Derosid Berdolah atau dari segi kata lain, Derosid Berdolah ini memang sudah dikenali oleh orang kampung di sini. Hal ini jelas menyatakan bahawa, cara Derosid Berdolah dan Ahmad Safarman amat berbeza kerana Ahmad Safarman lebih banyak menghabiskan masa di bandar dan beliau juga telah melanjutkan pelajaran di luar negara dan jarang pulang ke kampung malah, beliau hanya duduk terperap sahaja di rumah dan di pejabat parti sahaja. Oleh itu, dengan secara tiba-tiba pulang ke Kampung Sungai Tiga hanya untuk bertanding dalam pilihan raya membuat ramai pengundi terkejut dan tidak mengenali Ahmad Safarman.

Secara keseluruhannya, penduduk kampung tidak nampak perkara yang dilakukan oleh Ahmad Safarman seperti memakai kot, makan di hotel dan tidak nampak beliau membayar memakai kad kredit, malah setiap perkara yang dilakukan oleh Derosid Berdolah dilihat oleh penduduk kampung misalnya, kehidupan Derosid yang sederhana tetapi masih lagi membantu sesiapa yang memerlukan, Derosid juga tidak lokek kerana beliau menggunakan wang pencen yang tidak seberapa dengan melabur untuk kenduri-kendara di kampung. Bukan itu sahaja, Derosid juga membantu penduduk kampung yang sakit, beliau juga akan tetap sentiasa ada juga terdapat ibu bersalin, isteri Derosid akan memastikan menjadi orang pertama yang meriba bayi tersebut. Derosid juga merupakan penyandang Yang Dipertua Persatuan Ibu Bapa dan Guru Sekolah Menengah Kebangsaan Seri Kenanga Kuala Sungai Tiga dan merupakan Setiausaha Jawatankuasa Masjid Mukim. Setelah itu, Datuk Abidin menyatakan bahawa

beliau tidak terkejut apabila Derosid menang dalam pilihan raya ini kerana beliau mempunyai banyak kelebihan dari kamu dan lebih berpengalaman. Selepas itu, Ahmad Safarman lantas pergi meninggalkan ayahnya untuk berjumpa dengan YB Derosid.

Berdasarkan cerpen *DUN Kuala Sungai Tiga* terdapat petikan yang menunjukkan cerpen ini mempunyai tema politik, antaranya adalah:

“Ayah tidak menghalang kau ceburi politik. Tetapi kau masih terlalu muda, Man. Baru 28 tahun. Masih mentah dengan terajang dalam politik. Masih tidak ada pengalaman. Apalagi jika mahu bertanding dalam pilihan raya. Gelombangnya lebih besar daripada ombak Laut China Selatan.”

(DUN Kuala Sungai Tiga: 90, Mukhtar Mustafa, Hlmn. 90)

Berdasarkan petikan di atas, pengkaji telah mendapati bahawa cerpen yang berjudul *DUN Kuala Sungai Tiga* mempunyai tema politik yang dipaparkan dalam perbualan antara Datuk Abidin dengan anaknya iaitu Ahamad Safarman. Perbualan itu merupakan peringatan yang ditujukan kepada Ahmad Safarman iaitu beliau masih lagi muda dan masih lagi mentah untuk melibatkan diri dalam bidang politik. Bukan itu sahaja, gelombang dalam dunia politik bukanlah seperti biasa malah kesannya amatlah besar. Selain itu, berdasarkan frasa ‘bertanding dalam pilihan raya’ menunjukkan bahawa konteks cerita yang berkisahkan tentang sistem politik dan demokrasi. Oleh itu, frasa ‘terajang dalam politik’ pula menunjukkan bahawa gambaran dunia politik yang penuh dengan cabarab dan risiko yang perlu dihadapi iaitu persaingan dan strategi. Sejurus itu, nasihat ayahnya tentang ketidakmatangan dan kurang pengalaman Ahmad Safarman

dalam bidang ini juga merupakan bukti bahawa cerepen tersebut membawa tema politik secara menyeluruh.

Seterusnya, terdapat lagi petikan yang didapati oleh pengkaji yang memaparkan terdapat tema politik di dalam cerpen DUN Kuala Sungai Tiga, antaranya adalah:

“Perjuangan dahulu ialah perjuangan untuk menebus maruah. Perjuangan untuk menegakkan keadilan. Mencari kesaksamaan. Tetapi perjuangan sekarang ialah perjuangan untuk mencari kuasa dan peluang.”

(*DUN Kuala Sungai Tiga*: 92, Mukhtar Mustafa, Hlmn. 92)

Berdasarkan petikan di atas, telah membuktikan bahawa cerpen ini merupakan cerpen yang bertemakan politik terutamanya dalam watak Datuk Abidin yang merupakan ayah kepada Ahmad Safarman yang memberitahu anaknya bahawa perjuangan politik sekarang amatlah berbeza dengan perjuangan dahulu. Oleh itu, pengarang juga telah menonjolkan perbezaan antara perjuangan politik pada ketika dulu dan politik pada zaman sekarang yang lebih berteraskan kepada maruah, keadilan dan kesaksamaan dengan perjuangan politik masa kini yang lebih menitikberatkan kepada perebutan kuasa dan peluang. Hal ini jelas memaparkan, kritikan pengarang terhadap perubahan nilai dalam budaya politik moden. Bukan itu sahaja, melalui cerpen ini juga pengarang telag mengangkat persoalan utama tentanh kehilangan idealisme politik. Walaubagaimapun, perbandingan ini secara langsung telah mengukuhkan tema politik yang mendominasi cerpen *DUN Kuala Sungai Tiga* ini.

Berdasarkan kedua-dua petikan yang diambil daripada cerpen *DUN Kuala Sungai Tiga* ini, pengkaji telah menerapkan Teori Teksdealisme melalui prinsip

pengukuhan. Pada petikan pertama, dialog Datuk Abidin yang menasihati anaknya iaitu Ahmad Safarman agar tidak terburu-buru dalam melibatkan diri dalam dunia politik telah menunjukkan idealisme pengarang bahawa politik perlu ada kematangan, pengalaman dan kebijaksanaan yang utuh. Dalam pada masa yang sama, nasihat yang diberikan oleh Datuk Abidin bukanlah hanya pandangan sebagai seorang ayah malah, ia juga telah menjadi alat untuk mengukuhkan lagi mesej bahawa dunia politik penuh dengan cabaran dan risiko. Pada petikan kedua pula, pengkaji telah mendapati bahawa terdapat perbandingan yang berlaku antara politik pada ketika dahulu dan politik pada masa kini amatlah berbeza. Oleh itu, politik pada masa dahulu lebih mementingkan maruah dan keadilan malah politik pada masa kini lebih memikirkan tentang kuasa. Hal ini telah membuktikan bahawa, kritikan yang ingin disampaikan oleh pengarang terhadap kerosakan nilai dalam budaya politik. Secara keseluruhannya, budaya politik seharusnya berlandaskan integriti, keikhlasan dan tanggungjawab kepada rakyat. Jelaslah bahawa, dialog dan perbandingan ini berfungsi untuk menegaskan nilai dan idealisme politik yang ingin disampaikan.

Petikan temu bual Mukhtar Mustafa secara langsung mengukuhkan dapatan dalam analisis tema politik cerpen *DUN Kuala Sungai Tiga*. Dalam temu bual tersebut, Mukhtar Mustafa menegaskan bahawa setiap cerpennya menerapkan nilai positif dan bertujuan membimbing pembaca ke arah kematangan berfikir, khususnya dalam aspek politik. Beliau menolak politik berasaskan dendam, permusuhan dan perebutan kuasa semata-mata, sebaliknya menekankan bahawa politik seharusnya menjadi medium menyelesaikan masalah dan membina keharmonian masyarakat. Berdasarkan petikan dialog temubual bersama pengarang (Rujuk Transkrip 6 di Lampiran):

“DUN Kuala Sungai Tiga pun ada nilai positif dalam aspek politik dan nilai positif yang diterapkan disini adalah dalam berpolitik tidak perlu ada dendam, bermusuhan dan berpolitik ni pula untuk memilih calon jadi sebab itulah jangan ada dendam sebab dendam tak mampu untuk menyelesaikan masalah dan inilah nilai positif yang saya terapkan dalam cerpen ini.”

(Sumber: Temubual, Mukhtar Mustafa, 2025)

Petikan temu bual ini memperlihatkan dengan jelas kendirian Mukhtar Mustafa terhadap dunia politik yang menjadi asas kepada pembinaan tema cerpen *DUN Kuala Sungai Tiga*. Pengarang menegaskan bahawa nilai positif yang ingin diterapkan dalam cerpen tersebut ialah penolakan terhadap politik berteraskan dendam, permusuhan dan kebencian. Hal ini menunjukkan bahawa Mukhtar Mustafa tidak membina konflik politik semata-mata untuk mewujudkan ketegangan naratif, sebaliknya menggunakan konflik tersebut sebagai medium pendidikan moral kepada pembaca.

4.2.7 Tema Kearifan Tempatan

Kearifan tempatan didefinisikan juga sebagai kearifan tradisional mempunyai kaitan yang sangat akrab dengan keyakinan, pengetahuan, pengetahuan atau wawasan, kebiasaan atau etika yang dituntut dalam kehidupan (Keraf, 2010). Terdapat beberapa pengkaji yang menyatakan bahawa, kearifan tempatan juga dikenali dengan perkataan lain antaranya adalah *local wisdom* (kebijaksanaan tempatan), *local knowledge* (pengetahuan tempatan) dan *local genius* (kecerdasan tempatan). Menurut Dilah Tuah (2022), beliau menyatakan bahawa kearifan tempatan ini merupakan bentuk pemikiran yang kritis dan kreatif

tentang budaya dan amalan yang dilakukan oleh masyarakat setempat dan ia mengandungi nilai-nilai tersirat dari amalan tersebut. Kearifan tempatan juga dikatakan bahawa, tingkah laku seseorang manusia yang berbentuk positif dalam menangani alam dan persekitarannya malah, dapat diturunkan dari nilai-nilai agama, adat istiadat, budaya setempat dan tradisi nenek moyang (Yusriadi et al., 2018). Oleh itu, tingkah laku ini akan berleluasa dan akan diwarisi secara turun temurun. Dalam penelitian ini, pengkaji akan memfokuskan kepada kearifan tempatan yang terdapat dalam cerpen yang berjudul *Cahaya Dari Perabung* karya Mukhtar Mustafa.

Menurut Mukhtar Mustafa, temubual (2025), Penceritaan yang terkandung di dalam cerpen *Cahaya Dari Perabung*, merupakan kisah benar yang dialui oleh pengarang. Beliau telah merasai sendiri perjalanan dalam menaiki Gua Ikan di Dabong bukan itu sahaja, beliau juga telah merasai sendiri keindahan yang dimaksudkan dengan *Cahaya Dari Perabung* iaitu cahaya menembusi lubang dari batu seperti “*Spotlight*”. Berdasarkan pengalaman ini, pengarang dapat mengetahui sesiapa yang ingi menaiki perlulah menggunakan malim gunung supaya dapat mengelakkan sebarang kemalangan atau kecederaan berlaku. (Rujuk Transkrip 3 di Lampiran).

Cerpen *Cahaya Dari Perabung* ini mempunyai beberapa watak yang menguatkan lagi kearifan tempatan yang terdapat dalam cerpen tersebut antaranya adalah Wan Saksa. Wan Saksa merupakan susuk pertama yang berjaya naik ke puncak Gua Terajam setinggi 545 meter yang merupakan gunung tertinggi di Daerah Mambong. Oleh itu, beliau telah menceritakan kepada rakan-rakan sekampung tentang keindahan yang dirasai oleh Wan Saksa antaranya adalah, keindahan cahaya matahari yang menembusi dari lubang puncak gua, melimpah

turun dan memancar ke dinding dan lantai gua. Gua yang pada asalnya gelap bertukar menjadi terang bercahaya bergemerlapan daripada sinar pancaran matahari. Segala pengalaman yang diceritakan oleh Wan Saksa kepada rakan-rakannya tidak diragui sedikit pun hal ini demikian kerana, Wan Sagar merupakan bapa kepada Wan Saksa dan ibunya bernama Kasturi yang merupakan penghuni asal Kampung Merabang. Dalam pada masa yang sama, mereka bertiga sudah terbiasa dengan hutan rimba, bukit bukau, lurah dan alur. Walaubagaimanapun, terdapat penduduk di pekan berhampiran menyatakan bahawa cerita yang disampaikan oleh Wan Saksa adalah palsu dan khayalan kerana Wan Saksa sudah lama meninggal dunia dan kisah itu sudah lama, malah menyatakan bahawa Wan Saksa tidak pernah mendaki Gua Terajam.

Justeru itu, Wan Saksa juga pernah menyatakan bahawa mencapai puncak kejayaan dan bertemu limpahan cahaya ialah anugerah Tuhan dan kenyataan itu tidak dapat diterima oleh mereka dan memandang remeh tentang pendakian ke Gua Terajam. Tanpa berfikir panjang, salah seorang dari sekumpulan anak muda yang bernama Xixi mencabar untuk melakukan aktiviti pendakian ke Gua Terajam dan tidak bersetuju apabila Midi mencadangkan untuk mencari malim gunung yang berdaftar dengan Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia dan beliau terus menyatakan bahawa sesiapa sahaja boleh mendaki Gua Terajam itu kerana ia bukan milik sesiapa dan beliau membuat keputusan untuk berlatih sendirian dan akan mendaki berseorangan. Oleh itu, Xixi juga telah dingatkan oleh rakannya untuk melakukan aktiviti pendakian memerlukan stamina yang mencukupi supaya tidak mengalami sebarang kecederaan tetapi tidak dihiraukan peringatan rakannya itu. Oleh itu, Mimi dan Didi telah membentuk kumpulannya sendiri dan membuat keputusan untuk membayar seorang malim gunung yang berpengalaman.

Pada hari kejadian, kumpulan pimpinan Keradas telah memulakan pendakiannya dan apabila sampai di gua mereka perlu menempuhi cabaran pertama dan akhirnya mereka membuat keputusan untuk meninggalkan Gua Terajam dan bertaubat tidak akan mengunjungi lagi. Pada keesokannya hari, terdapat lagi dua pendakian yang terdiri daripada percubaan solo Xixi dan kumpulan asal Xixi yang terdiri daripada Mimi, Didi, Roha, Lola dan Mika. Walaubagaimanapun, kedua-dua pendakian ini mempunyai perbezaan yang tersendiri iaitu, lima pendaki muda akan diketuai oleh malim gunung, manakala Xixi tetap bertegas untuk mendaki secara solo. Tugas sebagai seorang malim gunung ini adalah untuk membantu dan memberikan petunjuk kepada para pendaki tentang selok belok laluan dan mengajar cara untuk mencari sumber untuk dimakan. Dalam pada masa yang sama, ia juga dapat mengurangkan risiko kemalangan dan beliau sebenarnya anak kepada Wan Saksa. Wan Nazman kini lalu di laluan yang pernah dirintis oleh bapanya, Wan Saksa. Akhirnya, 5 pendaki telah berjaya sampai ke puncak dan bersyukur saat dilimpahi cahaya matahari yang terpancar dari perabung Gua Terajam. Oleh itu, pendakian solo iaitu Xixi yang menghadapi kecederaan dan beliau juga malu kerana mulutnya yang celupar.

Terdapat petikan yang membutikan bahawa cerpen Cahaya Dari Perabung ini terkandung kearifan tempatan yang terdapat dalam watak Wan Saksa, antaranya adalah:

“Mereka sekeluarga memang arif tentang hutan. Memanjat pohon tualang dan gua batu ketika mencari madu lebah sudah menjadi asam garam kehidupan mereka. Kerja-kerja mencari petai, berangan dan perah di puncak bukit ialah

pengalaman cecal kehidupan mereka. Tidak hairanlah jika Wan Saksa mampu memanjat Gua Terajam dengan selamat.”

(*Cahaya Dari Perabung*: 45, Mukhtar Mustafa, Hlmn. 45)

Berdasarkan petikan di atas, pengkaji mendapati bahawa petikan tersebut telah mengukuhkan tema kearifan tempatan melalui penceritaan dalam cerpen *Cahaya dari Perabung* karya Mukhtar Mustafa. Justeru itu, pengarang menggambarkan keluarga Wan Saksa sebagai kelompok yang ‘memang arif tentang hutan’, sekali gus menonjolkan pengetahuan alam yang diperoleh melalui pengalaman hidup dan diwarisi secara turun-temurun. Aktiviti seperti memanjat pohon tualang, mencari madu lebah serta hasil hutan di puncak bukit memperlihatkan kearifan tempatan sebagai sebahagian daripada asam garam kehidupan masyarakat setempat. Dalam pada masa yang sama, hubungan yang akrab dan harmoni antara manusia dan alam ini membolehkan Wan Saksa memanjat Gua Terajam dengan selamat. Oleh itu, petikan ini telah mengukuhkan lagi tema kearifan tempatan apabila pengetahuan tradisional bukan sahaja digambarkan sebagai warisan budaya, malah berfungsi sebagai panduan praktikal dalam kehidupan masyarakat. Jelaslah bahawa, pengarang berjaya menampilkan alam sebagai ruang pendidikan budaya yang membentuk kecekalan, kebijaksanaan dan hubungan harmoni antara manusia dan persekitaran.

Dalam kajian ini, pengkaji telah mengaplikasikan Teori Teksdealisme melalui prinsip pengukuhan bagi menganalisis tema kearifan tempatan dalam cerpen *Cahaya Dari Perabung*. Berdasarkan prinsip pengukuhan, ia menekankan bagaimana unsur nilai diperkuat secara berulang dan konsisten dalam teks. Berdasarkan petikan yang dianalisis, pengkaji mendapati bahawa kearifan

tempatan diperkukuh melalui pengulangan pengalaman hidup masyarakat setempat yang berkait rapat dengan alam, seperti aktiviti memanjat pohon tualang, mencari hasil hutan dan mengharungi kawasan gua. Hal ini demikian kerana, gambaran ini telah mengukuhkan kearifan tempatan sebagai ilmu terhasil daripada pengalaman seharian dan diwarisi secara turun-temurun. Selain itu, hubungan sebab-akibat antara pengetahuan tempatan dan keselamatan, iaitu kebolehan Wan Saksa memanjat Gua Terajam dengan selamat, turut menguatkan lagi tema kearifan tempatan dalam teks. Justeru itu, melalui prinsip pengukuhan dalam Teori Teksdealisme, pengkaji dapat membuktikan bahawa tema kearifan tempatan bukan sekadar latar budaya, malah menjadi teras penceritaan yang membentuk nilai, kecekalan dan kebijaksanaan masyarakat setempat dalam melangsungkan kehidupan seharian.

4.2.8 Tema Keinsafan

Menurut Kamus Dewan Bahasa Edisi Keempat (2010) yang terkini, keinsafan didefinisikan sebagai perkara yang dapat memberi kesedaran akan sesuatu kesalahan atau keadaan yang dilakukan oleh seseorang. Shahnnon Ahmad (1994) menegaskan bahawa kesedaran dan keinsafan dalam karya sastra sering lahir daripada pengalaman hidup dan penderitaan watak yang membawa kepada perubahan diri. Tema keinsafan dapat dikaitkan dengan Kumpulan Cerpen *Cahaya Dari Perabung* khususnya cerpen *Rumah Sejarah*. Tema keinsafan jelas dipaparkan pada watak Datuk Dollah sebagai seorang anak, abang, suami dan juga ayah. Dalam kajian ini, pengkaji ingin memaparkan, keinsafan Datuk Dollah tidak hadir secara serta-merta, sebaliknya terbentuk melalui peristiwa dan

pengalaman yang menyedarkan dirinya terhadap tanggungjawab kekeluargaan serta nilai kehidupan yang selama ini diabaikan.

Seterusnya, cerpen *Rumah Sejarah* ini mengisahkan tentang seorang anak yang pulang ke kampung halamannya di Kampung Bakat selepas setahun hal ini kerana, beliau mempunyai urusan kerja yang perlu diselesaikan di Kota Bharu. Bukan itu sahaja, ibunya juga telah menyatakan bahawa bilik Datuk Dollah juga telah berdebu kerana telah lama ditinggalkan. Sebelum ini, Datuk Dollah hanya menghubungi ibunya melalui telefon bimbit sahaja. Pada suatu malam, Datuk Dollah telah mula merasakan serba salah dalam dirinya tambah pula, kepulangan beliau di kampung halamannya pada kalini tanpa isteri dan anak-anaknya dan pelbagai persoalan mula timbul dalam kepalanya. Oleh itu, beliau terus bangun dan memerhatikan keadaan biliknya yang banyak gambar-gambar lama seperti gambar beliau menerima ijazah di universiti, gambar ketika beliau bersanding dengan isterinya dan gambar arwah ayahnya bersama ibunya yang masih tergantung. Bukan itu sahaja, banyak barangan lama di dalam almari, seperti pakaian isteri dan anaknya, buaian anak bongsunya iaitu Faridah. Beliau telah mula rasa sebak dan sedih kerana beliau telah mula sedara bahawa ibunya tidak pernah berasa susah untuk menjaga segalanya, tetapi beliau sukar untuk kerap pulang ke kampung halamannya.

Sejurus itu, Datuk Dollah melangkah keluar dari biliknya dan mengingati bahawa dulu di tiang seri ayahnya selalu bersandar sambil membaca al-Quran. Bukan itu sahaja, rumah yang dibina oleh ayahnya itu menyimpan banyak sejarah antaranya Datuk Dollah dan adik-beradiknya dilahirkan, malah anak sulungnya juga dilahirkan di rumah tersebut. persiapan di dalam rumah seperti perkakas

rumah juga disediakan oleh hasil titiki peluh ayahnya dan ibunya. Datuk Dollah tidak menahan rasa sebak dan serba salah terhadap dirinya sehingga ingin memohon maaf dan memluk ibunya tetapi beliau tidak mahu mengganggu waktu tidur ibunya. Seterusnya, beliau terus teringat akan adik-beradiknya iaitu Fatimah dan Fadli yang mampu balik ke kampung halaman sebulan sekali hal ini telah menyebabkan, perasaan serba salah dalam dirinya lebih kuat. Beliau dapat membezakan ketika ayahnya masih hidup, suasana rumahnya meriah kerana ramai budak-budak datang mengaji dengan ayahnya iaitu Haji Husein yang merupakan guru al-Quran di Kampung Bakat.

Selepas itu, Datuk Dollah telah berniat untuk menunaikan solat subuh di Madrasah Haji Che Isa yang merupakan tempat beliau belajar fardu ain bersama arwah ayahnya. Dalam pada masa yang sama, beliau masih lagi tidak dapat melelapkan matanya kerana masih lagi berfikir tentang adik-beradiknya yang kini mempunyai keluarga sendiri bukan itu sahaja, beliau juga berfikir untuk Zaharah tinggal di kampong untuk menjaga ibunya dan yakin isterinya tidak akan menolak. Beliau juga ingat pada awalnya beliau menetap di Kuala Lumpur, beliau kerap pulang apabila disuruh untuk membetulkan atap rumbia ke Ardex dan menukarkan lantai kayu ke konkrit beliau tidak memberikan alasan dan melaksanakan dengan segera. Oleh itu, beliau juga sedar banyak pengorbanan ibu bapanya lakukan untuk menyara kehidupan sekeluarga dengan menjual sekeping tanah dan menjual beberapa ekor lembu dan kerbau.

Laungan azan di Madrasah Haji Che Isa membuatkan beliau sedar dan tanpan melengahkan masa beliau bergegas bersiap untuk pergi ke madrasah. Beliau berasa hairan kerana kebiasannya, ibunya sudah bersiap untuk menunaikan

solat subuh tetapi pada kali ini, beliau tidak Nampak bayang ibunya langsung. Oleh itu, beliau pergi ke bilik ibunya dengan segera untuk melihat keadaan ibunya. Datuk Dollah menjerit “Emak....” Selepas melihat keadaan ibunya dan beliau terjatuh di birai katil di sebelah ibunya.

Berdasarkan penceritaan melalui cerpen *Rumah Sejarah* ini, pengkaji telah meneliti bahawa cerpen ini membawa tema keinsafan dalam watak Datuk Dollah. Oleh itu, terdapat petikan yang dapat membuktikan cerpen ini menampilkan tema keinsafan, antaranya adalah:

“Emak tidak pernah berasa susah untuk menjaga semua itu. Datuk Dollah menggeleng gelengkan kepalanya. Tiba-tiba dadanya berasa sebak. Rasa pedih dan pilu seperti dihiris sembilu.”

(*Rumah Sejarah*: 111, Mukhtar Mustafa, Hlmn. 111)

Berdasarkan petikan di atas melalui cerpen *Rumah Sejarah* ini, telah membuktikan bahawa cerpen ini jelas memaparkan tema keinsafan yang lahir dalam watak Datuk Dollah yang pada asalnya sukar untuk pulang ke kampung halamannya dan selepas ditegur oleh ibunya, beliau telah mula rasa bersalah terhadap ahli keluarganya terutamanya ibu bapa dan adik beradiknya. Frasa “dadanya berasa sebak” serta “rasa pedih” telah menggambarkan pergolakan emosi yang menandakan kesedaran terhadap kelalaian dirinya sebagai seorang anak. Oleh itu, keinsafan yang lahir apabila Datuk Dollah mula sedar dengan pengorbanan yang dilakukan oleh ibunya tanpa sebarang keluhan dalam menjaga keluarga. Hal ini sekali gus, membangkitkan lagi perasaan serba salah terhadap ibu dan keluarganya. Selepas dari itu, beliau ingin memohon maaf kepada ibunya

dengan segera dan beliau juga tidak dapat melelapkan matanya kerana sering berfikir untuk menyuruh isterinya, Zaharah menjaga ibunya memandangkan keluarganya sendiri ingin pulang ke kampung. Jelaslah bahawa, keinsafan ini membawa kepada perubahan sikap dan tanggungjawab sebagai seorang anak.

Berdasarkan petikan diatas, pengkaji mendapati bahawa pengarang telah mengukuhkan tema keinsafan melalui reaksi dalaman watak Datuk Dollah yang digambarkan secara emosional. Gambaran perasaan “sebak”, “pedih” dan “pilu” berfungsi sebagai unsur pengukuhan yang menegaskan kesedaran watak terhadap pengorbanan ibunya yang selama ini dipandang ringan. Berdasarkan prinsip pengukuhan dalam Teori Teksdealisme, pengulangan dan penegasan emosi dalaman watak digunakan untuk memperteguh makna dan mesej teks. Dalam konteks ini, keinsafan Datuk Dollah tidak disampaikan secara langsung, sebaliknya diperkukuh melalui konflik batin iaitu perasaan serba salah yang mendalam sehingga membawa kepada perubahan sikap iaitu menjadi lebih bertanggungjawab. Jelaslah bahawa, pengarang menzahirkan pemikiran bahawa keinsafan yang sebenar hanya tercapai apabila manusia benar-benar berhadapan dengan kesedaran diri dan rasa bersalah terhadap kesalahan yang dilakukan.

4.2.9 Tema Baik Hati

Baik hati dapat dimaksudkan sebagai sikap bertimbang rasa tentang perasaan atau kedudukan seseorang individu, malah sentiasa mewujudkan sikap prihatin terhadap kekusukan dan penderitaan yang sedang dialami oleh seseorang serta pemurah dalam menyumbang dan membantu seseorang yang sedang dilanda kesusahan tidak kira dalam bentuk harta benda atau sentiasa membuka hati untuk memaafkan kesalahan orang lain (Alias Ismail, 2004). Menurut Kamus Dewan

Edisi Keempat (2010), baik hati adalah sifat yang merujuk kepada seseorang individu yang kaya dengan busi pekerti, malah mudah membantu orang lain serta mempunyai perasaan belas kasihan. Oleh itu, dalam Kumpulan Cerpen Cahaya Dari Perabung telah menampilkan tema baik hati melalui cerpen yang berjudul *Wajah Sebuah Desa*. Tema baik hati yang dipaparkan dalam cerpen *Wajah Sebuah Desa* jelas terbukti melalui watak Nielda. Watak Nielda ini mula melahirkan rasa prihatin apabila beliau membaca novel *Wajah Seorang Seniman Desa* yang merupakan karya sulong Wadi Darmawan yang merupakan seorang anak kelahiran Kuala Sungai Kenerong, Hulu Negeri. Bukan itu sahaja, novel yang dihasilkan oleh Wadi juga mengisahkan tentang pengalaman dan kesusahan yang dihadapi sebagai anak desa dan kecintaannya yang masih lagi kurang dalam dunia seni yang memerlukan banyak pengorbanan.

Seterusnya, dalam cerpen ni telah menunjukkan watak Nielda yang tertarik dengan hasil penulisan Wadi dan beliau ingin mengenali penulis itu dengan lebih mendalam. Sayangnya, Nielda tidak mempunyai cara untuk menghubungi Wadi hal ini demikian kerana, tiada sebarang nombor telefon atau e-mel penulis dia novel tersebut. Nielda membeli novel *Wajah Seorang Seniman Desa* melalui dalam talian kerana beliau tertarik dengan reka bentuk kulit yang memikat hatinya iaitu lakaran sebuah kereta api di atas landasan dan mempunyai latar belakang sungai serta bukit yang berkabus ini membuatkan beliau begitu tertarik dengan novel tersebut. Walaupun, Nielda tidak mempunyai sebarang maklumat untuk menghubungi Wadi beliau tetap berkobar-kobar dan tidak berputus asa untuk mengenali Wadi dengan lebih mendalam. Oleh itu, Wadi seperti biasa akan meluahkan keinginannya kepada ibunya dan tanpa melengahkan masa beliau terus memberitahu ibunya, bahawa beliau ingin ke

Kuala Sungai Kenerong dan terus memberi novel tersebut kepada ibunya malah, memberitahu beliau ingin mengenalai penulis novel ini dengan lebih mendalam.

Pada awalnya, Hajah Manisah iaitu ibu kepada Nielda tidak faham dan keliru dengan permintaan anaknya walaubagaimanapun, beliau hanya bersetuju dengan permintaan anaknya kerana Hajah Manisah lebih memahami anaknya, jika tidak dituruti permintaannya Nielda akan memberontak. Oleh itu, Hajah Manisah membaca novel tersebut dengan khusyuk, manakala Nielda mencari lokasi Kuala Sungai Kenerong dan hasil pencariannya lokasi tersebut telah terkandung di dalam novel Wadi Darmawan. Di samping itu, mereka perlu menaiki kereta api dari Stesen Delima ke Stesen Dabong selama 6 jam perjalanan.

Selain itu, Nielda telah menyediakan sebuah computer riba, mesin pencetak, kertas dan telefon pintar untuk memberi kepada Wadi supaya mudah untuk menghasilkan pelbagai lagi karya akan tetapi, Nielda bimbang akan pandangan masyarakat terhadap tindakan beliau ini dan masih lagi tertanya-tanya adakah Wadi akan menerima semua pemberiannya. Pada awal pagi, dua beranak telah sampai ke Stesen Kereta Api Delima dan beliau meyakinkan ibunya bahawa tindakan yang dilakukan ini hanya untuk membantu Wadi yang hidup dalam kesusahan dan ingin memudahkan perjalanan Wadi dalam menghasilkan karya-karya yang lain. Selepas enam jam di dalam kereta api, Nielda dan ibunya sudah tiba di Stesen Kereta Api Dabong dan segera mencari kenderaan untuk pergi ke Kuala Sungai Kenerong. Walaubagaimanapun, dua beranak ini perlu menghadapi beberapa halangan sebelum tiba di lokasi antaranya adalah jalannya berbatu merah tiada minyak tar, perlu mendaki, menuruni bukit dan perlu lalu di laluan

yang sempit. Mereka berdua bersetuju untuk pergi ke Kuala Sungai Kenerong dengan menaiki kereta Toyota model lama.

Setelah itu, Hajah Manisah dan Nielda telah tiba Kuala Sungai Kenerong untuk berjumpa dengan Wadi, malah mereka hanya berjumpa dengan Pak Su Manaf dan Mak Su Manaf yang merupakan ibu bapa kepada Wadi. Oleh itu, Hajah Manisah terus memberitahu hajat sebenar iaitu anaknya membaca novel Wadi dan tertarik dengan kisah yang disampaikan dalam novel tersebut iaitu kesusahan yang dialami oleh Wadi. Nielda terus memberitahu hasrat sebenar beliau yang ingin memberi kemudahan kepada Wadi untuk menghasilkan karya yang seterusnya agar dapat menjadi seorang penulis yang berjaya. Selepas itu, Mak Su terus terdiam dan tunduk sebak dan menyatakan kisah yang diceritakan di dalam novel itu adalah benar dan air mata Mak Su Munah bercucuran keluar melimpahi ke pipi. Keadaan ini telah menimbulkan beribu persoalan pada Hajah Manisah dan Nielda dan akhirnya persoalan itu diterpa oleh Pak Su Manaf yang muncul dan memberitahu bahawa anaknya, Wadi telah meninggal dunia pada seminggu yang lalu. Namun demikian, Nielda mula sebak dengan berita itu dan beliau terus memeluk Mak Su Munah dan tangisan mereka bersilih ganti. Akhir sekali, keperluan yang dibawa oleh Nielda masih lagi berada di tepi bendul dan keadaan menjadi lebih suram kerana senja di Kuala Sungai Kenerong menjadi menjadi lebih gelap.

Berdasarkan penceritaan cerpen *Wajah Sebuah Desa*, pengkaji telah berjaya membuktikan bahawa cerpen ini telah memaparkan tema baik hati. Oleh itu, untuk penelitian yang lebih jelas pengkaji telah menyatakan petikan yang terkandung di dalam cerpen *Wajah Sebuah Desa*, antaranya adalah:

“Elda bawa semua barang-barang ini kerana dia penulis miskin. Dia memerlukan pertolongan. Elda mahu membantu dia, mama.”

(*Wajah Sebuah Desa*: 81, Mukhtar Mustafa, Hlmn. 81)

Berdasarkan petikan di atas, pengkaji telah menekankan tema baik hati pada watak Nielda yang ingin memberi bantuan kepada Wadi Dramawan yang merupakan seorang anak desa yang telah menghasilkan karya novel yang berjudul *Wajah Seorang Seniman Desa* yang menceritakan pengalaman beliau yang penuh dengan emosi kesedihan sebagai seorang anak desa yang sukar dalam meneruskan dalam bidang seni. Oleh itu, berdasarkan frasa “Elda mahu membantu dia, mama” sudah jelas menyatakan sifat baik hati yang ada pada diri Nielda yang ingin membantu seorang penulis miskin yang serba kekurangan dengan memberi peralatan lengkap seperti computer, mesin pencetak, *pendrive* dan telefon. Selain itu, frasa “Dia memerlukan pertolongan” juga jelas menyatakan watak Nielda yang mempunyai sifat empati yang tinggi terhadap Wadi yang mempunyai kehiduoan yang serba kekurangan malah, tindakan yang dilakukan oleh Nielda bukanlah terpaksa malah perasaan ingin membantu lahir dengan sendirinya kerana beliau cuba meletakkan diri di dalam situasi Wadi. Tegasnya, cerpen ini sudah terang lagi bersuluh memaparkan tema baik hati di dalam cerpen *Wajah Sebuah Desa* yang dizahirkan melalui perbuatan bukan hanya kata-kata sahaja. di dalam cerpen *Wajah Sebuah Desa* karya Mukhtar Mustafa.

Berdasarkan penelitian ini, pengkaji telah mengaplikasikan Teori Teksdealisme melalui prinsip pengukuhan bagi mengukuhkan pemikiran pengarang berdasarkan tema yang dikaji. Pengkaji mendapati bahawa pemikiran

pengarang tentang nilai baik hati diperkukuh melalui perbuatan dan pertuturan watak Nielda. Perbualan antara Nielda dan Hajah Manisah iaitu “Elda mahu membantu dia, mama” berfungsi sebagai penegasan langsung terhadap niat membantu, manakala frasa “Dia memerlukan pertolongan” menunjukn keprihatinan terhadap kesusahan orang lain. Pengulangan unsur bantuan ini diperkukuh lagi melalui tindakan Nielda yang menyediakan peralatan penting untuk Wadi untuk memudahkan beliau membuat penulisan. Melalui kaedah ini, pengarang bukan sahaja menyatakan nilai baik hati sahaja, sebaliknya memperkukuhnya melalui tindakan watak yang konsisten, sekali gus menegaskan pemikiran pengarang bahawa nilai kemanusiaan dan keprihatinan sosial masih menjadi asas penting dalam kehidupan masyarakat desa.

4.2.10 Tema Keduakaan

Keduakaan merujuk kepada perasaan hati yang susah, berat, sedih atau mengalami dukacita dalam kehidupan (Pusat Rujukan Persuratan Melayu, 2023). Menurut Sohaimi (1998), beliau menyatakan bahawa keduakaan mempunyai kaitan dengan keadaan atau situasi yang membawa kepada keduakaan dan kesengsaraan seperti kemalangan, kecelakaan, perpisahan dan peperangan. Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2010), keduakaan bermaksud perasaan dukacita, kesedihan yang amat sangat, kesusahan hati atau kesedihan yang mendalam akibat sesuatu musibah, kehilangan atau peristiwa yang menyayat perasaan. Kesedihan yang melampau akan mendatangkan emosi kemurungan, depresi dan hilang semangat untuk meneruskan kehidupan jika berlarutan dalam jangka masa yang lama. Oleh itu, tema keduakaan ini dipaparkan melalui cerpen yang berjudul *Hotel*.

Seterusnya, cerpen Hotel ini menceritakan sebuah kisah Cerpen *Hotel* mengisahkan kelahiran dan kejatuhan sebuah hotel lama yang pernah menjadi kebanggaan sebuah bandar satelit bernama Kota Angsana. Hotel tersebut suatu ketika dahulu muncul sebagai simbol kemajuan dan kemodenan dengan pelbagai kemudahan canggih seperti Internet berkelajuan tinggi, tempahan dalam talian, pasar raya besar serta reka bentuk bangunan yang unik dan strategik di tebing Sungai Muka Kuala. Kedudukannya yang berhampiran kawasan tarikan pelancongan tradisional seperti perusahaan dodol, serunding, pertukangan perak dan ikan kering menjadikan hotel ini tumpuan pelancong asing yang ingin mengenali budaya tempatan.

Namun, kemunculan hotel-hotel baharu yang lebih moden telah menyebabkan hotel ini semakin terpinggir. Satu demi satu kemudahan gagal berfungsi, perkhidmatan semakin terhad dan jumlah pengunjung semakin merosot. Keadaan hotel yang semakin uzur dan sunyi digambarkan seolah-olah sebuah “hotel berhantu”, mencerminkan kemerosotan fizikal dan emosi bangunan tersebut. Cerpen *hotel* ini seperti menyatakan rasa malu, kecewa dan putus asa kerana tidak lagi mampu memenuhi keperluan pengunjung. Ia akhirnya mengambil keputusan untuk “menyerah kalah” dengan memohon agar dirinya ditutup dan diruntuhkan. Cerpen ini menonjolkan tema kemajuan yang meminggirkan yang lama, serta konflik antara nostalgia masa silam dengan realiti pembangunan moden, sekali gus mengajak pembaca merenung harga sebenar sebuah kemajuan.

Menurut Mukhtar Mustafa, temubual (2025), beliau menyatakan bahawa kisah ini merupakan kisah benar dan terdahulunya di Kota Bharu Kelantan

terdapat hotel yang sangat dikenali ramai iaitu Hotel Temenggung tetapi akibat daripada realiti pembangunan yang semakin moden hotel tersebut telah menjadi bangunan lama dan para pengunjung lebih memilih sesuatu yang baru dan lebih moden. Berikut merupakan lampiran temubual merujuk perkara 3, yang menyatakan bahawa:

“di Kota Bharu ni dulu ada satu hotel yang amat terkenal namanya Hotel Temenggung, tapi bila hotel ni tiada ruang parkir, tiada *lift*, tiada kolam renang dan makatrtrasa dukacita dan berlakunya protes serta cerpen ini adalah kisah benar.”

(Sumber: Temubual Muktar Mustafa, 2025)

Petikan tersebut jelas memaparkan tema kedukaan melalui gambaran perasaan kehilangan, terpinggir dan kejatuhan nilai diri yang dialami oleh Hotel Tamu. Frasa seperti “tercorot”, “bukan lagi berada di kawasan tumpuan” dan “bangunan lama di bandar lama” menonjolkan kedudukan hotel yang semakin dipinggirkan oleh arus pembangunan. Kedukaan yang dialami bukan sekadar berpunca daripada kemerosotan fizikal bangunan, malah merangkumi kedukaan emosi dan identiti apabila hotel tersebut menyedari dirinya tidak lagi relevan dalam landskap bandar moden. Kenangan kegemilangan masa lalu yang pernah menjadi kebanggaan kini berubah menjadi beban emosi, sekali gus menimbulkan rasa hiba, malu dan putus asa yang mendalam.

Dari sudut Teori Teksdealisme, petikan ini memperlihatkan penerapan prinsip pengukuhan melalui pengulangan idea tentang kemerosotan, kehilangan dan keterpinggiran yang hadir secara konsisten dalam keseluruhan cerpen.

Pengulangan gambaran hotel yang semakin uzur, sunyi dan gagal menyediakan kemudahan asas berfungsi mengukuhkan tema kedukaan sebagai teras naratif. Unsur realiti sosial iaitu persaingan pembangunan moden yang meminggirkan yang lama diterapkan berulang kali bagi menegaskan mesej bahawa kemajuan sering hadir bersama kehilangan nilai dan maruah diri. Dengan itu, prinsip pengukuhan bukan sahaja memperkukuh tema kedukaan, malah menajamkan kesedaran pembaca terhadap implikasi emosi dan sosial akibat perubahan zaman.

Bil.	Tajuk Cerpen	Tema
1.	<i>Buldozer</i>	Tema Satira
2.	<i>Ara</i>	Tema Perpisahan dan Harapan
3.	<i>Banjir Air Mata</i>	Tema Pengorbanan
4.	<i>Gadis Phattalung</i>	Tema Percintaan
5.	<i>Lilin Tidak Jadi Terbakar</i>	Tema Isu Semasa
6.	<i>DUN Kuala Sungai Tiga</i>	Tema Politik
7.	<i>Cahaya Dari Perabung</i>	Tema Kearifan Tempatan
8.	<i>Rumah Sejarah</i>	Tema Keinsafan
9.	<i>Wajah Sebuah Desa</i>	Tema Baik Hati
10.	<i>Hotel</i>	Tema Kedukaan

Rajah 4.2: Jadual Rumusan Kumpulan Cerpen *Cahaya Dari Perabung* mengikut Tema

4.3 Idea Melalui Latar Kumpulan Cerpen Cahaya Dari Perabung.

Menurut Mohd Sidin Ahmad Ishak (1999), pengarang yang baik dapat berfikir tentang cara idea-idea yang ingin dihasilkan untuk menghasilkan sesuatu karya kreatif, menyusun idea-idea dan cara menyampaikan mesej kepada pembaca dengan butiran-butiran yang minimum. Hasil penulisan yang baik dihasilkan oleh pengarang mempunyai hubung kait sesuatu perkara yang sangat munasabah, menarik dan meyakinkan (Susan R. Horton, 1982). Menurut Shahnnon Ahmad (1979), sumber idea tidak mempunyai had sama juga seperti aspek kehidupan yang yang tidak mempunyai batas.

Di samping itu, pengarang memerlukan pengalaman dalam menghasilkan sesuatu idea yang kreatif, misalnya drama *Matinya Seorang Pahlawan* karya Usman Awang, pengarang telah memilih watak, latar, cerita dan gaya bahasa yang bersesuaian dengan idea. Oleh itu, pengkaji akan meneliti idea Mukhtar Mustafa dalam Kumpulan *Cahaya Dari Perabung* melalui elemen latar yang merangkumi latar tempat, masa dan masyarakat.

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2010), latar adalah keadaan persekitaran atau suasana yang menjadi tempat berlakunya sesuatu peristiwa. Dalam sastera pula, latar merangkumi aspek tempat, masa dan masyarakat yang mempunyai fungsi utama untuk membentuk jalan cerita serta pemikiran pengarang. Menurut Normaliza Abd Rahim (2019), beliau telah menyatakan bahawa latar dapat dikenal pasti berdasarkan keterangan yang terdapat di dalam teks yang dikaji. Oleh itu, pengkaji dapat menganalisis semua keterangan yang terbahagi kepada tiga bahagian antaranya adalah latar tempat, latar masa dan latar masyarakat. Bukan itu sahaja, pengkaji akan menerapkan Teori Teksdealisme melalui prinsip kehadiran dalam kajian ini untuk mengenal pasti bagaimana pengarang menyampaikan idea kepada pembaca dengan berfokuskan kepada elemen latar.

4.3.1 Latar Tempat

Latar tempat merupakan lokasi dimana sesuatu peristiwa yang diceritakan dalam sesebuah karya yang dihasilkan oleh pengarang, sama ada tempat dinyatakan secara khusus atau lokasi yang tidak jelas. Menurut Najid (2009:30), latar tempat berkait rapat dengan aspek geografi, iaitu merujuk kepada sesuatu tempat tertentu berlakunya sesebuah peristiwa. Oleh itu, jika nama tempat tersebut dinyatakan dengan jelas, kebiasaannya tempat itu wujud dalam dunia nyata (Nurgiyantoro, 2010). Melalui penelitian ini, pengkaji akan mengenal pasti idea pengarang yang terdapat di dalam Kumpulan Cerpen *Cahaya Dari Perabung* melalui beberapa latar tempat.

“Logik dari segi naratif tempat dan naratif watak mesti tepat dan ini merupakan cabaran saya. “

(Sumber: Temubual, Mukhtar Mustafa. 2025)

Merujuk petikan di atas, pengarang memberi penekanan serius terhadap pembinaan latar tempat yang realistic. Hal ini kerana, ia berfungsi dan berperanan dalam menggerakkan watak serta konflik cerita. Jelaslah bahawa, latar bukan sekadar hiasan, tetapi menjadi elemen struktur yang mempengaruhi tindakan watak dan hala tuju dalam sesebuah naratif.

4.3.1.1 Rumah

Menurut Noor Faizah (2014), rumah merupakan salah satu seni bina Melayu yang diutamakan dalam kehidupan masyarakat Melayu. Oleh itu, rumah juga bukanlah sebagai tempat tinggal semata-mata, malah ia juga

berperanan sebagai lambang sesebuah kehidupan yang sempurna bagi orang Melayu. Terdapat beberapa ungkapan tradisional Melayu yang menyatakan bahawa rumah juga sebagai “cahaya hidup di bumi, tempat beradat, berketurunan, tempat berlabuh kaum kerabat, hutang orang tua kepada anaknya (Noor Faizah, 2014). Berdasarkan kajian Fatimah Abdullah (2009), beliau telah menyatakan bahawa rumah kediaman bukanlah hanya sebagai struktur fizikal, malah ia juga sebagai lambang kehidupan iaitu terdapat pelbagai proses yang berlaku antaranya adalah, proses kelahiran, kematangan, kedewasaan dan kematian. Oleh itu, pengkaji telah memaparkan latar tempat iaitu rumah yang merupakan tempat bagi watak Datuk Dollah memulakan kehidupannya, iaitu:

“Hampir setahun Datuk Dollah tidak balik ke rumah emaknya di Kampung Bakat. Dia hanya menghubungi emaknya melalui telefon. Balik kali ini pun kerana ada urusan mesyuarat syarikat di Kota Bharu.”

(*Rumah Sejarah*, 110, Mukhtar Mustafa: Hlmn. 110)

Berdasarkan petikan di atas, rumah yang dulunya merupakan tempat dimana Watak Datuk Dollah dan adik-beradiknya dibesarkan. Bukan itu sahaja, rumah itu juga merupakan hasil titik peluh arwah ayahnya yang menyempurnakan perkakas rumah dengan menebang cengal untuk membuat tiang, lambung, kasa jantan, turus dinding dan gelegar. Jelaslah bahawa, rumah itu bukanlah berfungsi sebagai tempat tinggal, sebaliknya menjadi simbol akar kehidupan dan ikatan kekeluargaan yang semakin terhakis dalam diri watak Datuk Dollah. Berdasarkan penelitian ini, pengarang menghasilkan idea kepada pembaca

bahawa rumah merupakan tempat bermulanya kehidupan Datuk Dollah akan tetapi, sudah setahun beliau tidak pulang ke rumah. Sekali gus, pengarang menghasilkan idea dari latar tempat iaitu rumah untuk menggambarkan bahawa watak Datuk Dollah yang kini mengabaikan ibunya demi kepentingan kerjayanya di bandar.

4.3.1.2 Sungai

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2010), sungai adalah saluran yang terjadi secara semulajadi. Menurut Kamus Educalingo, sungai dapat didefinisikan sebagai saluran air yang besar. Oleh itu, sungai juga boleh menghasilkan tasik, mata air ataupun anak-anak sungai dan dari sungai akan turun ke bukit dan ia merupakan cara air hujan yang turun mengalir ke laut atau takungan air misalnya seperti tasik. Oleh itu, pengkaji telah menganalisis latar tempat iaitu sungai yang terkandung di dalam Cerpen *Buldozer*, antaranya adalah:

“Tentunya banyak kawasan perniagaan akan wujud apabila jalan ini siap. Begitu juga dengan kawasan pelancongan. Air terjun yang cantik, air sungai yang sejuk jernih dan dingin pasti akan menjadi tumpuan orang ramai. Tentunya chalet akan dibina berhampiran kawasan tadahan air. Tentunya orang dari kota akan datang berpusu-pusu untuk beriadah dan beristirahat di kawasan yang belum tercemar.”

(*Buldozer*, 15, Mukhtar Mustafa: Hlmn. 15)

Berdasarkan petikan di atas, pengkaji telah mengambil sungai sebagai latar tempat. Hal ini demikian kerana, dari sungai pengarang menggambarkan suasana yang penuh dengan keindahan dan

menggambarkan bahawa kawasan sungai mempunyai potensi yang sangat tinggi untuk dijadikan sebagai pembangunan pelancongan. Namun demikian, pengarang telah menjadikan latar tempat sungai ini telah menjadi medium sindiran terhadap tindakan masyarakat yang mengeksploitasi alam semulajadi dan lebih mementingkan kemajuan. Akhir sekali, pengarang menghasilkan idea ini untuk memberitahu kepada pembaca agar sentiasa memelihara alam semulajadi dan tidak membuat keputusan secara terburu-buru.

4.3.1.3 Bandar

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2010), bandar merupakan tempat yang mempunyai bilangan penduduk yang sangat ramai malah, ia lengkap dengan kemudahan awam, pusat perniagaan, perindustrian serta aktif dalam sektor ekonomi, sosial dan politik. Menurut Mahaiyadin & Harris (2009), dalam bahasa Arab, perkataan madinah digunakan untuk menyebut tentang bandar yang berfungsi sebagai tempat perkembangan sesebuah tamadun. Sebuah kota dengan binaan yang menarik adalah satu keperluan bagi Kerajaan Angkor untuk menunjukkan kuasa mereka sebagai sebuah kerajaan (Hasanuddin, 2019). Hal ini selari dengan, cerpen Hotel ini yang menunjukkan bahawa, dengan adanya bandar-bandar seperti Kota Angsana hotel tersebut bukan lagi pilihan para pengunjung, contoh petikan di bawah:

“Semua itu terjadi apabila bandar satelit Kota Angsana dibina kira-kira lima kilometer dari Kota Saujana. Semua pusat perniagaan di Kota Saujana telah berpindah ke Kota Angsana”

(*Hotel*, 74, Mukhtar Mustafa: Hlmn. 74)

“Semenjak bandar satelit Kota Angsana beroperasi, aku terjejas teruk.”

(*Hotel*, 74, Mukhtar Mustafa: Hlmn. 74)

Berdasarkan dua petikan di atas, latar tempat dalam cerpen *Hotel* dapat dikategorikan sebagai latar bandar pinggir yang menggambarkan kesan urbanisasi dan perubahan pembangunan terhadap kedudukan bangunan lama yang semakin tersisih serta kehilangan peranan dalam arus kemodenan. Peralihan lokasi hotel daripada kawasan tumpuan kepada pinggir bandar bukan sahaja membentuk suasana fizikal yang sunyi dan terbiar, malah menzahirkan emosi kedukaan, kekecewaan dan keterpinggiran yang dialami oleh watak “aku” sebagai simbol institusi lama yang tidak lagi relevan. Melalui pemilihan latar ini, pengarang secara halus menyampaikan kesedaran kepada pembaca tentang implikasi pembangunan yang tidak seimbang, khususnya terhadap warisan, memori dan nilai kemanusiaan yang sering terabai demi kemajuan material. Pendekatan ini memperlihatkan kepekaan pengarang dalam menggunakan ruang dan tempat sebagai medium kritikan sosial, sekali gus mengajak pembaca merenung semula makna pembangunan sebenar serta tanggungjawab masyarakat dalam memelihara nilai dan sejarah yang semakin dilupakan.

4.3.2 Latar Masa

Menurut Ismail, Abdullah, Abdul Rahim & Kamarudin (2020), latar masa boleh dianalisis dengan mengolah tentang masa kejadian sesuatu perkara. Menurut Nurgiyantoro (2010), latar masa mempunyai kaitan yang akrab dengan persoalan waktu sesuatu kejadian atau suasana berlaku dalam sesebuah cerita. Oleh itu, persoalan masa kebiasaannya dikaitkan dengan waktu kejadian dan mempunyai hubungan yang berkait rapat dengan peristiwa sejarah. Dalam pada masa yang sama, dengan adanya waktu dapat membolehkan pembaca memanfaatkan dan memahami penceritaan berdasarkan waktu. Walaubagaimanapun, latar masa mempunyai kaitan yang sangat rapat dengan latar tempat dan latar masyarakat hal ini demikian kerana, keadaan sesuatu peristiwa yang diceritakan merujuk kepada waktu tertentu kerana tempat akan berubah selaras dengan perubahan masa. Tegasnya, pengarang juga menghasilkan idea melalui latar waktu yang terkandung di dalam Kumpulan Cerpen *Cahaya Dari Perabung*.

4.3.2.1 Musim Kemarau

Menurut Tallaksen & Van Lanen (2013), beliau menyatakan bahawa kemarau merupakan salah satu fenomena alam iaitu sisihan air yang berpanjangan daripada keadaan yang biasa terhadap aliran sungai, air bawah tanah dan lembapan tanah. Tambahan pula, kemarau adalah kejadian semulajadi yang dianggap sebagai satu peristiwa yang berlaku secara rawak dan jarang berlaku. Kemarau, menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2010) adalah musim kering yang berlaku secara berpanjangan atau lebih dikenali lagi sebagai musim tidak hujan. Oleh itu, pengkaji telah menganalisis cerpen *Rumah Kami* terdapat latar masa iaitu musim kemarau yang mencerminkan idea pengarang untuk menyampaikan idea

kepada pembaca. Justeru itu, terdapat petikan yang menunjukkan latar masa di dalam cerpen tersebut, antaranya adalah:

“Ketika musim kemarau juga, kami dipunggah dari sungai dan tasik. Kami dibawa ke rumah masing-masing menggunakan tong yang besar. Di kawasan pertanian, telaga sementara digali. Dengan menggunakan enjin, kami disedut sepuas hati untuk menyiram pohon dan sayur yang sedang dahaga dan kekeringan. Itulah kisah kami pada saat manusia memerlukannya.”

(*Rumah Kami*, 38, Mukhtar Mustafa: Hlmn. 38)

Berdasarkan petikan di atas, air yang dilambangkan melalui kata ganti diri “kami” terpaksa dipindahkan dari sungai dan tasik ke rumah-rumah menggunakan tong besar, manakala telaga sementara digali di kawasan pertanian. Jelaslah bahawa, pengarang mencerminkan bahawa musim kemarau menjadi latar masa yang mencetuskan krisis air sehingga manusia menggunakannya secara berlebihan. Walaubagaimanapun, musim kemarau ini juga berpunca dari sikap masyarakat yang hanya mementingkan diri sendiri kerana telah lemas dalam kehidupan yang kini semakin maju. Oleh itu, pengarang memaparkan sifat manusia akan menghargai air jika berada dalam keadaan yang terdesak dan tidak menghargai keindahan alam semulajadi.

4.3.2.2 Waktu Subuh hingga Tengah Malam

Menurut Kamus Dewan Bahasa Edisi Keempat (2010), Subuh merujuk kepada waktu pagi ketika fajar sebelum terbit matahari dan subuh juga merupakan waktu untuk menunaikan sembahyang Subuh. Menurut

Shahnon Ahmad (1994), subuh dalam karya sastra sering ditampilkan sebagai detik kesedaran rohani dan kebangkitan jiwa, iaitu waktu manusia paling hampir dengan Tuhan dan dirinya sendiri. Subuh bukan sekadar waktu, malah ia menjadi lambang permulaan, keinsafan dan pembersihan batin. Walaubagaimanapun, malam pula merujuk kepada suasana yang sunyi dan dalam sastra, waktu malam membolehkan watak berfikir tentang diri, masa lalu dan makna kehidupan (Muhammad Haji Salleh, 2006). Oleh itu, pengkaji telah menganalisis latar masa melalui idea pengarang yang menggunakan waktu subuh hingga tengah malam untuk menggambarkan sudah menjadi rutin seseorang yang berkerja keras memulakan pekerjaannya dari subuh hingga ke larut malam. Oleh itu, petikan di bawah dapat membuktikan pernyataan tersebut, antaranya adalah:

“Bermula dari subuh hingga tengah malam berjumpa pengundi. Berceramah di dalam surau, melangkah masuk ke rumah pengundi, mendampingi pengundi muda di padang bola dan bersembang petang di kedai-kedai kopi.”

(*DUN Kuala Sungai Tiga*, 89, Mukhtar Mustafa: Hlmn. 89)

Berdasarkan petikan di atas, latar masa bukan medium yang berfungsi sebagai peristiwa yang berlaku dalam sesebuah penceritaan, malah ia juga berfungsi sebagai medium pengarang untuk menyampaikan idea tentang realiti perjuangan politik pada masa kini menuntut komitmen berbentuk masa, tenaga dan emosi. Oleh itu, waktu subuh melambangkan permulaan usaha dan harapan, manakala waktu tengah malam pula

menandakan keletihan serta tekanan yang dihadapi oleh watak. Jelaslah bahawa, pemikiran pengarang bahawa dunia politik bukan sekadar perjuangan idealisme, tetapi juga satu rutin kehidupan yang mencabar.

4.3.3 Latar Masyarakat

latar masyarakat pula berkaitan dengan individu atau kumpulan masyarakat yang terlibat dalam perkara yang diceritakan. Wacana dan konteks berada dalam hubungan yang erat di mana wacana menghuraikan konteksnya dan konteksnya membantu menafsirkan makna ucapan dalam wacana. Oleh itu, latar masyarakat yang terdapat di dalam Kumpulan Cerpen *Cahaya Dari Perabung* karya Mukhtar Mustafa ini dikenal pasti melalui watak-watak yang terkandung di dalam cerpen *Cahaya Dari Perabung* yang mengisahkan sekumpulan anak muda di Pekan Merendang menganggap kisah kejayaan Wan Saksa menawan puncak Gua Terajam serta menikmati pancaran cahaya matahari dianggap sebagai cerita rekaan.

4.3.3.1 Masyarakat yang mahir tentang alam semulajadi.

Masyarakat membawa maksud sebagai kumpulan manusia yang hidup bersama-sama di sesuatu keadaan mengikut peratauran dan undang-undang yang telah ditetapkan. Menurut Mana Sikana (2006), beliau menyatakan masyarakat adalah lingkugan sosial yang mencorak, nilai, pemikiran dan konflik yang digambarkan dalam sesebuah karya sastera.

Di samping itu, latar masyarakat iaitu masyarakat yang mahir tentang alam semulajadi terkandung di dalam cerpen *Cahaya Dari Perabung*. Oleh itu, pengkaji telah menyatakan petikan yang memaparkan idea pengarang melalui latar masyarakat, antaranya adalah:

“Mereka sekeluarga memang arif tentang hutan. Memanjat pohon tualang dan gua batu ketika mencari madu lebah sudah menjadi asam garam kehidupan mereka.”

(*Cahaya Dari Perabung*, 45, Mukhtar Mustafa: Hlmn. 45)

Petikan tersebut, telah memberi gambaran yang jelas tentang sesebuah masyarakat yang mahir tentang alam semulajadi melalui watak Wan Saksa dan keluarganya mahir tentang alam semulajadi. Pengkaji telah mengenal pasti bahawa kemahiran yang dimiliki oleh watak tersebut dimiliki secara bersama-sama. Ungkapan “sudah menjadi asam garam kehidupan mereka” pula menandakan bahawa kemahiran tersebut bukan dilakukan secara kebetulan, sebaliknya telah menjadi rutin dan budaya hidup masyarakat setempat. Oleh itu, latar masyarakat yang ditampilkan oleh pengarang menggambarkan masyarakat tradisional yang cekal dan berpengalaman yang boleh dijadikan sebagai tauladan hidup. Sekali gus, dapat mengukuhkan idea pengarang untuk menonjolkan nilai pengetahuan alam yang lahir daripada pengalaman dan warisan budaya.

4.3.3.2 Masyarakat yang Menjalankan Pertanian dan Penternakan

Menurut Kartini Anwar (2017), pertanian merupakan aktiviti manusia yang melibatkan pengolahan tanah, penanaman dan penjagaan tanaman sebagai sumber rezeki dan kehidupan harian, selain menjadi sebahagian daripada identiti sosial masyarakat Melayu tradisional. Dalam konteks sastera, pertanian sering digambarkan sebagai simbol kehidupan desa, ketekunan dan hubungan manusia dengan alam. Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2010), penternakan ialah aktiviti memelihara haiwan

seperti lembu, kerbau, kambing, ayam untuk dimanfaatkan daging, susu, telur, kulit atau produk lain. Menurut Abdul Rahman Haji Abdullah (2015), penternakan ialah “praktik memelihara haiwan ternakan bagi tujuan ekonomi, makanan, dan tradisi, yang turut membentuk corak kehidupan sosial dan budaya masyarakat Melayu. Hal ini selari dengan latar masyarakat yang terkandung di dalam cerpen Banjir Air Mata kerana watak Mat Seman dan isterinya, Mek Timah yang merupakan petani dan penternak lembu.

Berdasarkan petikan di bawah, pengkaji telah meneliti bahawa pengarang membawa unsur realiti kehidupan di dalam karya iaitu, sudah menjadi norma masyarakat di Kelantan masih lagi menjalankan kegiatan pertanian dan penternakan, antaranya adalah:

“Mat Seman tidak sanggup lagi peristiwa 2014 berulang. Peristiwa duka apabila 30 ekor lembunya dihanyutkan banjir”

(*Banjir Air Mata*, 2, Mukhtar Mustafa, Hlmn. 2)

Petikan tersebut menggambarkan bagaimana Mat Seman, sebagai seorang penternak lembu, mengalami kerugian besar akibat banjir pada tahun 2014, di mana 30 ekor lembunya hanyut. Kejadian ini menekankan bahawa penternakan bukan sekadar aktiviti harian, tetapi merupakan sumber pendapatan utama bagi beliau dan keluarganya. Hal ini mencerminkan masyarakat yang telah lama menjalankan kegiatan pertanian dan penternakan sebagai cara untuk mengekalkan kehidupan dan memenuhi keperluan ekonomi mereka. Aktiviti ini bukan sahaja memerlukan ketekunan dan kepakaran, malah turut membentuk identiti

sosial dan budaya mereka dalam konteks kehidupan desa. Selain itu, dengan menekankan pengalaman Mat Seman yang perlu memulihkan ternakannya selepas bencana, pengarang menunjukkan realiti kehidupan masyarakat yang bergantung sepenuhnya kepada hasil pertanian dan penternakan.

4.3.3.3 Masyarakat yang Pemurah

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2010), pemurah dedefinisikan sebagai seseorang yang suka memberi atau membelanjakan harta dengan murah hati, tanpa berkira. Dalam konteks masyarakat Melayu, sifat pemurah sering dipuji dalam karya sastera tempatan kerana ia melambangkan keikhlasan, keprihatinan terhadap orang lain, dan menjaga hubungan sosial yang harmoni (Abdullah, 2015). Definisi ini selaras dengan sifat pemurah yang ada dalam watak Nik Som dalam cerpen *Juadah Nik Som* iaitu gemar memberi sumbangan kepada masjid dari segi makanan.

Berdasarkan petikan yang diambil dalam cerpen *Juadah Nik Som*, jelas memaparkan bahawa cerpen mempunyai latar masyarakat yang pemurah, antaranya adalah:

“Assalammualaikum, datuk. Saya Hajah Nik Som. Saya ini penjual di bazar Ramadan. Oleh kerana masjid menganjurkan majlis berbuka puasa. Saya bawa kesemua juadah jualan saya ke sini untuk disedekahkan dan turut menyertai majlis berbuka.”

(*Juadah Nik Som*, 67, Mukhtar Mustafa: Hlmn. 67)

Berdasarkan petikan dari cerpen *Juadah Nik Som*, jelas bahawa masyarakat yang digambarkan bersifat pemurah. Tindakan Hajah Nik Som membawa juadah jualannya dari bazar Ramadan ke masjid untuk disedekahkan dan turut menyertai majlis berbuka puasa membuktikan sifat pemurah dalam kalangan penduduk mukim tersebut. Sifat pemurah ini bukan sahaja terbatas kepada pemberian harta benda atau makanan, tetapi juga mencerminkan keprihatinan dan tanggungjawab sosial terhadap komuniti. Tindakan tersebut membolehkan semua tetamu, termasuk anak mukim dan jemputan khas, menikmati hidangan tanpa mengira latar belakang, sekali gus menunjukkan bahawa kemurahan hati menjadi satu nilai penting dalam kehidupan masyarakat Melayu.

Di samping itu, pembaca dapat melihat bahawa kemurahan bukan sekadar amalan individu, tetapi juga diterjemahkan sebagai sebahagian daripada norma sosial yang memupuk perpaduan dan solidariti dalam komuniti. Dengan cara ini, pengarang berjaya menyampaikan mesej moral bahawa sifat pemurah adalah nilai yang patut dicontohi dan dipelihara dalam kehidupan seharian.

4.4 Pengalaman Mukhtar Mustafa dalam Menulis Kumpulan Cerpen *Cahaya Dari Perabung*.

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2010), pengalaman merujuk kepada sesuatu perkara yang dialami oleh seseorang individu dalam kehidupannya dan pengalaman itu dapat memberi kesan kepada seseorang. Menurut Arena Wati (1995), pengalaman sebagai hasil pergelutan manusia dengan realiti sosial, sejarah dan persekitaran yang kemudiannya diterjemahkan secara kreatif dalam karya sastera. Hal ini jelaslah bahawa, pengalaman hidup menjadi asas kepada kejujuran, konflik dan kekuatan naratif sesebuah karya.

Analisis dan dapatan kajian yang terakhir ini, pengkaji telah membuat sesi temubual bersama penulis Kumpulan Cerpen *Cahaya Dari Perabung* iaitu Mukhtar Mustafa. Melalui sesi temubual ini, pengkaji juga berpeluang dalam memahami dengan lebih mendalam tentang mesej yang ingin disampaikan dan pengalaman semasa menulis Kumpulan Cerpen *Cahaya Dari Perabung*. Di samping itu, Mukhtar Mustafa juga telah menjelaskan mesej yang disampaikan bukan hanya bertujuan sebagai pengajaran moral, sosial dan budaya malah, beliau ingin menggambarkan bahawa pengalaman beliau dan pandangan pengarang terhadap masyarakat. Oleh itu, pengkaji juga akan mengaitkan penelitian ini dengan Teori Teksdealisme melalui prinsip individualisme.

“Seterusnya, cerpen *Buldozer* pula mengisahkan tentang realiti kehidupan dan cerita ini merupakan kisah benar. Saya buat dalam bentuk satira kerana dia melibatkan tentang kepimpinan.”

(Sumber: Temubual, Mukhtar Mustafa, 2025)

Petikan diatas merujuk kepada lampiran temubual perkara 3, telah membuktikan bahawa petikan pengalaman sebenar pengarang telah diterjemahkan ke dalam teks melalui pendekatan satira yang menjadi ciri keperibadian kepengarangan beliau. Pendekatan ini mencerminkan prinsip individualisme dalam Teori Teksdealisme, iaitu keupayaan pengarang membina naratif berasaskan pengalaman dan pandangan peribadi yang unik, sekali gus membezakan gaya kepengarangan Mukhtar Mustafa daripada penulis lain. Pengalaman peribadi ini bukan sahaja membentuk kandungan cerita, malah menentukan cara isu kepimpinan dan kritikan sosial diolah secara simbolik dan tersirat, menjadikan cerpen *Buldozer* sebagai manifestasi jelas suara dan identiti kepengarangan pengarang.

Justeru itu, Mukhtar Mustafa lahir pada 10 Disember 1955 di Kampung Bakat Gual Periok, Pasir Mas, Kelantan. Beliau mula menulis sekitar tahun 1975 dengan genre puisi, cerpen dan drama radio. Antologi cerpen pertamanya ialah Wau Bulan Teraju Tiga terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) pada tahun 1980 dengan cerpen "Keazaman". Lebih 50 buah drama radio telah tersiar di stesen-stesen RTM Kuala Lumpur, Kota Bharu, Kuala Terengganu dan Kuantan. Beliau telah terlibat dalam 30 antologi puisi sejak tahun 1975 hingga tahun 2020.

Di samping itu, beliau merupakan pemenang Hadiah Sastera dan Bitara Kelantan pada tahun 2023, anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) dan Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan. Tambahan pula, beliau pernah bertugas sebagai pemberita di Pertubuhan Berita Nasional Malaysia dan akhbar rasmi Kerajaan Negeri, Sinar Kelantan sekitar tahun 1978-1990. Beliau juga menerbitkan Kumpulan Cerpen *Warna-warna Luka* melalui penerbitan sendiri, Penerbitan Mukhtar.

Seterusnya, penelitian ini akan dikaitkan dengan Teori Teksdealisme melalui prinsip individualisme yang terbahagi kepada beberapa ciri-ciri antaranya adalah stail individu, rekacipta individu, kendirian dan tindakan individu. Oleh itu, pengkaji juga telah menghasilkan soalan temubual berdasarkan ciri-ciri tersebut. Bukan itu sahaja, pengkaji juga akan meneliti pengalaman Mukhtar Mustafa dalam menulis Kumpulan Cerpen *Cahaya Dari Perabung*.

4.4.1 Gaya Penulisan Mukhtar Mustafa

Menurut Shahnnon Ahmad (1994), beliau menyatakan bahawa gaya bahasa yang disampaikan oleh pengarang menjadi trade-mark kepada sasterawan. Oleh itu, pengarang bagi kumpulan cerpen *Cahaya Dari Perabung* ini juga mempunyai gaya dan penyampaian mesej yang tersendiri. Berdasarkan temubual yang dijalankan bersama Mukhtar Mustafa, pengkaji telah menyediakan soalan yang berkaitan dengan stail individu seseorang penulis.

“Saya akan perkukuhkan dan gagahkan pada bahagian *intro* kemudian, saya pun terpengaruh *ending* cerpen saya banyak *sad ending* jarang *happy ending*.”

(Sumber: Temubual, Mukhtar Mustafa, 2025)

Berdasarkan lampiran temubual perkara 2, pengarang mempunyai satu kelainan yang sangat unik dan kebanyakan cerpennya banyak pengakhirannya dengan suspen, malah beliau menyerahkan kepada khalayak pembaca untuk menilai penceritaan sesuatu cerpen. Menurut Mukhtar Mustafa (2025), beliau menyatakan bahawa penghasilan Kumpulan Cerpen *Cahaya Dari Perabung* ini diinspirasi melalui adaptasi daripada kisah benar yang mengikut kesesuaian cerpen yang mempunyai plot, menimbulkan konflik dan jalan penyelesaian.

Bukan itu sahaja, pengarang juga memperkukuhkan idea dalam kumpulan cerpen ini melalui *intro* dan pengakhiran kumpulan cerpen pengarang juga akan berakhir dengan kesedihan dan elemem suspen yang akan mewujudkan persoalan kepada para pembaca. Terdapat petikan yang mempunyai pengakhiran suspen, antaranya adalah:

“Mek Timah terkaku dan kelu. Pusat pemindahan sementara sedang banjir dengan air mata”

(*Banjir Air Mata*, 9, Mukhtar Mustafa: Hlmn. 9)

Berdasarkan petikan di atas, jelas terbukti bahawa pengakhiran dalam cerpen *Banjir Air Mata* ini meninggalkan persoalan kepada khalayak pembaca. Oleh itu, dalam situasi ini pembaca tidak pasti sama ada watak Mat Seman masih hidup atau sudah meninggal dunia. Hal ini jelaslah bahawa, pengarang akan memastikan hasil penulisan cerpen beliau mempunyai nilai dan gaya yang tersendiri malah beliau juga ingin pembaca menilai hasil penulisan cerpen beliau. Dalam lampiran temubual perkara 2, telah membuktikan bahawa pengarang mempunyai gaya penulisan yang sangat unik dan mampu memberi kesan yang sangat besar dalam menyampaikan mesej kepada pembaca:

“Saya akan menekankan dua konsep sahaja, pertama saya adaptasikan cerpen saya dengan kisah sebenar tapi adaptasi ini disesuaikan dalam bentuk cerpen cerita pendek yang mempunyai plot, jalan cerita yang menarik, menimbulkan konflik dan penyelesaian konflik.”

(Sumber: Temubual, Mukhtar Mustafa, 2025)

Berdasarkan petikan temubual tersebut, telah menampilkan bahawa pengadaptasian kisah sebenar ke dalam bentuk cerpen yang berkonflik dan berplot

menarik menunjukkan keupayaan pengarang membina naratif berdasarkan pengalaman dan pemerhatian peribadi yang unik. Hal ini mengukuhkan lagi identiti kepengarangan Mukhtar Mustafa sebagai penulis yang bukan sekadar bercerita, malah membentuk wacana kesedaran sosial melalui gaya penulisan yang bersifat reflektif dan kritis.

4.4.2 Keperibadian Mukhtar Mustafa

Keperibadian Mukhtar Mustafa selari dengan ciri-ciri prinsip individualisme melalui kendirian individu *individual-self*. Melalui penelitian ini, pengkaji akan mengenal pasti watak pengarang. Menurut Mana Sikana (2006), beliau menyatakan bahawa setiap penulis mempunyai watak dan sifat tersendiri bukan itu sahaja, cara pembinaan sesuatu penulisan juga mempunyai gaya tersendiri. Watak merupakan rekaan imaginatif pengarang yang dibentuk berdasarkan realiti sosial dan budaya untuk menghidupkan peristiwa serta menguatkan tema sesebuah karya (Nordin Hassan, 1992). Oleh itu, pengkaji akan meneliti watak-watak yang digunakan oleh pengarang yang menggambarkan dirinya.

Justeru itu, Mukhtar Mustafa membina watak-watak di dalam Kumpulan Cerpen *Cahaya Dari Perabung* mengikut kesesuaian tajuk dan tema kesemua tajuk cerpen antaranya adalah cerpen *Juadah Nik Som*. Oleh itu, watak yang terdapat dalam cerpen tersebut adalah watak Hajah Nik Som yang merupakan seorang wanita yang menjual juadah tradisional dan ini bersesuaian dengan nama yang diberi. Walaubagaimanapun, penelitian ini mempunyai kaitan yang rapat dengan watak pengarang iaitu dari segi pemikiran, nilai dan pendirian beliau sendiri. Menurut Mukhtar Mustafa, temubual (2005), beliau tidak mencipta banyak watak sebagai contoh, dalam cerpen *Ara*, terdapat satu sahaja watak utama

yang terkandung dalam cerpen tersebut iaitu Ara yang merupakan pembantu rumah dan watak lain merupakan watak sampingan di dalam cerpen tersebut. Tegasnya, melalui watak dapat menggambarkan pengarang merupakan seorang yang mementingkan caya gaya yang disampaikan.

“Pemilihan nama watak itu sangat penting misalnya, dalam cerpen *Juadah Nik Som* ini sesuai kerana dia orang Kelantan, seorang wanita dan menjual kuih-muih tradisional tapi, kalau letak nama moden contohnya, Nadia, Maisarah ni tak sesuaih.”

(Sumber: Temubual, Mukhtar Mustafa, 2025)

Berdasarkan petikan diatas (Rujuk Transkrip 4 di Lampiran A), jelas memperlihatkan bahawa Mukhtar Mustafa mempunyai kendirian pengarang yang kukuh dalam membina watak, khususnya dari aspek pemilihan nama dan latar sosial watak. Pemilihan nama bukan dibuat secara rawak, sebaliknya lahir daripada pertimbangan identiti budaya, latar geografi dan realiti sosial masyarakat Kelantan yang sinonim dengan gelaran serta kegiatan menjual kuih-muih tradisional. Hal ini membuktikan bahawa pengarang menzahirkan pemikiran dan kepercayaannya sendiri dalam pembentukan watak, sejajar dengan prinsip individualisme yang menekankan keunikan pandangan serta suara peribadi pengarang.

Mukhtar Mustafa mempunyai kepribadian yang sangat luar biasa hal ini kerana, terdapat variasi baru dan perubahan yang dihasilkan oleh Mukhtar Mustafa. Menurut Mukhtar Mustafa, Temubual (2025), beliau telah menyatakan bahawa jarang penulis ingin menghasilkan karya bertemakan satira hal ini kerana ia melibatkan sesuatu pihak yang tinggi pangkatnya bahkan, mungkin ia boleh

berlaku dalam kalangan orang terdekat. Bukan itu sahaja, beliau juga memnghasilkan karya tema percintaan yang up-to-date akan tetapi beliau sudah kurang menghasilkan tema percintaan kerana faktor usia. Berikut merupakan perbualan Mukhtar Mustafa ketika temubual.:

“Satu lagi, jarang orang buat iaitu tema satira comtohnya Buldozer, Banjir Air Mata dan Hotel yang diwatakkan. Sekarang saya pun sedang buat kemarau, bagaimana kemarau terjadi dan saya kaitkan dengan manusia. Kita tak boleh menulis cerpen yang terlalu tradisional sangat.”

(Sumber: Mukhtar Mustafa, Temubual , 2025)

Di samping itu, kumpulan cerpen yang dihasilkan oleh Mukhtar Mustafa kebanyakan menggunakan sentuhan secara tidak langsung (Rujuk Transkrip 9 di Lampiran A) sebagai contohnya, dalam cerpen *Ara* yang merupakan seorang pembantu rumah tetapi kehidupan asalnya ada seorang yang miskin. Hal ini terbukti melalui pengarang sendiri, yang menyatakan bahawa Ara hanya membawa tiga pasang baju sahaja dan apabila berkerja di Malaysia majikannya membelikan pelbagai jenis baju dan apabila kontraknya tamat, beliau membawa kesemua baju yang dibeli oleh majikannya. Jelaslah bahawa, pengarang telah menyentuh secara langsung tentang isu kemiskinan dalam watak Ara.

“Dalam cerpen saya banyak, sentuhan secara tidak langsung, kritikan secara tidak langsung, kemarahan secara tidak langsung, kebaikan secara tidak langsung dan itulah pentingnya kandungan di dalam cerpen.”

(Sumber: Mukhtar Mustafa, Temubual, 2025)

Selain itu, pendekatan sentuhan secara tidak langsung yang diamalkan oleh Mukhtar Mustafa turut memperlihatkan keperibadian kepengarangannya

yang bersifat halus, berlapik dan simbolik. Pemilihan cara penyampaian ini membuktikan bahawa pengarang memiliki pendirian estetik tersendiri dalam menyampaikan kritikan sosial tanpa perlu bersifat lantang. Hal ini sejajar dengan prinsip individualisme yang menekankan kebebasan dan keunikan suara peribadi pengarang dalam membentuk gaya naratifnya. Melalui watak Ara, isu kemiskinan tidak dizahirkan secara terus, sebaliknya dihadirkan melalui perincian kehidupan watak seperti jumlah pakaian yang terhad serta perubahan gaya hidup selepas bekerja di Malaysia. Pendekatan ini bukan sahaja memperkukuh kesan emosi kepada pembaca, malah menonjolkan keupayaan pengarang mengolah realiti sosial ke dalam bentuk karya sastra yang bersifat peribadi, sekali gus mengukuhkan identiti kepengarangan Mukhtar Mustafa sebagai penulis yang mempunyai gaya, pemikiran dan naratif yang tersendiri.

4.4.3 Mesej Pengarang melalui Kumpulan Cerpen Cahaya Dari Perabung.

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2010), mesej adalah kata-kata yang disampaikan kepada seseorang individu bukan itu sahaja, mesej juga boleh berbentuk pengajaran yang ingin disampaikan dalam karya sastra dan lain-lain. Mesej yang terdapat di dalam sesebuah karya adalah pengajaran atau nilai yang ingin disampaikan kepada pembaca melalui watak, plot dan suasana cerita hal ini demikian kerana, ia mencerminkan nilai moral, sosial atau budaya yang perlu diutamakan dalam kehidupan manusia (Muhammad Haji Salleh, 2006). Jelaslah bahawa, mesej menjadi medium pengarang dalam menyampaikan nilai moral, sosial dan budaya kepada pembaca. Oleh itu, melalui Kumpulan Cerpen *Cahaya*

Dari Perabung pengarang berjaya menghubungkan tema-tema yang dikaji dengan pengajaran yang bermakna dalam realiti pembaca. Pengkaji telah mendapati, mesej-mesej yang disampaikan oleh Mukhtar Mustafa adalah seperti kritikan sosial dan nilai positif. Dalam lampiran temubual perkara 8, pengarang telah menjawab tentang cara pengarang menggunakan penulisan dalam mencerminkan pandangan peribadi dalam menyampaikan mesej:

" Kita perlulah berlembut supaya mereka tertarik kepada Islam. Yang kedua, kita jangan ciplak cerpen seseorang, nama pun perlu diubah mengikut kesesuaian."

(Sumber: Temubual, Mukhtar Mustafa, 2025)

Petikan temu bual ini memperlihatkan pendirian peribadi Mukhtar Mustafa dalam mengolah karya sebagai satu medium dakwah yang bersifat halus dan beretika. Penegasan beliau terhadap pendekatan berlembut dalam menarik masyarakat kepada Islam menunjukkan bahawa karya sastera bukan sekadar ruang estetika, malah menjadi wahana pembentukan nilai dan kesedaran rohani. Pendekatan ini mencerminkan prinsip individualisme dalam Teori Teksdealisme apabila pengarang menampilkan suara dan falsafah peribadi yang membentuk kecenderungan tema serta mesej dalam cerpen-cerpennya.

Menurut Harlina, Ainur dan Vebryanti (2020), menyatakan bahawa kegiatan plagiarisme atau penciplakan ini telah mula dari sejak sistem tulisan diperkenalkan. Oleh itu, penolakan terhadap perbuatan menciplak karya orang lain serta penegasan tentang keperluan mengubah nama dan konteks cerita menonjolkan kesedaran etika kepengarangan yang tinggi. Hal ini membuktikan bahawa Mukhtar Mustafa menekankan keaslian idea dan kejujuran kreatif sebagai asas dalam proses penghasilan karya. Keunikan pendirian ini mengukuhkan

identiti kepengarangan beliau sebagai penulis yang bukan sahaja kreatif, malah berprinsip, sekali gus membezakan gaya dan pemikiran beliau daripada penulis lain dalam dunia sastera.

Kritikan sastera merujuk kepada usaha yang dilakukan untuk menilai dan mengenal pasti karya sastera secara jujur dan sistematik (Hashim Awang, 1935). Menurut H.B Jassin (1991), kritikan adalah kata-kata yang diberikan yang disertakan dengan huraian tentang perkara yang ada di sesebuah karya sastera samada positif atau negatif. Tambahan pula, sosial pula membawa maksud sebagai segala perkara yang mempunyai kaitan dengan masyarakat. Oleh itu, di dalam Kumpulan Cerpen Cahaya Dari Perabung ni terdapat beberapa cerpen yang mengandungi aspek kritikan sosial antaranya adalah cerpen *Buldozer*, *Banjir Air Mata*, *DUN Kuala Sungai Tiga*, *Cahaya Dari Perabung* dan *Lilin Belum Terbakar*. Terdapat petikan yang mengandungi kritikan sosial antaranya adalah:

“Manakala Xixi tetap bertegas. Gua Terajam miliknya. Dia bebas mendaki dan akan melakukannya secara solo”

(*Cahaya Dari Perabung*, 49, Mukhtar Mustafa: Hlmn. 49)

Berdasarkan petikan di atas, jelas pengarang ingin menampilkan sikap masyarakat yang tidak mematuhi undang-undang sebelum mendaki ke Gua Terajam. Hal ini demikian kerana, dengan tidak mematuhi segala peraturan dan tidak menimba ilmu dengan seseorang yang lebih mahir tentang ilmu pendakian seperti malim gunung, mereka akan berisiko tinggi untuk menghadapi sebarang kemalangan yang tidak diingini berlaku. Hal ini jelaslah bahawa, setiap penulisan yang dihasilkan oleh pengarang mempunyai mesej pengajaran untuk disampaikan kepada khalayak pembaca.

4.5 Kesimpulan

Secara keseluruhannya, Bab 4 telah berjaya menghuraikan dan menganalisis pemikiran serta idea pengarang dalam *Kumpulan Cerpen Cahaya Dari Perabung* karya Mukhtar Mustafa secara terperinci dan sistematik. Analisis ini membuktikan bahawa karya tersebut sarat dengan kepelbagaian tema yang signifikan antaranya tema satira, perpisahan dan harapan, pengorbanan, percintaan, isu semasa, politik, kearifan tempatan, keinsafan dan nilai baik hati. Tegasnya, setiap tema bukan sahaja berfungsi sebagai elemen penceritaan, malah mencerminkan realiti kehidupan masyarakat serta pandangan kritis pengarang terhadap isu sosial, budaya dan kemanusiaan.

Selain itu, analisis turut menunjukkan bahawa pengarang berjaya memanfaatkan elemen latar tempat, masa dan masyarakat sebagai medium penyampaian idea. Latar rumah, sungai, gua dan desa bukan sekadar menjadi ruang fizikal, malah berfungsi sebagai simbol kepada nilai kekeluargaan, hubungan manusia dengan alam dan perubahan sosial yang berlaku dalam kehidupan masyarakat. Penggunaan latar ini memperkukuhkan mesej pengarang dan menjadikan karya lebih hidup serta dekat dengan pengalaman pembaca.

Akhir sekali, berdasarkan penelitian ini *Kumpulan Cerpen Cahaya Dari Perabung* bukan sekadar karya sastera kreatif, malah menjadi wadah kritikan sosial dan refleksi nilai kehidupan masyarakat pada masa kini. Melalui gabungan tema yang pelbagai, latar yang signifikan serta pengukuhan pemikiran melalui Teori Teksdealisme, pengarang berjaya menyampaikan mesej yang mendalam dan relevan kepada pembaca. Oleh itu, karya ini wajar diberi perhatian sebagai sebuah teks sastera yang bukan sahaja bernilai, tetapi juga kaya dengan pemikiran, pengalaman dan keprihatinan sosial.

BAB 5

RUMUSAN

5.1 Pendahuluan

Dalam bab 5, pengkaji akan memfokuskan kepada keseluruhan hasil kajian yang dibincangkan dalam bab 1 hingga bab 4, yang meneliti bagaimana kepengarangan Mukhtar Mustafa dalam Kumpulan Cerpen *Cahaya Dari Perabung* melalui Teori Teksdealisme. Berdasarkan analisis yang dihasilkan oleh pengkaji, bab ini akan merumuskan pemikiran yang diaplikasikan oleh Mukhtar Mustafa melalui tema bagi setiap tajuk cerpen yang dipilih dengan menggunakan prinsip pengukuhan. Oleh itu, pengkaji telah meneliti beberapa tema yang terkandung dalam kumpulan cerpen tersebut antaranya adalah tema politik, tema percintaan, tema isu semasa, kearifan tempatan dan tema satira. Pengkaji telah meneliti bahawa, tema dalam setiap cerpen merupakan pemikiran yang dihasilkan oleh pengarang dalam pada masa yang sama, pengarang telah menggambarkan kritikan sosial yang terdapat dalam setiap cerpen. Dengan itu, kesemua cerpen yang dihasilkan oleh Mukhtar Mustafa ini dapat menggambarkan bahawa penceritaan itu merupakan sebahagian dari pengalaman pengarang sendiri.

Di samping itu, kajian ini turut memperlihatkan bagaimana Mukhtar Mustafa menyampaikan ideanya kepada para pembaca melalui penerapan prinsip kehadiran. Melalui prinsip ini, pengarang mewujudkan unsur latar tempat, latar masa dan latar masyarakat yang hadir secara konsisten dan bermakna dalam teks. Kehadiran unsur-unsur tersebut berfungsi sebagai medium penyampaian idea dan mesej pengarang tanpa perlu dinyatakan secara terus, sebaliknya dizahirkan melalui situasi, suasana dan tindakan

watak. Hal ini membolehkan pembaca memahami pemikiran pengarang melalui pengalaman yang dihadirkan dalam penceritaan.

Justeru itu, pengkaji juga telah menggunakan prinsip individualisme dalam kajian ini untuk menganalisis idea pengarang dalam menyampaikan kepada pembaca. Oleh itu, pengkaji telah mengadakan sesi temubual bersama pengarang iaitu Mukhtar Mustafa untuk mengetahui secara terperinci tentang latar belakang, teknik penulisan, idea, nilai dan beberapa lagi maklumat yang mempengaruhi penghasilan cerpen dalam *Kumpulan Cahaya Dari Perabung*. Maklumat yang diperoleh ini berfungsi sebagai sokongan terhadap analisis teks, khususnya dalam memahami kecenderungan pemikiran yang dizahirkan oleh pengarang melalui karyanya.

5.2 Rumusan

Kajian ini telah membuktikan bahawa cerpen-cerpen dalam *Kumpulan Cerpen Cahaya Dari Perabung* karya Mukhtar Mustafa sarat dengan pemikiran dan gagasan yang bersifat kritis terhadap realiti sosial dan politik masyarakat. Dengan ini, pengkaji telah mengambil beberapa potongan petikan ringkas dari cerpen untuk menganalisis bahagian tertentu iaitu bagaimana pengarang menyampaikan pemikirannya melalui kumpulan cerpen ini dan menghasilkan naratif yang kukuh dan kuat. Oleh itu, Mukhtar Mustafa yang lahir di Kampung Bakat Gual Periuk, Pasir Mas, Kelantan pada 10 disember 1955 yang mula menulis sekitar tahun 1975 dengan genre puisi, cerpen dan drama radio dan latar belakang ini merupakan sebahagian dalam mencorak pemikiran dan pengalaman beliau dalam menghasilkan *Kumpulan Cerpen Cahaya Dari Perabung*. Hal ini kerana, kebanyakan cerpen-cerpen yang dihasilkan oleh beliau adalah dari pengalaman beliau sendiri contohnya pengakhiran cerpen beliau biasanya diakhiri dengan kesedihan atau suspen dan itu adalah merupakan pengalaman penulisan pembacaan. Bukan itu sahaja,

beliau juga menterjemahkan pengalaman beliau dengan menghasilkan cerpen yang bertemakan percintaan, satira, politik, kearifan tempatan dan sebagainya.

Secara keseluruhannya, kumpulan cerpen *Cahaya Dari Perabung* ini mengandungi 14 tajuk cerpen yang menampilkan realiti kehidupan kini seseorang individu bahkan, terkandung nilai yang boleh memberi kesedaran kepada khalayak pembaca misalnya, cerpen *Cahaya Dari Perabung* yang mengisahkan pendaki yang mementingkan diri sendiri malah, mendaki tanpa adanya malim gunung dan akhirnya berlaku kemalangan dan dari situ pembaca boleh mengetahui bahawa kita perlu sentiasa berilmu dalam melakukan apa sahaja tindakan. Tambahan pula, cerpen ini juga merupakan pengalaman sebenar pengarang dan beliau pernah merasai keindahan cahaya di Gua Ikan, Dabong. Kesemua cerpen yang terkandung di dalam kumpulan cerpen tersebut, bukanlah mencerminkan pengalaman hidup pengarang tetapi, ingin menyampaikan nilai dan kritikan sosial yang terkandung di dalam setiap cerpen kepada pembaca. Justeru itu, pengkaji juga telah mengaplikasikan Teori Teksdealisme untuk meneliti pemikiran pengarang melalui prinsip pengukuhan, mengkaji cara pengarang menyampaikan idea melalui prinsip kehadiran dan akhir sekali adalah, menganalisis idea pengarang melalui prinsip individualisme melalui temubual. Pengarang aktif dalam penghasilan cerpen jadi setiap karyanya mempunyai hubungkait yang sangat rapat dengan sosial, isu semasa dan politik.

Selain itu, pemikiran pengarang yang unik turut memberikan kelinan dalam setiap penulisan yang dihasilkan misalnya, penulisan beliau sering bersifat gagah dan kukuh dari segi permulaan penceritaan dan banyak menyerahkan kepada pembaca untuk menilai dan bukan itu sahaja, dalam karya beliau akan hanya ada pengakhiran yang sedih atau meninggalkan persoalan kepada pembaca. Hal ini jelas bahawa, pengarang amat mementingkan naratif yang berkualiti dalam penceritaan dan beliau juga akan meletakkan

unsur logik dalam penceritaan hal ini selaras dengan perkara yang ingin disampaikan oleh pengarang kerana kumpulan cerpen ini mempunyai banyak kritikan sosial yang memberi kesedaran kepada pembaca.

5.3 Implikasi Kajian

Melalui kajian ini, pengkaji telah mendapati bahawa Mukhtar Mustafa telah menyampaikan pelbagai pengajaran dan nilai yang penting dalam masyarakat. Cerpen-cerpen yang dihasilkan oleh beliau banyak menghasilkan tema satira yang digunakan sebagai medium sindiran kepada khalayak pembaca. Hal ini jelas menunjukkan bahawa, cerpen-cerpen beliau banyak kaitan dengan dengan kritikan sosial dan ini boleh menjadi penduan dalam menghadapi cabaran sosial. Oleh itu, pengajaran yang dititikberatkan ini bukan sahaja boleh diguna pakai malah ia penting untuk kesejahteraan masyarakat. Selain itu, pengarang juga akan menggunakan perkara yang logik agar pembaca lebih mudah untuk menghayati sesebuah naratif dalam sesuatu cerpen. Dalam pada masa yang sama, hal ini juga mampu memberi kesedaran kepada pembaca betapa pentingnya untuk memperbaiki sosial agar menjadi lebih baik. Tambahan pula, Mukhtar Mustafa sangat berpengaruh dalam menghasilkan karya melalui pengalaman beliau sendiri. Hal ini demikian, dapat memberi kesan yang sangat besar terhadap pembaca kumpulan cerpen ini.

Di samping itu, pengarang juga telah memaparkan bahawa identiti masyarakat perlu dijaga dan dipelihara agar nilai, adat serta warisan budaya tidak terhakis oleh perubahan zaman dan tekanan pembangunan. Melalui penceritaan yang berteraskan realiti kehidupan masyarakat setempat, pengarang menegaskan kepentingan mempertahankan jati diri komuniti daripada pengaruh kepentingan kuasa, sikap materialistik dan budaya luar yang berpotensi meruntuhkan nilai kemasyarakatan.

Gambaran ini memperlihatkan bahawa pemeliharaan identiti masyarakat bukan sahaja menjadi tanggungjawab individu, malah merupakan satu usaha kolektif bagi memastikan kesinambungan warisan sosial dan budaya terus terpelihara dalam kehidupan generasi akan datang. Selain itu, dapatan kajian ini turut memberi implikasi terhadap kajian kepengarangan dengan menunjukkan bahawa pengalaman hidup pengarang mempunyai pengaruh yang mendalam terhadap pembentukan naratif dan pemikiran dalam teks. Melalui prinsip pengukuhan dalam Teori Teksdealisme, pengulangan konflik, simbol serta peristiwa yang berakar daripada realiti kehidupan pengarang telah berfungsi untuk mengukuhkan tema. Hal ini sekali gus, dapat membantu pengkaji lain memahami bahawa pengalaman hidup bukan sekadar latar peribadi, malah menjadi sumber penting yang membentuk struktur penceritaan, pemilihan tema dan kecenderungan ideologi dalam karya sastera.

Selain itu, kajian ini turut memberi implikasi terhadap bidang pendidikan, khususnya dalam pengajaran dan pembelajaran kesusasteraan Melayu. Cerpen-cerpen dalam *Kumpulan Cahaya Dari Perabung* sesuai dijadikan bahan pengajaran kerana mengandungi nilai moral, sosial dan politik yang dapat membentuk pemikiran kritis dalam kalangan pelajar. Oleh itu, kajian ini diharapkan dapat menyumbang kepada usaha memperkasa penghayatan sastera sebagai medium pembentukan sahsiah dan kesedaran sosial dalam kalangan generasi muda.

5.4 Cadangan Kajian

Walaupun kajian ini telah mencapai objektif yang telah ditetapkan, masih terdapat beberapa ruang penambahbaikan yang boleh diterokai dalam kajian lanjutan. Setiap aspek yang dianalisis dalam kajian ini membuka peluang kepada pengkaji lain untuk memperluas skop perbincangan, memperdalam lagi dimensi teori serta memperkayakan

pendekatan metodologi. Oleh itu, pengkaji akan mencadangkan beberapa cadangan kepada pengkaji lain yang berminat. Justeru itu, cadangan kajian lanjutan dikemukakan bagi memperkukuh kefahaman terhadap kepengarangan Mukhtar Mustafa serta memperluas wacana kajian sastera Melayu kontemporari secara lebih menyeluruh dan berimpak.

5.4.1 Penghasilan Jurnal Analisis Pengalaman Pengarang

Pengkaji seterusnya boleh melaksanakan cadangan ini dengan menghasilkan jurnal analisis mengenai pengalaman hidup pengarang iaitu Mukhtar Mustafa dan menjelaskan bagaimana pengalaman tersebut diterjemahkan ke dalam bentuk karya. Jurnal sebegini juga boleh dijadikan sumber rujukan oleh pelajar peringkat sekolah menengah dan universiti, terutamanya dalam bidang sastera, kerana ia menunjukkan hubungan erat antara pengalaman pengarang dengan naratif yang dihasilkan. Penulisan Mukhtar Mustafa dalam *Cahaya Dari Perabung* dapat dianalisis dalam konteks latar belakang kehidupan beliau sebagai pengarang, yang secara langsung mempengaruhi pemilihan tema, konflik dan pengolahan cerita dalam cerpen-cerpennya.

Selain itu, penghasilan jurnal ini berpotensi memperkukuh kefahaman akademik tentang kepengarangan, khususnya dalam menekankan prinsip individualisme dalam Teori Teksdealisme. Dengan adanya dokumentasi dan analisis berstruktur tentang pengalaman hidup pengarang, pengkaji lain dapat melihat secara jelas bagaimana pengalaman, nilai, latar sosial dan budaya pengarang membentuk tema, watak dan konflik dalam naratif. Jurnal sebegini juga boleh dijadikan panduan metodologi bagi kajian kepengarangan yang lain,

membolehkan pengkaji menilai hubungan antara pengalaman peribadi pengarang dan kandungan teks secara lebih sistematik dan berasaskan bukti.

Terdapat manfaat dalam menghasilkan jurnal ini, bukan sahaja terbatas kepada bidang akademik, malah dapat digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran kesusasteraan Melayu, di mana pelajar boleh mengaplikasikan analisis pengalaman pengarang untuk memahami cara naratif dibentuk dan diaplikasikan dalam penulisan kreatif mereka sendiri. Hal ini menunjukkan bahawa penghasilan jurnal sebegini bukan sahaja menyumbang kepada wacana kepengarangan, malah membentuk medium pendidikan yang berkesan untuk generasi pelajar akan datang.

5.4.2 Mengaplikasikan Teori Teksdealisme dalam Analisis Sastera.

Pengkaji lain dicadangkan untuk mengaplikasikan Teori Teksdealisme dalam analisis sastera, khususnya prinsip pengukuhan dan individualisme, bagi memperluas pemahaman terhadap kepengarangan dan pembentukan naratif dalam karya sastera. Pendekatan ini membolehkan pengkaji menilai dengan lebih mendalam hubungan antara pengalaman peribadi pengarang, pembangunan watak, konflik dan tema yang terkandung dalam teks. Selain itu, kajian lanjutan menggunakan teori ini juga dapat membuka ruang bagi perbandingan antara karya pengarang lain, serta mampu memperkayakan wacana akademik dalam kajian sastera Melayu.

Selain itu, pengaplikasian Teori Teksdealisme juga membolehkan pengkaji lain menilai hubungan antara konteks sosial, budaya dan pengalaman

hidup pengarang dengan struktur naratif dan mesej yang disampaikan dalam karya. Dengan menggunakan prinsip pengukuhan, pengkaji dapat mengenal pasti bagaimana peristiwa, simbol dan konflik dalam teks berfungsi untuk menguatkan tema dan gagasan pengarang, manakala prinsip individualisme membantu menekankan keunikan pengalaman peribadi pengarang yang membentuk gaya dan pilihan naratif. Pengaplikasian Teori Teksdealisme ini bukan sahaja memperluas pemahaman terhadap karya tertentu, malah dapat dijadikan model metodologi bagi kajian kepengarangan dan analisis sastera yang lain. Sekali gus, menyumbang kepada pengembangan teori sastera secara lebih sistematik.

5.4.3 Memperbanyakkan Kajian Mengenai Penulis

Pengkaji mencadangkan agar pihak kerajaan, khususnya melalui agensi berkaitan kesusasteraan, memainkan peranan dalam memperbanyakkan lagi kajian terhadap karya dan kepengarangan Mukhtar Mustafa bagi memastikan khazanah sastera tempatan yang sarat dengan nilai sosial, politik dan budaya terus didokumentasikan, dikaji dan diperkenalkan kepada generasi baharu. Melalui sokongan dana penyelidikan, penerbitan jurnal serta penganjuran seminar ilmiah, usaha ini bukan sahaja dapat memperluas wacana akademik, malah memelihara warisan pemikiran pengarang sebagai sebahagian daripada identiti kebangsaan, di samping menggalakkan penglibatan pengkaji dan pelajar dalam kajian kepengarangan serta memperkasa bidang kesusasteraan Melayu dan pembangunan pemikiran kritikal masyarakat.

Selain itu, peranan kerajaan juga penting dalam mengukuhkan kepengarangan Mukhtar Mustafa dalam konteks pembaca moden masa kini. Karya-karya beliau yang lebih menekankan kritikan sosial, satira dan isu semasa

berbanding tema percintaan memperlihatkan kerelevanan yang tinggi dengan realiti masyarakat moden pada masa kini. Oleh itu, usaha memperbanyakkan kajian, penerbitan dan dokumentasi terhadap karya beliau dapat membantu menonjolkan nilai pemikiran kritikal yang dibawa oleh pengarang ini, sekali gus memastikan suara kritikan sosial yang dibina melalui sastera terus kekal relevan dan sampai kepada generasi pembaca masa kini. Pendekatan ini bukan sahaja memperkukuh kedudukan Mukhtar Mustafa sebagai penulis yang peka terhadap realiti sosial dan politik, malah menyumbang kepada pembinaan wacana sastera yang lebih kritis, matang dan berfungsi sebagai medium kesedaran sosial dalam landskap sastera Melayu moden.

5.4.4 Perbandingan Kepengarangan Mukhtar Mustafa dengan Penulis lain.

Sebagai cadangan terakhir, pengkaji mencadangkan agar kajian lanjutan dijalankan dalam bentuk perbandingan kepengarangan Mukhtar Mustafa dengan penulis sastera tempatan yang lain, khususnya penulis yang turut mengangkat tema satira, politik dan realisme sosial. Hal ini kerana, perbandingan ini penting bagi meneliti persamaan dan perbezaan dari segi falsafah kepengarangan, kecenderungan tema, teknik penceritaan serta pendekatan kritikan sosial yang digunakan oleh setiap pengarang. Melalui perbandingan ini, kedudukan Mukhtar Mustafa dalam sastera Melayu dapat dikenal pasti dengan lebih jelas, sama ada dari segi keunikan gaya penulisan, pemikiran ideologi atau keberkesanan penyampaian mesej kepada pembaca.

Kajian perbandingan ini juga membolehkan pengkaji menilai sejauh mana karya Mukhtar Mustafa mencerminkan realiti sosial semasa berbanding karya penulis lain, di samping melihat tahap kerelevanan pemikiran kritikal yang diketengahkan kepada pembaca moden. Pendekatan ini berpotensi memperkayakan wacana kepengarangan, mengembangkan perspektif kritikan sastera serta membantu memperkukuh pemahaman terhadap peranan sastera sebagai medium kesedaran sosial dalam masyarakat.

5.5 Kesimpulan

Secara keseluruhannya, kajian ini membuktikan bahawa kepengarangan seseorang penulis dalam sesebuah karya memainkan peranan yang sangat penting dalam membentuk naratif yang berkualiti tinggi dan mampu menarik banyak perhatian pembaca. Dengan pengaplikasian Teori Teksdealisme, pengkaji dapat mengkaji dengan sangat berkesan dalam menganalisis hubungan antara kepengarangan Mukhtar Mustafa dengan cerpen-cerpen dalam Kumpulan cerpen *Cahaya Dari Perabung*. Hal ini kerana, setiap cerpen yang dihasilkan oleh Mukhtar Mustafa penuh dengan pengalaman sebenar dan pengalaman pembacaan beliau sendiri bukan itu sahaja, beliau juga menggunakan unsur logik supaya dapat mengekalkan kehadiran pengarang dalam setiap cerpan yang dihasilkan melalui tempat, masa, budaya dan politik. Oleh itu, dengan teknik yang dihasilkan ini bukan sahaja memberikan keaslian terhadap karya, tetapi ini menggambarkan penulis dekat dengan pembaca. Sekali gus, keakraban ini menjadikan karya beliau lebih mudah difahami serta relevan dengan realiti kehidupan masyarakat masa kini. Di samping itu, penggunaan unsur kritikan sosial dan satira dalam cerpen-cerpennya turut memperlihatkan keberanian pengarang dalam menyuarakan isu-isu sensitif yang berlaku dalam masyarakat, sekali gus berfungsi sebagai medium kesedaran sosial kepada pembaca. Pendekatan ini membuktikan bahawa Mukhtar Mustafa bukan sekadar berkarya untuk tujuan estetika, malah menggunakan sastera sebagai ruang intelektual untuk menegur, mendidik dan membentuk pemikiran masyarakat secara halus tetapi berkesan.

RUJUKAN

- Abdul Halim Ali. (2011). Proses kreativiti A. Samad Said berasaskan Teori Teksdealisme (Creativity process of A. Samad Said based on Textdealism Theory). *Jurnal Melayu*, 6, 153–168.
- Abdul Halim Ali. (2013). Teksdealisme dalam cerpen Melayu: Satu pengamatan awal.
- Abdul Halim Ali. (2015). Wacana teori dan kritikan sastera. NHA
- Abdul Rahman Haji Abdullah. (2015). *Kehidupan masyarakat Melayu melalui sastera desa*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ahmad Mahdzan Ayob. (1993). *Pengenalan kepada metodologi penyelidikan sains sosial*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ahmad Nizamuddin Sulaiman. (2002). Budaya politik dalam masyarakat majmuk di Malaysia. Dalam Abdul Monir Yaacob dan Suzalie Mohamad (pnyt). *Etika dan budaya berpolitik dari perspektif Islam*. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia.
- Ahmad, N. A., & Mohd Hanafiah, H. A. (2019). Pemikiran Islam Dalam Konteks Sosioekonomi Dalam *Kumpulan Cerpen Cahaya Pelita* Nurani: Islamic Thought In The Context Of Socio-Economics In The Short Story Of Cahaya Pelita Nurani. *Jurnal Pengajian Melayu (JOMAS)*, 30(1), 167–187. Retrieved from <https://ejournal.um.edu.my/index.php/JPM/article/view/21229>.
- Ali Ahmad. (1994). *Pengantar Kesusasteraan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan
- Ang, K. H. (2016). *Kaedah penyelidikan sains sosial dan pendidikan*. Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Arena Wati. (1995). *Sastera dan kemanusiaan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Awang, H., & Ismail, H. (2016). Minda pengarang Melayu: Melestarikan hubungan antar-budaya Melayu-Jawa dalam *Sulalat al-Salatin*. *MANU: Jurnal Pusat Penyelidikan dan Pengembangan Melayu*, 23, 1–20.
- Ayob, U. (2022). Cerpen-cerpen terpilih Rejab F.I. dalam perspektif Teori Pengkaedahan Melayu. Universiti Sains Malaysia.
- Beden, S. (2019). Prinsip kehadiran dalam novel-novel Jong Chian Lai: Analisis teksdealisme. *PENDETA: Journal of Malay Language, Education and Literature*, 10, 36–56. <https://doi.org/10.37134/pendeta.vol10.4.2019>.
- Bogdan, R. C., & Taylor, S. J. (2004). *Introduction to qualitative research methods: A phenomenological approach to the social sciences*. New York, NY: John Wiley & Sons.

- Deean Sastera. (2023, Jun 27). Ke Mana Hala Perbincangan Mana Sikana Tentang Lambakan Puisi?. <https://dewansastera.jendeladbp.my/2023/06/27/9749/>.
- Dewan Sastera. (2022, Mei 17). Nazel Hashim Mohamad Bukan Pengarang Sembarangan. <https://dewansastera.jendeladbp.my/2022/05/17/3653/>.
- Dewan Sastera. (2023, Januari 17). Melalui Fikrah Sastera Berdasarkan Horozon Teksdealisme. <https://dewansastera.jendeladbp.my/2023/01/17/7611/>.
- Dilah Tuah. (2022). Sastera rakyat daripada perspektif kearifan tempatan dan potensinya kepada pelancongan budaya di Sarawak. *Akademika*, 92(2), 153–168. <https://doi.org/10.17576/akad-2022-9202-12>
- Dr Abdul Rahman Napiah. (2006). *Teori Sastera Teksdealisme*. Singapura. Pustaka Karya.
- Fatimah Abdullah. (2009). *Evolusi rumah dan kehidupan keluarga*. Sari – International Journal of the Malay World and Civilisation, 27(2), 247–263.
- Ghazali Din. (2019). Naluri kemasyarakatan dalam penciptaan kumpulan cerpen Song of September karya Malim Ghazali Pk [The instinct of society in creating short story titled “Song of September” by Malim Ghazali Pk]. *Jurnal Antarabangsa Persuratan Melayu (RUMPUN)*, 7, 217-246.
- Harlina Syofyan, Ainur Rosyid dan Vebryanti. (2020). Hasil Identifikasi Pemindaian Uji Kesamaan Skripsi Mahasiswa. *Eduscience: Jurnal Ilmu Pendidikan*.
- Ismail, N., Abdullah, M. A. R., Abdul Rahim, N., & Kamarudin, K. (2020). Elemen latar dalam novel thriller *Legasi Tombiruo*. *Infrastructure University Kuala Lumpur Research Journal*, 8(1), 67.
- Kamus Dewan Edisi Keempat. (2010). Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Dewan Edisi Keempat. (2016). Dewan Bahasa dan Pustaka
- Kamus Dewan Edisi Ketiga. (2002). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kartini Anwar. (2017). *Pemikiran dan Gaya Mengarang Raja Ali Haji*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Keraf, A.S. 2010. *Etika Lingkungan Hidup*. Penerbit Buku Kompas.
- Kerlinger, F. N. (1973). *Foundations of behavioral research* (2nd ed.). Holt, Rinehart and Winston.
- Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mahamad, M.R., & Din, G. (2020). Keunggulan kepengarangan novel-novel terpilih Anwar Ridhwan [The writing breakthrough of Anwar Ridhwan’s selected novels]. *PENDETA Journal of Malay Language, Education and Literature*, 11 (1), 68-87. <https://doi.org/10.37134/pendeta.vol11.1.5.2020>

- Mana Sikana. (2005). *Teori dan kritikan sastera Malaysia dan Singapura*. Pustaka Karya.
- Mana Sikana. (2006). *Teori sastera kontemporari*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mana Sikana. (2024, Ogos 11). Belajar Menulis Genre Baharu. Sinar Harian.
- Mat Nor, N. H. (2020). Keberanian dan Proses Kreatif dalam Kepengarangan Osman Ayob Menenrusi *Novel Empangan Tugal* International Journal of Humanities, Philosophy and Language, 3 (11), 10- 18.
- Mawar Safei. (2019). *Pemikiran Saterawan Negara Anwar Ridhwan*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Faradi Mohamed Ghazali (2022) *Teknik kepengarangan Baha Zain dalam puisi kemanusiaan terpilih berdasarkan teori teksdealisme*. Doctoral thesis, Universiti Malaysia Kelantan.
- Mohd Sarji, Kasmaizun Enuni (2018) *Unsur alam dalam kumpulan cerpen pilihan Siti Zainon Ismail*. Doctoral thesis, Universiti Putra Malaysia.
- Mohd. Hapiz Mahaiyadin and Khalijf Mu'ammam A. Harris, 'Pertembungan Tamadun Islam Dan Tamadun Barat: Di Mana Letaknya Konflik?'. *Esteem Academic Journal*, 5.2 (2009), 241–55.
- Mohd Sidin Ahmad Ishak (1999). Keterampilan Menulis. Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur.
- Muhammad Haji Salleh. (2006). *Puitika sastera Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhammad Haji Salleh. (2021). *Puitika Sastera Melayu*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mukhtar Mustafa. (2024). *Cahaya dari Perabung*. Persatuan Penulis Nasional Malaysia (PENA).
- Musa, M. F. (2023). Pengkajian Prinsip Pelanggaran Teori Teksdealisme dalam Teks Drama Renjong. *Jurnal Peradaban Melayu*, 18(8), 27 – 39. <https://doi.org/10.37134/peradaban.vol18.2.3.2023>.
- Musa, M. F. (2024). Keunggulan Kepengarangan Drama Renjong Berasaskan Prinsip Kehadiran Teori Teksdealisme. *Jurnal Peradaban Melayu*, 19(1), 28–40. <https://doi.org/10.37134/peradaban.vol19.1.3.2024>.
- Noor Faizah Aziz, Jamaluddin Md. Jahi, Kadir Arifin & Aziz Ujang. (2014). Pengaruh Adat Resam, Kepercayaan dan Kebudayaan 215 terhadap Pembinaan Rumah Melayu Tradisional. *International Journal of the Malay World and Civilisation* (Iman), 2(2), 2014: 105 – 111.
- Normaliza Abd Rahim (2019). *Kajian Wacana dan Strategi Komunikasi: Teori dan Aplikasi*. Universiti Malaysia Terengganu.

- Norsuhaila. (2016). *Cerpen-Cerpen WADAH (1986 – 2013): Satu Analisis Struktural*. Universiti Malaysia Sabah.
- Nur Hamizah, M. Y. (2024). *Keunggulan Pengarang Dalam Mengangkat Unsur Pendidikan Sastera Menerusi Koleksi Cerpen Terpilih KOMSAS: Satu Penelitian Teksdealisme*. Universiti Malaysia Kelantan.
- Nurain Adha. (2024). *Keunggulan Kepengarangan dalam Novel Aku Bukan Raja Karya Raja Abdul Rahman Raja Basok Menerusi Teori Teksdealisme*. Universiti Malaysia Kelantan.
- Othman Puteh. (1999). *Penulisan Cerpen Visi dan Langgan*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Pusat Rujukan Persuratan Melayu. Dewan Bahasa dan Pustaka. <https://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=duka>
- Rahayu, A. (2021). *Kepengarangan dan Individualiti Rahman Shaari dalam Puisi Berdasarkan Teori Teksdealisme dan Stilistik*. Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Raj, S. V., & Annamalai, M. D. M. A. R. (2020). Menelusuri watak-watak wanita dalam kumpulan cerpen *Ammavuku*: Satu kajian subaltern. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 4(4), 147–154. <https://doi.org/10.33306/mjssh/104>.
- Shahnon Ahmad. (1979). *Gubahan Novel*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Shahnon Ahmad. (1994). *Pengalaman ilmu, imaginasi dan kitarannya*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Shahnon Ahmad. (1994). *Sastera sebagai pengalaman*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Shahnon Ahmad. (1994). *Sastera sebagai seismograf kehidupan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sidek Mohd Noah. (2010). *Reka bentuk penyelidikan: Falsafah, teori dan praktis*. Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Smiaty Amat, dan Roziyah Adama, (2021) *Dunia hampir bergabung dalam kumpulan cerpen Laron oleh Jasni Matlani: satu bacaan realisme magis*. *AKADEMIKA*, 91 (1). pp. 15-23. ISSN 0126-5008.
- Sohaimi Abdul Aziz. (1998). *Rasa fenomenologi: Penerapan terhadap karya A. Samad Said*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Suliman, M. S., Mohd Nor, S. N., AB Jabar, N., Zakaria, N., Xuan, L. Y., & Afandi, A. S. (2023). Pembinaan Teori Teksdealisme dan Penelitian Terhadap Karya Puisi Konkrit. *International Journal of Creative Future and Heritage (TENIAT)*, 11(1), 37–53. <https://doi.org/10.47252/teniat.v11i1.981>
- Susan R. Horton (1993). *Penulisan: Cetusan Fikiran (terjemahan)*. Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur.

- Talib Samat. (2004). *Memahami Isu-Isu Kesusasteraan Kebudayaan, Pemikiran dan Pendidikan*. Karisma Publications Sdn Bhd.
- Tallaksen L. M. & Van Lanen H. A. J. (2004) Key aspects of low flow and drought. Würzburg workshop on "Low flow and Droughts", 63 pp
- Tengku Mohd. Ali, T. I. M., Madiawati Mamat@Mustaffa, & Hasan, F. (2017). *Novel novel Faisal Tehrani dari perspektif Teksdealisme* (Faisal Tehrani's novels from Teksdealism perspective). *Jurnal Pengajian Melayu*, 28, 1–15.
- Usman Awang. (1992). *Tema dan Tugas Kesusasteraan Melayu Moden*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Wan Khairul Faiz, Wan Kamarull Ariffin. (2019). *Analisis Cerpen-Cerpen Terpilih Di Dalam Kumpulan Cerpen Bidadari Burung Dengan Menggunakan Teori Pengkaedahan Melayu*. Final Year Project thesis, Universiti Malaysia Kelantan (UMK).
- Za'ba. (2002). *Ilmu Mengarang Melayu*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zain, Z. M. (2021). *Budaya politik masyarakat Melayu: Satu analisis*. GEOGRAFIA Online: Malaysian Journal of Society and Space, 17(1), 297–311.
<https://doi.org/10.17576/geo-2021-1701-22>
- Zakaria, N. (2020). Konsep Kepengarangan Melayu Tradisional Dan Peranan Penceritaan. *Jurnal Pengajian Melayu (JOMAS)*, 25(1), 159–179.

Lampiran A

Latar Belakang Informan

Nama Informan	Mukhtar Mustafa
Peranan	Penulis Kumpulan Cerpen Cahaya Dari Perabung
Tarikh / Hari Temubual	12 November 2025
Masa Temubual	11:30 Pagi hingga 1:00 Petang
Lokasi	Perpustakaan Awam Kelantan, Kota Bharu, Kelantan.

Transkrip Temubual bersama Pengarang

Soalan 1 : Boleh tuan ceritakan sedikit latar belakang tuan Mukhtar Mustafa dan perkembangan yang tuan sekarang?

Jawapan 1 : Bismillahirrahmanirahim, Assalamualaikumwarahmatullahiwabarakatuh, saya Mukhtar Mustafa telah terlibat dalam penulisan kreatif seperti cerpen, sajak kemudian, pantun, drama radio dan sir-siri travelog, secara aktif dalam tahun 2019. Walaupun, saya ni menulis awal lagi ketika saya tingkatan 5 pada tahun 1975, tapi saya berhenti bila saya mendapat kerja. Secara keseluruhannya, saya telah memiliki tiga kumpulan cerpen sebelum Cahaya Dari Perabung. Kumpulan cerpen saya yang pertama adalah *Rumah Kenangan*, kedua *Warna-Warna Luka* dan yang ketiga ialah inilah *Cahaya Dari Perabung* yang karyanya saya seorang sahaja, tetapi dalam antologi yang bergabung dengan penulis lain sudah banyak dan untuk menjawab soalan Shafnie tadi, saya sedang menulis kumpulan cerpen baru untuk tahun 2026 supaya kita tidak putus berkarya. Seorang penulis ini bukan memiliki semangat hangat-hangat tahi ayam, tak boleh semangat kita perlu berterusan, soal karya kita diterima di dalam akhbar atau majalah kita mesti menulis. Sekarang ni kalau nak harapkan dalam

buku ini sahaja, mungkin pembaca ini terhad. Kalau dalam *Facebook*, ada satu ruangan paling popular iaitu Cuka Ria, di ruangan tersebut kita boleh menulis, meluahkan dan ia sedikit bebas dan tidak terikat dengan etika tapi, kalau kita menulis dalam Dewan Bahasa dan Pustaka, Dewan Sastera, Dewan Masyarakat, Dewan Tamadun Islam atau Dewan Budaya kita akan terbatas dengan etika. Etika ni tak boleh memperlekehkan individu dan menyentuh agama, budaya, kaum dan raja-raja tapi kalau ada penulisan di dalam buku ini, kita bebas.

Soalan 2 : Apakah gaya penulisan atau teknik yang diaplikasikan oleh tuan dalam Kumpulan Cerpen *Cahaya Dari Perabung*?

Jawapan 2 : Keseluruhannya, karya saya termasuklah *Cahaya Dari Perabung* ni, dalam penulisan cerpen dan karya-karya kumpulan dahulu pun dan akan datang, saya akan menekankan dua konsep sahaja, pertama saya adaptasikan cerpen saya dengan kisah sebenar tapi adaptasi ini disesuaikan dalam bentuk cerpen cerita pendek yang mempunyai plot, jalan cerita yang menarik, menimbulkan konflik dan penyelesaian konflik. Jika ditanya, cerpen saya ini perkukuhkan dari segi *intro* atau pembukaan, *intro* cerpen-cerpen saya ini kalau boleh biar cerpen ini kalau awak dah biasa menulis dulu di sekolah menengah iaitu majalah sekolah, cerpen dia tak gagah saya pun pernah mengalami dan cerpen itu sekadar cerita, *flat* mendatar sedangkan cerpen yang pembaca nak ni cerpen yang mempunyai konflik dan bagaimana nak menyelesaikan konflik dan pemilihan tema. Saya akan perkukuhkan dan gagahkan pada bahagian *intro* kemudian, saya pun terpengaruh *ending* cerpen saya banyak *sad ending* jarang *happy ending* kalau orang selalu menonton filem Melayu atau Hindi akan ada *happy*

ending, tetapi dalam filem orang putih atau lain-lain biasanya sad ending atau suspen contohnya, “saya nak tembak, tunjuk pistol dan orang tak mati dan tak hidup” penonton yang perlu menilau, saya nak suruh pembaca menilai jadi itu teknik saya, orang lain bentuk lain. Oleh kerana saya pernah berkerja sebagai *reporter* dan pemberita di Bernama, cerita yang kita nak tulis mesti ada nilai yang orang nak baca, misalnya buka cerpen “biasa cuaca hari ini indah, aku duduk di beranda melihat burung-burung terbang” cerpen seperti ini adalah biasa, dia punya cerita yang sama tapi boleh diolah menjadikan menarik contohnya “ Aku duduk di beranda, aku melihat burung terbang, tiba-tiba burung tu jatuh, ada tembakan aku berdiri” dari sini pembaca boleh tahu bahawa burung jatuh bukan saja-saja. Saya dalam buku ni ada buku *Percakapan dengan Penulis* ni saya dah komen secara atas talian. Dalam kumpulan cerpen *Cahaya Dari Perabung* ni mempunyai lima tema. Bila kita banyak menulis, kita dah tak ingat dah cerpen kita tu tema apa. Kelemahan saya dalam karya, tiada kisah cinta tapi dalam kumpulan cerpen *Cahaya Dari Perabung* ada tema percintaan. Kalau saya, cerpen Ara ini kisah seorang pembantu rumah dan ingin pulang ke kampungnya. Cerpen *Ara* ini tema dia percintaan. Pasal *Ara* ini, menariknya ada yang kedua dan ketiga saya tulis, saya sebenarnya nak buat novel, Ara ni dia pembantu rumah dia dapat pemilik rumah yang baik kemudian, anak lelaki pemilik rumah yang baik dan disaat akhir mereka berdua jatuh cinta berpisah di airport. Cerpen *Gadis Phattalung* dan cerpen *Wajah Sebuah Desa* juga bertemakan percintaan. Cerpen *Banjir Air Mata* juga betul kalau dikategorikan sebagai tema pengorbanan tapi ia lebih kepada tema besarnya adalah isu semasa banjir. Cerpen *Ara*

ini, ketika bedah karya saya terlintas untuk buat *Ara* 2. Suatu hari, Ara ini dah balik kampung dan dah berkahwin dengan suaminya dan menjadi petani di pasar pagi dan dia nampak Munir, jadi dia balik tak tidur dalam ingatan tu tiba-tiba suami dia bawa van dan bawa balik Munir, rupanya Munir ni nak cari pekerja untuk bawa ke Malaysia. Kemudian, suaminya Nampak perubahan terhadap Ara tapi dia tak syak terhadap Munir tapi, isterinya malu kerana bawa Munir balik ke rumah dia.

Soalan 3 : Dari mana datangnya idea utama untuk menghasilkan Kumpulan Cerpen *Cahaya Dari Perabung*? Adakah ia diinspirasikan dari pengalaman sebenar atau imaginasi?

Jawapan 3 : kalau untuk pengakhiran cerita untuk suspen atau sedih itu sebenarnya bukan pengalaman sebenar tetapi hasil pengalaman penulisan pembacaan yang melekat contohnya, ada orang minat Korea, ada orang minat Hindustan, ada orang minat Melayu. Ada penulis lain nak mengakhirkan cerita dia ada cara tersendiri tapi bagi saya pengakhiran cerita yang menarik itu, sebahagian besar untuk pembaca itu menilai contohnya, cerpen *Ara* menjadi tarikan. *Banjir Air Mata* ni bila orang tanya “mana ayah” lembu semua selamat tapi belum menceritakan lagi tentang ayahnya dan bila ditanya lagi, barulah dijawab bahawa ayahnya masih lagi dicari dan itu sahaja pengakhirannya kita tak tahu ia mati atau masih lagi hidup. Ini boleh dikatakan bahawa, banjir di kawasan saya itu begini lah ceritanya sama dengan cerpen *Banjir Air Mata*. Seterusnya, cerpen *Buldozer* pula mengisahkan tentang realiti kehidupan dan cerita ini merupakan kisah benar. Saya buat dalam bentuk satira kerana dia melibatkan tentang kepimpinan. Biasa kita tulis cerpen satira ini kita tak berani untuk tulis

yang benar kerana ia melibatkan raja-raja, pemimpin politik ataupun orang yang terdekat dengan kita contohnya kawan baik kita nak sindir dia, kita guna satira. Semua jalan raya kalau nak buat mesti guna buldozer yang rantai macam kereta kebal, tapi apabila jalan raya siap dia tak boleh lalu di jalan raya tersebut ini saya adaptasi dari arwah Tan Sri Hussein Ahmad dia timbalan menteri besar Kelantan suatu dekad dulu. Kalau dia hidup pun, masa zaman Mahathir dan sudah berusia 100 tahun. Beliau merintis jalan dari pecan Rantau Panjang ke Pasir Mas dan jalan itu mengelakkan daripada jauh melalui tebing sungai sebelum ni Rantau Panjang ke Pasir Mas 24 kilometer kini hanya 12 kilometer sahaja. Dia yang merintis jalan tetapi sebab dia ada *clash* dengan raja, hari perasmian beliau tak boleh hadir dan ini merupakan kisah benar tentang cerpen *Buldozer* ini. Selepas itu, buldozer ini duduk di dalam stor dan tak tahu bila dia akan digunakan semula. Cerpen *Ara* pula awak bayangkan seorang wanita yang kecewa duduk tidur dengan *frust* dan ada orang cakap juga bahawa cerpen *Ara* ini tidak logik “takkan Munir duduk sebelah tak perasan” tapi dah dia terlalu sedih dan Ara tengok Munir di sebelah. Mereka dalam satu penerbangan dan bila turun tuning Ara ada, agaknya situasinya macam mana? Cerpen *Gadis Phattalung* ini juga menarik yang mengisahkan tentang seorang gadis Thailand yang bekerja di sebuah kedai kain di Gua Musang dan apabila COVID-19 beliau pulang ke Thailand dan selepas sempadan boleh dibuka, pemilik kedai kain itu pergi ke Thailand bersama-sama keluarganya untuk mencari gads tersebut tapi bila sudah sampai di Sungai Golok terdapat stesen dan pemandu yang ingin dinaiki itu merupakan tunang gadis tersebut. Rumah kami yang bertemakan satira juga, yang

mengisahkan tentang dalam sungai, dalam parit dalam kolam, dalam tasik tapi sekarang orang timbus-timbus yang merupakan sindiran juga. Cerpen *Cahaya Dari Perabung* pula yang merupakan kisah yang saya alami sendiri di Gua Ikan, Dabong. Pukul 12 hingga pukul 1, bila kita naik dalam gua dia ada perabung, dan ada tiga lubang dan akan ada cahaya turun seperti *spotlight* dan disitulah orang berdoa, tapi saya adaptasi sedikit kisah supaya nampak logik. Ada orang yang naik atas gua ni tak guna malim gunung dan ia bahaya kerana batu-batu di situ tajam dan runcing dan sebab itu kita kena pakai *helmet*. *Lilin Tidak Jadi Terbakar* juga merupakan sindiran yang mengisahkan sambutan hari jadi seorang ayah tapi tiba-tiba ayahnya hilang. Pertama, ayah dia *frust* kedua, anak-anak asyik bermain telefon dan duduk bilik masing-masing tapi yang sebenarnya saya nak sampaikan tentang cerpen ini adalah dia kecewa bila sambut hari jadi dia isteri dia tiada dah beliau hilang balik ke rumah, kisah ini kisah keluarga sebenarnya. Cerpen *Juadah Nek Som* ni macam sindiran juga yang mengisahkan masjid berbuka puasa dan memanggil tetamu mahal-mahal, juadah mahal-mahal tapi ada gerai orang kampung itu menjadi tumpuan dan ini merupakan sindiran kerana nak menunjuk-nunjuk bahawa kita nak buka puasa ni kita tak boleh menunjuk dan cerpen *Hotel* juga tema satira, di Kota Bharu ni dulu ada satu hotel yang amat terkenal namanya Hotel Temenggung, tapi bila hotel ni tiada ruang parkir, tiada *lift*, tiada kolam renang dan makatrttrasa dukacita dan berlakunya protes serta cerpen ini adalah kisah benar. Cerpen *Wajah Sebuah Desa* pula kisah Nielda yang ingin mencari penulis yang telah meninggal dunia novel *Wajah Seorang Seniman Desa* dan cerpen ini bertemakan cinta.

Cerpen *Dun Kuala Tiga* merupakan cerpen tema politik yang mengisahkan tentang protes penulis iaitu bila banjir berlaku orang datang *selfie*, bagi makanan sikit *selfie* sedangkan mangsa banjir masih belum selesai lagi masalah. *Rumah sejarah* ini saya ambil cari Kumpulan Cerpen *Rumah Kenangan* dan cerpen ini berakhir dengan suspen juga.

Soalan 4 : Apakah nilai ataupun pendirian hidup yang tuan ingin tunjukkan melalui watak-watak dari Kumpulan Cerpen *Cahaya Dari Perabung*?

Jawapan 4 : Kalau awak perasan, watak yang saya gunakan atau saya bagi ini mestilah sesuai dengan cerpen. Kalau cerita tentang orang kampung, kita akan letak nama orang kampung kalau letak nama moden tak sesuai. Pemilihan nama watak itu sangat penting misalnya, dalam cerpen *Juadah Nik Som* ini sesuai kerana dia orang Kelantan, seorang wanita dan menjual kuih-muih tradisional tapi, kalau letak nama moden contohnya, Nadia, Maisarah ni tak sesuaillah. Jadi kalau watak dalam banjir itu, watak dia jangan tulis Amir sebab tak sesuai. Pemilihan watak ini dalam cerpen, watak utama seorang tapi watak-watak lain ada tiga dan kalau boleh jangan banyak watak dalam cerpen. Kalau banyak watak nanti tak faham misalnya, cerpen *Ara* watak utama adalah Ara dan watak lain itu adalah sampingan disebut seratus orang pun tidak apa. Watak utama itu seorang dan watak pembantu dua orang contohnya dalam cerpen *Ara*, watak Munir itupun sedikit sahaja dan kita ada juga sebur tukang kebun, pemandu, jaga kita tak sebut nama tapi yang penting adalah watak Ara dialah yang duduk dalam bilik, susun baju dan sebagainya. Pemilihan watak itu perlu kukuh dan maksud kukuh ini misalnya, kita cerita tentang pembantu rumah dan cerita itu mesti melingkari hal dia sebagai pembantu rumah dan jangan ada

watak lain. Kalau watak dalam cerpen *Gadis Phattalung* kisah tentang keluh kesah untuk pergi ke Thailand, dan Gadis Phattalung ni pun ada nama sahaja watak dia tak wujud pun cuma *flashback* ketika dia jual kain daripada jual kain boleh jadi jaga kaunter kerana emak kepada watak utama itu berkenan gadis itu. Watak itu biar sesuai dengan cerita.

Soalan 5 : Adakah karya yang dihasilkan Mukhtar Mustafa ini mencerminkan pandangan peribadi terhadap isu sosial, agama, atau kemanusiaan?

Jawapan 5 : Kalau dalam Kumpulan Cerpen *Cahaya Dari Perabung*, aspek sosial banyak iaitu kritikan sosial contohnya dalam cerpen *Banjir Air Mata*. Kritikan sosial yang paling banyak adalah mengenai tanah yang diambil dan situlah berpunca terjadinya banjir. Kedua, adalah cerpen *buldozer*. Kalaupun aspek keagamaan, tak tersentuh banyak dalam buku ini. Tema politik, satira adalah kritikan sosial contohnya *Buldozer*, *Rumah Kami*, *Hotel* dan tema isu semasa pun tentang kritikan sosial malah, kearifan tempat juga merupakan hal sosial. Kalau hal agama memang tiada tema yang khusus dalam buku ini. Rumah sejarah ini macam kritikan sosial juga, kisah Datuk Dollah yang jarang balik kampung dan kahir sekali mak dia meninggal dunia. Kebanyakan dalam buku ini kalau dibaca, kebanyakannya memang banyak kritikan sosial. Cerpen *Cahaya Dari Perabung* juga merupakan kritikan sosial, kerana orang tidak mematuhi syarat-syarat untuk naik ke Gua Ikan, Dabong. Malim gunung ini, dia ada sijil yang dikeluarkan oleh Jabatan Perhutanan, maksudnya kalau orang mendaki gunung dia perlu orang yang boleh membimbing dia, kalau misal Jabatan Laut tengok pemandu pelancong tiada lesen akan dikenakan tindakan.

Soalan 6 : Bagaimana kendirian tuan sebagai penulis mempengaruhi cara sesuatu konflik ataupun tema disesuaikan dalam cerpen-cerpen yang terkandung di dalam Kumpulan *Cerpen Cahaya Dari Perabung*?

Jawapan 6 : saya nak menyelesaikan itu, pertama macam saya sebut tadi saya banyak menyerah kepada pembaca tetapi semua cerpen saya menerapkan nilai positif contohnya *Cahaya Dari Perabung* itu nilai positif yang ada di dalam cerpen tersebut, kita kena ikut peraturan. Kedua, *DUN Kuala Sungai Tiga* pun ada nilai positif dalam aspek politik dan nilai positif yang diterapkan disini adalah dalam berpolitik tidak perlu ada dendam, bermusuhan dan berpolitik ni pula untuk memilih calon jadi sebab itulah jangan ada dendam sebab dendam tak mampu untuk menyelesaikan masalah dan inilah nilai positif yang saya terapkan dalam cerpen ini. Kalau sebahagian tema saya, nilai positif saya terapkan untuk pembaca baca dan menilai sendiri dan kalau tema cinta pula, saya nak jelaskan bahawa perasaan manusia itu mendalam bila dia jatuh cinta dan akan bersungguh-sungguh contohnya dalam cerpen *Gadis Phattalung* yang bersungguh-sungguh sanggup merentas sempadan untuk mencari gadis tersebut. Seterusnya, dalam cerpen *Ara*, Munir sanggup pergi ke Indonesia dan *Wajah Sebuah Desa* pula watak Nielda yang sanggup pergi ke Kuala Sungai Kenerong kerana dirinya yang cinta akan seni bukan cinta pada orangnya.

Soalan 7 : Boleh tuan kongsi serba sedikit tentang cabaran yang dihadapi oleh tuan?

Jawapan 7 : Bila kita menulis cerpen, walaupun ia cerita pendek cerita rekaan tapi mesti ada logik. Logik dari segi naratif tempat dan naratif watak mesti tepat dan ini merupakan cabaran saya. Bukan sekadar menulis, misalnya cerpen *Gadis Phattalung* tu kita perlu tahu jarak yang sebenar dan kalau pergi ke Thailand kita mesti melalui CIQ tidak boleh nak lompat terus kemudian, bagaimana kenderaan di sana berbeza dengan kita malah, kita kene tahu jarak Sungai Golok ke Phattalung itu berapa jaraknya dan inilah yang dipanggil sebagai naratif tempat perkara ini kita kene tahu. Begitu juga dengan cerpen *Wajah Sebuah Desa*, naik kereta api itu bentuk macam mana? Tiba di Stesen macam mana keadaanya? Naiki apa apabila tiba di Kuala Sungai Kenerong? Berapa kilometre? Keadaan cuaca? Contohnya senja di desa sudah gelap kalau senja di Johor belum gelap lagi, jadi inilah yang dinamakan sebagai naratif. Begitu juga dengan cerpen *Banjir Air Mata*, kita perlu tahu sudah berapa lama hujan? Keadaan paras air? Apa yang hanyut dulu? Mestilah barang yang ringan jangan sebut perkara yang berat, jadi dekat sini kita perlu tahu naratif masalah tu bukan lah senang dan perlu *study*, *google* cari maklumat dan baca karya orang lain dan sebab itu kalau menulis tapi tiada naratif, orang akan persoalkan sebab tu saya ada sebut tadi, Ara tu Munir ada sebelah tak sedar ke? Tapi saya dah gambarkan ketika Munir hantar dia ke pintu masuk Ara nak naik kapal dulu kerana perasaan dia gelisah dan kapal ni beza dia satu jam, beerti Munir parkir kereta dulu naik kemudian. Dari segi logik, dia bawa kereta logiklah dia naik kemudian. Pengalaman saya, saya ni suka travel dan kalau kita naik awal kita tidur puas-puas ni kapal terbang tak gerak lagi, kita sedar barulah nak terbang. Itulah pentingnya naratif, dalam cerpen ni

tak boleh tulis “Mak Limah umur 65 tahun”, boleh tulis tak salah tapi tak boleh gambar macam itu, cerpen ni dia nak satu penghayatan kita misalnya “Mak Limah tersandar dia memandang sekeliling rumah, matanya yang kuyu, mukanya yang berkedut.” dan orang akan tahu. Kesemua jalan cerita perlulah logik.

Soalan 8 : Bagaimanakan tuan menggunakan penulisan untuk mencerminkan pandangan peribadi tuan dalam menyampaikan mesej?

Jawapan 8 : satu perkara yang penting, jiwa penulis ada jiwa seni. Seni ini sukar untuk belajar kalau awak tak pandai melukis masa darjah enam, awak keluar universiti pun awak tak pandai melukis, kalau awak tak pandai menyanyi, awak tidak akan pandai menyanyi. Seni ini anugerah Allah, ia sukar untuk dicari. Saya buka kelas cerpen acap kali kepada kumpulan kami, tetapi bila bentang ke Dewan Bahasa dikata *flat*. Cerita ini tak boleh *flat*, ia perlu ada konflik dan perlu ada kelainan serta perlu ada unsur suspen dalam cerpen. Pada permulaan mesti ada unsur suspen supaya orang akan baca. Perlu ada naratif, rujukan, sumber dan jangan menulis perkara yang palsu. Dalam penulisan, jangan menyentuh tentang peribadi seseorang dan kritikan yang dibuat perlulah berhemah dan jangan menyentuh tentang agama seseorang dan mempertikaikan agama seseorang. Kita perlulah berlembut supaya mereka tertarik kepada Islam. Yang kedua, kita jangan ciplak cerpen seseorang, nama pun perlu diubah mengikut kesesuaian. Saya memilih nama yang pelik-pelik contohnya Haji Basoli supaya takde orang nama yang sama. Kita perlu cari sesuatu yang logik melalui pencarian maklumat yang betul.

Soalan 9 : Apakah variasi atau perubahan yang dilakukan oleh Mukhtar Mustafa dalam setiap cerpen yang dikarang?

Jawapan 9 : Satu lagi, jarang orang buat iaitu tema satira contohnya *Buldozer*, *Banjir Air Mata* dan *Hotel* yang diwatakkan. Sekarang saya pun sedang buat kemarau, bagaimana kemarau terjadi dan saya kaitkan dengan manusia. Kita tak boleh menulis cerpen yang terlalu tradisional sangat. Kalau tema percintaan mestilah sesuatu yang *up-to-date*, kalau dalam buku saya tak banyak kisah cinta kerana nak tulis tentang cinta suka duka ni berdasarkan usia saya dan orang sezaman dengan saya ni dulu takde sangat bercinta. Pada zaman kini, banyak kepada sindiran kepada masyarakat sebagai contoh, menulis banyak cerpen-cerpen kesedaran tema agama yang saya buat dalam kumpulan cerpen ini, contohnya cerpen *Rumah Sejarah* yang mengisahkan dia pergi masjid dan dengar orang mengajar tetapi semua yang diucapkan itu oleh penceramah seperti menyindir dia, dia balik dan teringat dia dah lama tak balik jumpa ibunya walaupun, dia dah pergi mekah banyak kali tapi tak pernah bawa ibunya dan ini merupakan sentuhan agama secara tidak langsung. Dalam cerpen saya banyak, sentuhan secara tidak langsung, kritikan secara tidak langsung, kemarahan secara tidak langsung, kebaikan secara tidak langsung dan itulah pentingnya kandungan di dalam cerpen. Di dalam cerpen *Ara*, terdapatnya kemiskinan berlaku pada watak Ara, kerana dia datang berkerja hanya membawa tiga pasang baju sahaja tapi, disebabkan majikannya yang baik hati membellinya pakaian, Ara langsung tidak memakai baju yang dibawanya sendiri.

Soalan 10 : Dalam konteks sastera, adakah tuan rasa penting sebagai seorang pengarang mempertahankan identiti atau prinsip sendiri dalam berkarya?

Jawapan 10 : kita perlu ada identiti sendiri, kalau orang baca walaupun tiada nama penulis, orang tahu itu cerpen Mukhtar Mustafa. Kalau identiti saya, *intro* sudah baik dan ending mesti *sad ending* atau suspen kerana saya jarang guna *happy ending*.

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

Lampiran B



Gambar 1: Temubual bersama Tuan Mukhtar Mustafa (Pengarang Kumpulan Cerpen *Cahaya Dari Perabung*)



Gambar 2: Karya kumpulan cerpen yang dihasilkan oleh Mukhtar Mustafa